

Bil. 47

**Rabu
5 Disember 2018**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.46	(Halaman 21)
Maksud B.47	(Halaman 55)
Maksud B.48	(Halaman 86)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 19)
Usul Anggaran Pembangunan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.46	(Halaman 21)
Maksud P.47	(Halaman 55)
Maksud P.48	(Halaman 86)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad - *Senator*

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
3. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
6. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
7. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
8. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
9. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
16. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
17. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
18. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
19. “ Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
20. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasar Gudang] – PKR
21. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
22. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
23. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
24. “ Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai] – PKR

25. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
26. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
27. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
28. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
31. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
32. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
33. “ Dato' Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
34. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
35. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
36. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
37. “ Dato' Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
38. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
39. “ Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
40. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
41. “ Dato' Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
42. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
43. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
44. “ Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] - PPBM
45. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
46. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
47. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
48. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
49. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
50. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
51. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
52. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
53. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
54. “ Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
55. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
56. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
57. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
58. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
59. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
60. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
61. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
62. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
63. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR

- 64 Yang Berhormat Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
 65 “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
 66 “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
 67 “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
 68 “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
 69 “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
 70 “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
 71 “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] – DAP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
4. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
5. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
9. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
12. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
13. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
14. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
15. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
17. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
18. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
19. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
20. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
21. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – UMNO

22. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
23. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
24. “ Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
25. “ Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
26. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
27. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
28. “ Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
29. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
30. “ Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
31. “ Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
32. “ Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
33. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
34. “ Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
35. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
36. “ Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
37. “ Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
38. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – UMNO
39. “ Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – UMNO
40. “ Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
41. “ Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - UMNO
42. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
43. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
44. “ Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
45. “ Dato' Sivarrajh Chandran [Cameron Highlands] - MIC
46. “ Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
47. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
48. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
49. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
50. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – UMNO

51. Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhi bin Shaari [Pasir Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [lgan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]
2. “ Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah]
3. “ Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Dato' Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
3. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (WARISAN)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
4. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PBS)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

AHLI-AHLI (PBRs)

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

AHLI-AHLI (UPKO)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Noraidah binti Manaf

Siti Norlina binti Ahmad

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 5 Disember 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah perkembangan terkini mengenai rancangan untuk memisahkan peranan Pendakwa Raya Negara dengan Peguam Negara dan bagaimanakah punca kuasa dan pelaksanaan ini dapat dilaksanakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Ahli Parlimen Sungai Petani, yang bertanyakan satu soalan yang amat penting dan juga soalan yang bagi saya amat baik. Jadi saya perlu- *I think* saya perlu mengemukakan soalnya lebih kurang. Menyatakan apakah perkembangan terkini mengenai rancangan untuk memisahkan peranan Pendakwa Raya Negara dengan Peguam Negara dan bagaimanakah punca kuasa dan pelaksanaan ini dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa untuk menjawab soalan ini, saya rasa kita perlu pergi pertamanya kepada manifesto dululah. Saya akui memang dalam Manifesto Pakatan Harapan, dalam janji yang ke-15, memang kita ada menyatakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani dalam soalan tersebut iaitu memisahkan Peguam Negara dengan Pendakwa Raya Negara. Dalam bahasa Inggerisnya, *Attorney General* dan juga *Public Prosecutor*.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Petani dan juga Ahli-ahli Parlimen sekalian, berdasarkan kerangka undang-undang yang ada sekarang, khususnya dalam Perlembagaan memang kita ini adalah dipanggil *fuse* ataupun satu- Peguam Negara adalah juga di samping ia penasihat kerajaan, ia juga adalah sebagai pendakwa raya dalam kerangka undang-undang sekarang. Itu dalam Perkara 145, Perlembagaan Persekutuan, memang ada peruntukan itu. Ini juga ada satu Perkara 376 Kanun Prosedur Jenayah (CPC). Jadi ini yang menyebabkan dalam undang-undang sekarang ini tidak ada pemisahan. Jadi janji Pakatan Harapan untuk pisahkan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Sungai Petani, memang di beberapa buah negara lain memang mereka telah memisahkan perkara ini. Dalam janji manifesto kita, kita mengatakan antara sebab kenapa kita hendak pisahkan ini ialah kerana di sana wujudnya dipanggil konflik kepentingan, *conflict of interest*. Jadi, saya buat masa ini untuk makluman Yang Berhormat Sungai Petani tidak ada lagi mana-mana keputusan dibuat oleh Jemaah Menteri ataupun pihak kerajaan untuk melaksanakan ini kerana kita ada kekangan iaitu kita tidak ada kuasa dua pertiga. Maka kita tidak boleh buat ini kecuali kita meminda Perlembagaan.

Hendak meminda Perlembagaan Tuan Yang di-Pertua, kita perlukan ikut Perlembagaan berdasarkan satu Perkara 159(3). Ia memerlukan dua pertiga. Jadi buat masa ini kita rasa, kita tidak ada dua pertiga dan kita tidak mahu ambil risiko apabila kita bentang di sini mungkin tidak diluluskan. Jadi, kita buat masa ini tidak ada lagi tetapi saya hendak beritahu dengan Yang Berhormat Sungai Petani, memang perkara ini telah dibincangkan cumanya belum ada keputusan untuk bawa ini. Mungkin akan berlakulah tetapi saya tidak tahu bilalah. Jadi, itu sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau Tuan Yang di-Pertua masih ingat, suatu masa dahulu, zaman dahulu terdapat apabila seorang pemerintah mempunyai masalah dan boleh dibawa ke mahkamah tetapi Peguam Negara tidak boleh bawa kerana ia telah pun dibuang dan dipecat. Itu masalah yang kita ada. Jadi telah terbukti bahawa harus dipisahkan di antara dua entiti ini iaitu Peguam Negara dan juga Pendakwa Raya Negara.

Yang Berhormat Menteri menjawab akan dibuat pindaan perubahan sekiranya ada dua pertiga. Saya yakin kalau satu jawatankuasa ditubuhkan sekarang dan saya yakin juga pihak di sebelah sana kawan-kawan kita di pembangkang, yang telah pun menyaksikan apa yang telah berlaku dalam negara kita bagaimana seorang Perdana Menteri tidak boleh diambil tindakan oleh *conflict of interest* tadi, saya yakin di sebelah sana juga mahukan perubahan. Jadi saya mengesyorkan pihak kerajaan memulakan menjemput pihak sana tubuhkan jawatankuasa, kita bincang supaya perkara yang baik ini, untuk negara ini boleh dilakukan dalam masa yang terdekat. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang itu? Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat kerana soalan tambahan itu juga soalan yang baik. Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa Yang Berhormat Sungai Petani, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sungai Petani itu kita pihak kerajaan akan mengambil berat. Saya *in syaa Allah* lah, bagi pihak saya oleh kerana saya dalam JPM ini, Bahagian Undang-undang, saya akan cuba kemukakan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi kepada pihak yang sepatutnya untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.

Untuk tambahannya saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Sungai Petani, memang kalau- walaupun sekarang kita tidak lagi ada pemisahan itu, tetapi saya berani mengatakan telah ada satu perubahan besar apabila kita melantik seorang Peguam Negara yang baharu.

■1010

Sebagai contoh, tidak pernah kita terfikirkan kita boleh mendakwa seorang bekas Perdana Menteri. Selama ini kita lihat Perdana Menteri akan didakwa ini kalau di Korea. Lepas jatuh kuasa, kita akan dapat mereka ambil gambar dalam keadaan bawa ke mahkamah. Akan tetapi buat kali pertama dalam Malaysia, rakyat Malaysia telah melihat bagaimana seorang bekas Perdana Menteri telah dibawa ke mahkamah. Kita juga telah menyaksikan bagaimana seorang yang menjadi *mastermind* dalam kes ini juga *discharged* atau didakwa di mahkamah, *an extension* dengan tanpa kehadiran.

Ini juga satu perkara yang berlaku yang tidak pernah kita fikirkan sebelum ini. Sebelum ini, tidak pernah kita fikir orang seperti Jho Low akan didakwa. Akan tetapi sekarang ini, Jho Low telah pun didakwa semalam dengan tujuh pertuduhan. Bekas Perdana Menteri juga telah didakwa. Mungkin juga selama ini saya bagi tahu dengan Tuan Yang di-Pertua, kami khususnya pelajar undang-undang, kami selalu terfikir, boleh kah Peguam Negara didakwa? Saya hendak bagi tahu, saya tidak tahulah akan berlaku tetapi saya percaya tidak mustahil benda ini berlaku dalam Kerajaan Pakatan Harapan sekarang. Mungkin akan berlaku buat pertama kali dalam sejarah, bekas Peguam Negara akan dibawa ke mahkamah oleh Peguam Negara sekarang. Tidak mustahil berlaku.

Jadi, inilah yang kita rasa walaupun tidak ada pemisah, tidak ada lagi pindaan tetapi kita telah memulakan langkah untuk menunjukkan kita amat serius dalam isu ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan berhubung dengan persoalan ini. Saya ingin beri jaminan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kami daripada PAS akan menyokong penuh pemisahan kuasa tersebut dan ini yang kita perjuangkan. Isunya bukan soal boleh dakwa atau tidak boleh dakwa.

Kalau kita kata bahawa dahulu pun boleh, sekarang dengan tiada pemisahan boleh dakwa, bermakna kita membelakangkan apa kenyataan kita sebelum ini bahawa kita tidak boleh buat pendakwaan. Ternyata boleh buat pendakwaan tanpa pemisahan kuasa. Akan tetapi yang jelasnya, pemisahan kuasa mesti berlaku, mesti dibuat. Saya penuh yakin rakan-rakan yang lain juga dari pembangkang inginkan melihat satu suasana baharu dalam peruntukan-peruntukan perundangan kita yang ada. Kita harapkan *in syaa Allah* perkara ini akan dapat dipercepatkan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kubang Kerian. Terima kasih juga kerana jaminan yang diberikan oleh pihak PAS untuk menyokong sekiranya ada pindaan dibuat. Jadi, kita mengucapkan terima kasih lah dan saya harap perkara ini pihak PAS bukan hanya keputusan Yang Berhormat Kubang Kerian, tetapi keputusan PAS bersama. Akan tetapi bagaimanapun saya hendak bagi tahu dengan Yang Berhormat Kubang Kerian, yang maksud saya tadi itu dalam keadaan kita tidak ada pindaan ini kita boleh dakwa ini, menunjukkan dekat sini wujudnya *misused of* dia punya *political will* untuk kita membuat perkara ini dan ini tidak berlaku dalam kerajaan lama.

Saya tidak boleh bayangkan kalau sekiranya tidak berlaku perubahan kerajaan, mungkin kita tidak akan dapat menyaksikan, mungkin sampai bila-bila pun seorang bekas Perdana Menteri didakwa di mahkamah. Akan tetapi sekarang, terbukti. Walaupun ada berlaku kekecohan apabila kita melantik seorang Peguam Negara yang mungkin bukan dari golongan yang dikatakan bukan daripada orang Melayu dan sebagainya jadi isu, tetapi terbukti beliau seorang yang komited dalam menegakkan keadilan. Sekarang, terbukti selama ini kita fikirkan benda ini jadi halangan hendak dakwa dan sebagainya, dah terbukti benda ini dah, telah dapat dihapuskan.

Jadi, saya hendak bagi tahu dengan Yang Berhormat Kubang Kerian, saya mengucapkan terima kasih lah dan saya harap Yang Berhormat Kubang Kerian juga oleh sebab sekarang dah baik dengan Barisan Nasional, tolonglah pujuk dengan Barisan Nasional untuk menyokong juga. Saya percaya orang Barisan Nasional akan dengar cakap PAS. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Saya melihat Perlembagaan di tangan saya Perkara 145(1) hingga (6) terutama (3), memang kita perlu pinda jika kita ingin memisahkan kuasa itu. Adakah Kertas Kabinet telah dibuat untuk melaksanakannya? Saya kira perbincangan dengan pihak kami juga perlu dibuat. Jika kebbaikannya melebihi daripada keburukan, tentu saya menyuarakan suara UMNO di sini.

Tadi, Timbalan Presiden PAS sudah menyuarakan suara PAS, kami tidak ada halangan besar untuk tidak bersetuju, untuk memastikan dua pertiga diperoleh. Jika Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi menyebut bahawa Peguam Negara boleh mendakwa seorang bekas Perdana Menteri, tetapi Peguam Negara juga telah menggugurkan kes seorang Yang Berhormat Menteri. Jadi, perkara itu perlu dilihat dari pelbagai sudut sebab ia perlukan keadilan. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Pontian kerana berminat juga dengan isu ini. Saya jawab yang *last* dahululah, dia kata ada seorang digugurkan. Zaman BN lagi ramai yang digugurkan pendakwaan. So, saya hairan kenapa dia nampak yang kecil, tidak nampak yang besar. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kongsi satu cerita sedikitlah. Cerita sikit, untuk makluman. Ada seorang pelajar tidak naik kelas kerana dia ini proteslah. Dia kata kenapa cikgu, saya tidak naik kelas. Jadi, cikgu buat satu *test*. Dekat satu *whiteboard*, cikgu buat satu tanda kecil iaitu satu *'dot'* warna hitam.

Cikgu tanya pada pelajar ini, apa yang kamu nampak di depan? Kata pelajar ini, saya nampak titik hitam. Kata cikgu, sebab itulah kamu tidak lulus. Ini sebab kamu tidak nampak *whiteboard* yang besar, kamu nampak titik hitam. Macam itulah juga Yang Berhormat Pontian. Dia nampak yang Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak nampak yang zaman dahulu banyak yang tidak didakwa, di mana yang didakwa pun ditarik balik.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tetapi ini...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Apa yang mereka lakukan kepada Yang Berhormat Port Dickson...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini Malaysia baharu atau tidak?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: *Beyond imagination*. Akan tetapi saya hendak kata, inilah masalah. Akan tetapi bagaimanapun Yang Berhormat Pontian, terima kasihlah kerana Yang Berhormat Pontian kata Yang Berhormat Pontian juga hendak sokong ya. Jadi Yang Berhormat Pontian, saya harap lepas ini berbaik-baiklah dengan PAS lagi rapat lagi, untuk berbincang lagi benda ini. Sekian, terima kasih.

2. Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta Menteri Pendidikan menyatakan, kedudukan semasa *ranking* global Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) negara dan apakah ukuran yang digunakan bagi mengenal pasti prestasi pendidikan tinggi negara.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Besut [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *ranking* institusi pendidikan tinggi (IPT) adalah penting tetapi bukan menjadi matlamat utama sesebuah IPT. Sebaliknya, IPT perlu membuat perancangan dalam memberi fokus kepada meningkatkan kualiti graduan, kualiti institusi dan kualiti keseluruhan sistem.

Berdasarkan perancangan tersebut, universiti awam telah berjaya meningkatkan kedudukan *ranking* global di seperti yang dilaporkan oleh *QS World University Rankings 2019*, dengan izin. Kedudukan Universiti Malaya telah meningkat dari kedudukan ke-114 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke-87 pada tahun 2019. Universiti Kebangsaan Malaysia meningkat dari kedudukan ke-230 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke-184 pada tahun 2019. Universiti Putra Malaysia meningkat dari kedudukan ke-229 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke-202 pada tahun 2019. Universiti Sains Malaysia meningkat dari kedudukan ke-264 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke-207 pada tahun 2019. Akhirnya, Universiti Teknologi Malaysia meningkat dari kedudukan ke-253 pada tahun 2018 kepada kedudukan ke-228 pada tahun 2019.

Seiring dengan peningkatan pengiktirafan global seperti *ranking*, hasil penyelidikan dan paten pendidikan tinggi negara berkembang pesat dan semakin kukuh sejak beberapa dekad yang lalu. Pendidikan tinggi negara merupakan antara destinasi pilihan terulung bagi pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pengajian. Justeru, melihat kepada trend peningkatan pelajar antarabangsa, maka sasaran sebanyak 250,000 pelajar antarabangsa menjelang tahun 2025 telah ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Pelan berkenaan telah mensasarkan lima *outcomes* sebagai akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan dan kini sedang melalui *midterm review 2016–2020* iaitu fasa tambah baik agar pendidikan tinggi negara kekal berdaya saing seiring trend global dan cabaran revolusi perindustrian keempat. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

■1020

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan baik menunjukkan peningkatan ranking universiti-universiti seluruh negara. Cuma yang saya hendak ingatkan di sini ialah dahulu apabila Menteri baru menjadi Menteri dahulu, banyak kenyataan-kenyataan yang dikatakan yang *not to be obsessed*, dengan izin, *with rankings*, seolah-olah ranking tidak mustahak.

Sebenarnya rangking itu ada dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang semasa itu dilancarkan oleh- semasa itu Yang Berhormat Pagoh menjadi Menteri sebenarnya.

Apabila dikatakan tidak mustahak tetapi dalam Rancangan Malaysia Kesebelas apabila dilancarkan oleh Perdana Menteri, Perdana Menteri mengatakan pentingnya *ranking*, jadi saya tidak mahu *contradictory statement* keluar daripada kementerian dari semasa ke semasa.

Sebagaimana juga dengan PTPTN, kita lihat *contradictory statement* ini yang tidak berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Negara. Manifesto mengatakan kena bayar jika gaji lebih daripada RM4,000. Bajet mengatakan bayar jika gaji lebih daripada RM1,000. Minggu lalu Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bayar gaji lebih daripada RM2,000. Jadi kita lihat dalam masa enam bulan, tiga *statements* yang berbeza, *policy statements* yang berbeza.

Apa yang saya hendak tekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya minta supaya kementerian merujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang memang kita mengambil kira semua pandangan orang ramai, pensyarah, warga pendidik, pelajar yang juga mempunyai 12 ahli panel bebas Malaysia daripada Profesor Tan Sri Zul sendiri, Tan Sri Tony Fernandes, Azman Mokhtar, Jeffery Cheah, Tan Sri Zarinah Anwar, Tan Sri Kamal Hassan dan sebagainya dan tidak kurang juga daripada panel bebas daripada antarabangsa seperti Dr. Andreas dari OECD, Dr. Byong, mantan Menteri Pendidikan Korea, Michael Fullan dan Profesor Sing Kong Lee daripada Singapura.

Apa yang saya hendak katakan di sini ialah...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila ajukan soalan.

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]: Ingin mengatakan adakah- ini bersabit dengan PPPM. Adakah kementerian sekarang menggunakan PPPM sebagai panduan dalam melaksanakan tugas harian di kementerian?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Timbalan Menteri Pendidikan.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Besut atas soalan tambahan tersebut. Saya rasa sebenarnya kenyataan Kerajaan Pakatan Harapan ataupun Kementerian Pendidikan Malaysia adalah sangat jelas iaitu *ranking* bukanlah sasaran satu ke satu sahaja tetapi ia memang merupakan satu *reference*, satu rujukan yang kita akan pakai kerana saya rasa bukan sahaja kita hendak pakai itu tetapi lagi penting adalah untuk pelajar-pelajar itu...

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]: Bukan rujukan- ia merupakan nombor lapan dalam syif lonjakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Besut, bagi peluang Timbalan Menteri menjawabnya.

Puan Teo Nie Ching: Betul tetapi saya di sini juga...

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]: Rujukan tidak cukup. Ia lonjakan.

Puan Teo Nie Ching: Itu salah satu lonjakan, betul, itu saya tidak nafikan. Akan tetapi, saya juga hendak mengingatkan Yang Berhormat Besut yang juga bekas Menteri bahawa itu adalah salah satu rujukan. Lima sasaran yang saya sebut tadi termasuklah akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan juga kecekapan, itu juga merupakan salah satu rujukan yang tercatat dalam PPPM juga. Jadi kita bukan sahaja fokus kepada *ranking* tetapi secara keseluruhan. Lebih banyak cara atau kaedah yang kita boleh menilai ataupun mengakses pencapaian pendidikan tinggi di Malaysia.

Macam salah satu sasaran kita iaitu akses, enrolmen pendidikan tinggi pada tahun 2012 pada tahun itu adalah 48 peratus dan sasaran kita adalah meningkatkan enrolmen kita kepada 70 peratus pada tahun 2025. Itu juga satu sasaran yang telah ditulis dalam PPPM. PPPM ini bukan ditulis oleh saya tetapi pada zaman Barisan Nasional, PPPM ini telah siap sedia. Jadi saya rasa ini juga perlu menjadi satu sasaran kita, satu aspek yang kita perlu beri fokus yang banyak.

Selain daripada itu, dari segi kualiti. Kualiti kita bukan rujuk kepada ranking di antarabangsa sahaja tetapi juga kita perlu meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan kita. Pada masa sekarang, kadar kebolehpasaran graduan kita adalah lebih kurang 75 peratus dan kita menyasarkan untuk meningkatkan kebolehpasaran mereka kepada 85 peratus. Jadi bagi saya, itu adalah salah satu sasaran yang cukup penting juga.

Juga dari segi ekuiti. Kita bukan sahaja hendak kualiti pendidikan, kualiti yang cukup baik tetapi juga ekuiti. Kita hendak golongan B40, atlet sukan, Orang Asli dan juga OKU yang layak juga berpeluang untuk menuntut ilmu di IPTA dan juga IPTS.

Jadi saya rasa ini semua sebenarnya adalah sasaran lonjakan kita yang kita telah sasarkan dalam PPPM 2015-2025. Saya rasa bahawa pelan ini memang kita akan angkat semangatnya. *We will still carry the spirit.*

Akan tetapi dari segi pelaksanaan, sekarang ini kita masih di dalam *midterm review*. Jadi kalau kita selepas *midterm review* ini, kita akan nampak jurangnya di antara sasaran dan juga pelaksanaan kita. Selain daripada itu, mungkin ada sasaran yang sekarang sudah tidak menjadi relevan lagi, kita perlu ubah pelan tindakan kita. Ini akan kita buat keputusan selepas kita habiskan *midterm review*.

Jadi saya rasa tidak perlu risau dan janganlah putar belit. Bagi kita, *ranking is important but it is not the only...*

Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut]: Tidak putar belit. Menteri yang membuat keputusan demi keputusan.

Puan Teo Nie Ching: Jadi, itulah jawapan saya.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada Bagan Serai.

Kita amat berbangga dengan pencapaian universiti-universiti awam Malaysia ini di peringkat antarabangsa terutamanya lima *research university* iaitu UM, UKM, UPM, USM dan UTM. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri dahulu, warga kementerian dahulu, visi-visi warga universiti dahulu dan juga pelajar-pelajar. Kita harap Menteri baharu dan visi-visi baharu dapat meningkatkan lagi tahap pencapaian universiti kita di peringkat antarabangsa.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri... *[Disampuk]* Dapat tangkap itu. Apabila sebut visi UKM, dia dapat tangkap. Bagus.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, bagaimanakah hala tuju strategik universiti-universiti yang lebih muda seperti UPSI, UNIMAP, UMK, UMT, UniSZA dan lain-lain, bagaimanakah kecemerlangan diukur bagi universiti-universiti yang berlainan usia dan hala tuju ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Di dalam universiti ataupun kolej ataupun universiti kolej di Malaysia, kita ada dua cara untuk akses ataupun menilai pencapaian mereka iaitu MyQUEST dan juga SETARA. MyQUEST adalah diwujudkan untuk semua kolej IPTS di Malaysia dan juga SETARA adalah diwujudkan untuk universiti kolej dan juga universiti. Pada tahun 2017, *the ratings- not ranking but ratings- of MyQUEST*, sebanyak 206 buah kolej IPTS telah menyertai dalam program tersebut dan untuk SETARA pada tahun 2017 di mana 71 universiti kolej dan juga universiti telah menyertai dalam MyQUEST pada tahun 2017.

Salah satu cara yang kita tengah fikir adalah kita mewajibkan kesemua IPTS dan juga IPTA untuk menyertai sama ada SETARA ataupun MyQUEST supaya kita boleh memberi satu rating yang lebih komprehensif untuk memudahkan pelajar-pelajar untuk membuat pilihan apabila mereka hendak pergi ke mana satu institusi untuk melanjutkan pelajaran mereka. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

3. Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, jumlah pusat dan kos perbelanjaan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) mengikut tahun sejak ia diwujudkan. Adakah PI1M akan diteruskan.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee bin Shith]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

■1030

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kepong dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan, sehingga ke hari ini, sebanyak 867 pusat internet telah siap dilaksanakan dan beroperasi sejak tahun 2007 dengan anggaran kos penyelenggaraan dan operasi tahunan yang dianggarkan lebih kurang sebanyak RM300,000 bagi setiap lokasi. Pelaksanaan pusat internet di seluruh negara adalah untuk memenuhi objektif utama dalam merapatkan jurang digital dengan penyediaan perkhidmatan capaian jalur lebar secara kolektif kepada masyarakat bandar dan juga masyarakat luar bandar.

Buat masa ini, kerajaan tidak berhasrat untuk menambah bilangan pusat internet yang sedia ada kerana tumpuan diberikan lebih kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang menyediakan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang dapat memberikan perkhidmatan komunikasi yang menyeluruh kepada penduduk setempat. Namun demikian, kerajaan sentiasa terbuka dengan semua bentuk pandangan dan sedia mempertimbangkan sebarang keperluan untuk mewujudkan pusat internet tersebut dengan mengambil kira faktor-faktor seperti masalah akses yang melibatkan kawasan luar bandar.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan *e-sport gaming* ataupun permainan *e-sukan* semakin popular di Malaysia dan aktiviti ini dapat merapatkan dan memajukan anak-anak muda kita yang berbilang kaum. Jadi soalan saya, adakah kerajaan berhasrat menjadikan pusat-pusat internet ini juga satu tempat untuk mereka bermain *e-sport* dengan kadar bayaran yang murah? Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kepong atas soalan tambahan tadi. Setakat hari ini, itu sahaja yang saya sebutkan. Kerajaan sedang membuat kajian dan sehingga ke hari ini kita masih belum berhasrat untuk menambah bilangan pusat internet ini apa lagi dalam perkara-perkara yang menyebabkan *e-sport* tadi bukan sebahagian daripada sasaran utama. Ini kerana kita lebih menumpukan kepada pembangunan infrastruktur dan juga akses. Sekiranya masalah akses ini dapat diselesaikan dengan mengambil kira kerajaan pada tahun hadapan akan memulakan pelan *fiberization* untuk menambahkan *speed* dan juga akses.

Jadi keperluan kepada untuk menyediakan pusat internet ini semata-mata untuk menyediakan kemudahan kepada anak-anak untuk bermain *e-games* ini, tidak termasuk di dalam objektif yang kita sebutkan tadi. Ini sebab kita percaya kalau akses ini dapat disediakan, kerajaan percaya disediakan kepada penduduk setempat, anak-anak akan lebih mudah untuk mengakses internet ini daripada rumah dan secara tidak langsung ini dapat memupuk dan mengukuhkan institusi keluarga yang merupakan asas kepada pembentukan komuniti yang baik di dalam satu kawasan itu. Walau bagaimanapun, sekiranya cadangan itu baik, kerajaan sedia mempertimbangkan dari semasa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Matlamat asal penubuhan Pusat Internet 1Malaysia kira-kira 10 tahun yang lalu untuk meningkatkan akses internet kepada masyarakat, khususnya di kawasan luar bandar yang sebenarnya dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat.

Saya hendak tanya kepada Menteri, sehingga kini berapa ramaikah keahlian Pusat Internet 1Malaysia ini daripada golongan khususnya usahawan desa yang telah pun berjaya dibantu melalui inisiatif ini? Apakah bentuk kerjasama yang dilaksanakan oleh Kementerian bersama agensi-agensi lain, khususnya bagi membantu usahawan-usahawan yang berada di kawasan luar bandar bagi mempromosikan produk-produk mereka melalui Pusat Internet 1Malaysia yang ada di dalam negara kita, khususnya yang berada di dalam kawasan luar bandar? Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih kepada Yang Berhormat Parit. Saya hendak tegaskan berkenaan dengan jumlah itu, saya tidak mempunyai maklumat yang lengkap dan tepat berkenaan jumlah berapa ramai yang telah berjaya kita hasilkan daripada program-program yang berasaskan kepada pusat internet ini. Sebab ada di kalangan agensi-agensi itu berbeza-beza.

Contohnya seperti program eRezeki ini dikendalikan oleh MDEC dan juga ada *e-commerce* melibatkan MCMC dan juga e-Cikgu misalnya melibatkan juga MCMC. Ini adalah program-program yang kalau *data audience* itu mempunyai jumlah program kategori capaian audiens, saya ada rekod untuk di Utara sebanyak 2,630 program, belia – 43,598, ibu bapa – 5,730 dan lain-lain – 36,017. Anggaran jumlah capaian audiens sebanyak 85,345- ini sehingga bulan Julai 2018. Di Wilayah Tengah, lebih kurang sejumlah 33,870 program melibatkan seramai 8,957 – belia dan 6,664 – ibu bapa dan lain-lain – 18,000.

Di Wilayah Selatan, sebanyak keseluruhan 431,547 program yang melibatkan 10,658 – belia dan 3,400 – ibu bapa serta lain-lain – 4,333. Timur, program yang dibuat 3,547 melibatkan 14,102 – belia, 6,913 – ibu bapa dan 22,296 – lain-lain. Keseluruhannya, capaian audiens seramai 43,311. Manakala di Sarawak, seramai 53,878 melibatkan 4,659 program, 18,867 melibatkan belia, 8,495 melibatkan ibu bapa dan lain-lain 26,516. Manakala di Sabah, program yang dijalankan sebanyak 2,654 melibatkan 41,915 – belia, ibu bapa – 19,297 dan lain-lain – 45,456 yang keseluruhannya tertinggi berjumlah 107,668.

Saya boleh berikan secara bertulis detil ini kepada Yang Berhormat Parit sekiranya perlu. Ini adalah capaian audiens. Akan tetapi jumlah hasil seperti yang ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi, saya tidak ada maklumat yang lengkap. Saya akan cuba cari dan akan bekalkan Yang Berhormat dengan maklumat yang lebih terperinci berkenaan capaian-capaian ataupun yang telah dihasilkan daripada program-program pusat internet yang ada pada hari ini.

4. Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah Lapangan Terbang Pengkalan Chepa berpotensi dijadikan Bandaraya Aeropolis pada masa hadapan. Apakah kerajaan bersetuju bahawa kerajaan sebelum ini telah mendiskriminasikan Kelantan dalam soal pembangunan infra seperti yang berlaku kepada Lapangan Terbang Pengkalan Chepa.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Sahabat saya Yang Berhormat Pengkalan Chepa bertanya tentang potensi Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra untuk menjadi Bandar raya Aeropolis dan keduanya, sama ada kerajaan dahulu yang sebelum ini mendiskriminasikan Kelantan dalam soal pembangunan infra.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra Kota Bharu, Kelantan bertindak sebagai *feeder*, dengan izin, atau sokongan kepada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan merupakan lapangan terbang domestik kedua paling sibuk selepas Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang. Lapangan terbang ini mengendalikan 171 operasi penerbangan seminggu. Pada masa ini, kerajaan hanya memfokuskan kepada pembangunan KLIA Aeropolis yang telah dikenal pasti sebagai salah satu daripada teras strategik dalam pelan perniagaan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

■1040

Zon pembangunan KLIA Aeropolis ini adalah berkeluasan 10 kilometer x 10 kilometer atau 22,270 ekar yang merangkumi tiga *cluster* utama iaitu kargo udara dan logistik, pusat perniagaan dan industri aeroangkasa dan ketiganya pusat pelancongan dan *meetings, incentives conferences and events* (MICE).

Pembangunan KLIA Aeropolis ini dijangka dapat menjana 208,300 peluang pekerjaan pada tahun 2055 dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) terkumpul sebanyak RM319 bilion menjelang tahun 2060. Dalam hubungan ini, cadangan pembangunan Aeropolis di Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra dan lain-lain lapangan terbang akan dipertimbangkan pada masa hadapan setelah KLIA Aeropolis berjaya mencapai sasarannya.

Kementerian Pengangkutan akan terus memantau prestasi pengendalian penumpang kargo dan pergerakan pesawat di semua lapangan terbang negara dan akan memastikan ia memenuhi permintaan sedia ada. Dalam hubungan ini, tertakluk kepada kedudukan kewangan negara. Tumpuan akan diberikan kepada projek menaik taraf atau meningkatkan kemudahan infrastruktur di lapangan terbang yang lebih kritikal dan telah mencapai had kapasitinya.

Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan mendiskriminasikan mana-mana negeri di Malaysia, sudah tentu dan termasuklah Kelantan tidak akan didiskriminasikan dalam soal pembangunan lapangan terbang dan saya yakin dalam soal apa-apa sekali pun pembangunan dalam negara ini. Terima kasih.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Istilah aerotropolis ini pertama kali dikemukakan oleh seorang seniman New York Nicholas DeSantis pada November 1939.

Kemudian konsep ini dikembangkan oleh seorang ahli akademik John D. Kasarda pada tahun 2000. Pada pandangan beliau penggerak ekonomi dan pembangunan bandar serta urbanisasi abad ke-18 ialah pelabuhan, abad ke-19 kereta api, abad ke-20 lebuhraya yang menggerakkan ekonomi. Maka abad ke-21 ini, aerotropolis atau bandar lapangan terbang secara evolusi telah bergerak sebagai penggerak kepada ekonomi. Kesemua ini tidak ada di Kelantan Yang Berhormat.

Jadi soalan saya. Selain daripada KLIA yang disebut oleh Yang Berhormat tadi manakah *airport* yang dalam *master plan* pihak kementerian untuk dijadikan juga sebagai *Airport Aerotropolis* dan juga saya juga ingin mohon penjelasan daripada pihak Menteri bagaimana dengan status pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang terletak di kawasan Parlimen yang saya wakili. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Pertamanya berkaitan dengan aeropolis secara umumnya sebagaimana yang saya sebutkan tadi yang sedang berjalan sekarang ini ialah di KLIA. Ia mengguna pakai sebagaimana saya sebut tadi keluasan sekitar 22,000 ekar. Jadi untuk lapangan terbang lain-lainnya. Kita akan mempelajari daripada kejayaan atau sebaliknya di KLIA ini.

Untuk tempat-tempat lain seperti di Kelantan itu, kawasannya itu tidak mencukupi bukan sahaja untuk aeropolis tetapi untuk pembesaran lapangan terbang itu secara signifikan pun Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra tidak mempunyai keluasan yang mencukupi. Jadi itu akan sudah tentu perlu dipertimbangkan dalam cadangan untuk menambah baik dan mewujudkan aeropolis-aeropolis di tempat-tempat lain selain daripada di KLIA.

Berkaitan dengan itu juga, saya ingin maklumkan bahawa kerajaan atau kementerian memang ada cadangan untuk mewujudkan apa yang dipanggil dengan izin *National Airport Master Plan*. Jadi dalam cadangan *National Airport Master Plan* ini saya juga yakin bahawa pertimbangan-pertimbangan berkaitan dengan pembesaran lapangan terbang dan juga pewujudan aeropolis-aeropolis di tempat yang sesuai akan diambil kira.

Berkaitan dengan cadangan pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra sebagaimana saya umumkan dan maklumkan di pihak kementerian dalam sesi-sesi lain di Dewan yang mulia ini, memang hal berkaitan dengan cadangan pembesaran lapangan terbang ini adalah suatu perkara yang agak lama khususnya yang di Kelantan ini iaitu ianya bermula daripada tahun 2016.

Sebagaimana saya laporkan dahulunya kita telah- kerajaan yang lalu telah mengadakan tender tertutup kemudian kerajaan yang lalu juga menganggap tender tertutup itu tidak sesuai maka dibuat sekali lagi tender tapi sekali lagi tertutup dan terhad kepada syarikat-syarikat yang tender pertama itu juga.

Jadi apabila itu sedang berlaku, perubahan kerajaan berlaku dan kerajaan yang baharu ini sebagaimana kita umumkan akan hanya akan mengadakan pembinaan pembesaran lapangan terbang ini melalui tender terbuka.

Proses ini sedang dalam pertimbangan sekali lagi di pihak kerajaan memandangkan kekangan ekonomi dan terhadnya kewangan negara ianya sekarang ini sebagaimana diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawannya akan menilai kaedah-kaedah untuk membiayai pembinaan lapangan terbang ini dan lapangan-lapangan terbang yang lainnya.

Ini melibatkan perbincangan-perbincangan dengan beberapa pihak termasuk MAHB dan kementerian-kementerian yang lain yang melibatkan tanah dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang melibatkan harta itu sendiri.

Jadi, pertimbangan dan perkiraan ini sedang berjalan. Komitmen kerajaan ialah pada tahun 2019 tender terbuka akan dilakukan dan komitmen kerajaan juga tahun 2020 pembinaan akan bermula. Itu yang saya dapat laporkan. Terima kasih.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mengulangi komitmen Yang Berhormat Menteri supaya projek ini disegerakan, komitmen supaya tender dikeluarkan tahun 2019 dan pembinaan dimulakan tahun 2020. Ini kerana seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi lapangan terbang ini sudah pun melepasi had kapasitinya, sudah beberapa tahun ini satu perkara Yang Berhormat tidak selesai di Lapangan Terbang Kota Bharu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa penumpang-penumpang ini datang daripada empat komponen. Satu kerajaan, kedua sektor keluarga, anak-anak dan keluarga, ketiga *business*, keempat *tourism*. *Tourism* ini sama ada dalam ataupun luar negara.

Jadi persoalannya untuk menjadikan pembesaran *airport* lebih *viable* dan satu masa lagi *in syaa Allah* lebih besar lagi. Apakah tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan agensi lain termasuk *Tourism Malaysia*, kerajaan negeri untuk meningkatkan beberapa komponen lain dalam *travel*.

Yang ada sekarang ini kerajaan dan keluarga. Ramai orang Kelantan ada keluarga Kuala Lumpur maka merekalah antara orang yang naik kapal terbang. Sektor kerajaan, kita semua naik kapal terbang. Akan tetapi, sektor khususnya sektor *business* dan juga sektor pelancongan ini, adakah tindakan bersepadu telah dilaksanakan oleh agensi Kementerian Pengangkutan dengan agensi lain termasuklah pelancongan dan kerajaan negeri.

Pastikan bahawa kita dapat lonjakan dalam bilangan penumpang yang menggunakan lapangan terbang ini lebih-lebih lagi apabila kemudahan infrastruktur ini ditambah. Kita tidak mahu kalau ditambah ia menjadi satu, dengan izin, '*white elephant*'. Terima kasih.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Jeli. Saya amat tertarik dengan pandangan dan soalan yang dibangkitkan tadi. Saya fikir sudah tentu pihak Kementerian Pengangkutan perlu berbincang dengan kementerian-kementerian yang lain iaitu yang khusus berkaitan dengan aspek-aspek perniagaan, komersial yang dilaksanakan oleh lapangan terbang itu sendiri melalui MAHB dan juga syarikat-syarikat penerbangan.

Dalam kes syarikat penerbangan yang setakat ini terlibat ialah empat syarikat penerbangan iaitu *Malaysia Airlines*, *AirAsia*, *Firefly* dan *Malindo*. Saya yakin bahawa hal-hal seperti ini akan terus juga kita bincangkan dengan empat syarikat-syarikat penerbangan ini.

■1050

Dari segi pembesarannya juga, kita juga mengambil kira kemungkinan ia akan melibatkan penerbangan-penerbangan antarabangsa yang bertambah. Jadi dalam perancangan pembinaan *airport* yang baharu ini, ia akan dilakukan supaya unsur-unsur kastam, imigresen dan keselamatan yang perlu ada kepada sesebuah kepada sesebuah terminal lapangan terbang antarabangsa juga diambil kira. Jadi, saya amat-amat berterima kasih di atas pandangan, cadangan tersebut dan saya yakin ini akan diambil kira oleh kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan. Terima kasih.

[Soalan No. 5 – YB. Tuan William Leong Jee Keen (Selayang) tidak hadir]

6. **Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, sama ada benar atau tidak bahawa Lebuhraya Pan Borneo akan dibuat "*single-lane traffic*" dan bertahap jalan R3 dari Kuching hingga ke Sabah, dan laluan ke Sabah sama ada menerusi Brunei atau *bypass* Brunei, dan sudahkah dibincangkan dengan Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah, kalau belum, bila.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi dan salam sejahtera. Saya berasa amat bertuah pada hari ini untuk diberi peluang menjawab soalan daripada Yang Berhormat Santubong, ahli politik yang benar-benar veteran pada saya yang saya ikuti sejak dari dulu. Ahli Parlimen yang paling panjang, paling lama berkhidmat dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Lebuhraya Pan Borneo (LPB) di Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan secara berfasa itu, *insya-Allah* berjalan terus. Pada masa kini, pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo melibatkan cadangan 11 pakej dalam fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan 12 pakej daripada 35 pakej keseluruhan fasa 1 LPB Sabah. Kesemua pakej yang dilaksanakan itu dibina mengikut reka bentuk piawaian JKR R5 iaitu empat lorong dua hala atau, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *dual-carriageway* kecuali jajaran Telok Melano ke Sematan yang dibina dengan spesifikasi dua lorong dua hala, *dual-carriageway*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tetapi masih mengekalkan piawaian JKR R5.

Bagi spesifikasi jajaran fasa 2, perkara ini akan dimuktamadkan di makmal pengurusan nilai setelah penentuan jajaran dimuktamadkan dalam masa terdekat. Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan fasa 2 Lebuhraya Pan Borneo Sarawak di Limbang dan Lawas, kerajaan sedang meneliti jajaran terbaik yang tidak melalui negara Brunei Darussalam. Penelitian tersebut turut mengambil kira pandangan kerajaan negeri dan akan dimuktamadkan dalam masa yang terdekat.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kerja Raya terus mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan negeri. Kita ada perbincangan pegawai-pegawai tinggi kementerian dengan pegawai tinggi di Sarawak dan telah diangkat perbincangan-perbincangan itu kepada pihak kerajaan negeri. Demikian juga dengan Kerajaan Negeri Sabah, kita terus mengadakan perbincangan dengan mereka, mengambil pandangan mereka. Hari ini pun sekejap lagi 11.30 pagi, Yang Berhormat Menteri kami akan mengadakan perbincangan dengan Yang Berhormat Menteri Infrastruktur Sabah yang akan datang ke kementerian.

Oleh itu, saya percaya apa yang sedang berlaku di Lebuhraya Pan Borneo ini berjalan dengan baik. Misalnya yang dari Telok Melano ke Sematan 33 kilometer itu, yang mengekalkan piawaian R5 sehingga *carriageway* itu dijangkakan siap beberapa hari sahaja lagi, bermakna Januari 2019. *In syaa Allah* Yang Berhormat Menteri Kerja Raya yang juga putera Bumi Kenyalang itu akan melakukan pembukaannya pada pertengahan bulan Januari. Saya percaya perhatian akan kami berikan kepada Sarawak sepenuhnya dan juga Sabah dalam isu ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bertanya soalan ini oleh sebab banyak sangat cerita dalam *social media* menyatakan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan menurunkan tahap standard jalan Pan Borneo ini. Itu yang pertama. Kedua, oleh sebab juga Pan Borneo akan tidak lagi menerusi Brunei, dengan sendirinya dia bukan jadi Pan Borneo lagi kalau tidak menerusi Brunei.

Akan tetapi dalam masa yang sama, kita juga berkehendak mengetahui apakah perancangan supaya jajaran di belakang Brunei, supaya perkhidmatan alternatif boleh dibuat dan memberi liputan kepada masyarakat di belakang Brunei itu boleh datang ke Sarawak tidak menerusi Brunei. Adakah kajian juga dibuat dan mengetahui kos dan jarak jauh perjalanan tersebut supaya kita boleh melihat secara kebaikan mana yang perlu kita guna pakai. Ini sebabnya Tuan Yang di-Pertua, menerusi Brunei kita perlu cap 16 kali pasport. Apakah perancangan kerajaan untuk berbincang dengan Kerajaan Brunei supaya ada satu proses yang tertentu yang setelah dibincangkan oleh Yang Berhormat Pekan dahulu dengan Sultan Brunei? Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memang *rumours* atau khabar-khabar angin yang beredar di dalam media maya ini memang macam-macam. Macam-macam yang telah diceritakan. Saya secara rasmi ingin menegaskan jawapan hari ini bahawa berita-berita itu banyaknya tidak benar. Kita akan berusaha meletakkan keadilan kepada tempat yang sewajarnya. Sudah tentulah ada pihak yang menjangka mungkin ada diskriminasi halus akan dilakukan.

Jalan-jalan di Sabah dan di Sarawak mesti tidak setara dengan jalan-jalan lebuhraya di Semenanjung. Ini barangkali ada berita-berita yang seperti ini menimbulkan keraguan dan kesangsian. Secara rasmi saya diberitahu oleh kementerian bahawa itu tidak sama sekali, *in syaa Allah* menjadi kenyataan. Kita akan pastikan bahawa semua jajaran yang ada, lebuhraya yang ada akan berada pada piawaian yang sama seperti mana di tempat lain.

■1100

Apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi berkaitan dengan jajaran awalnya, asalnya untuk melalui Brunei Darussalam yang menyebabkan kita kena cap 16 kali, nantinya pada pasport itu dan kita sudah besar kemungkinan melihat alternatifnya dan ini cuma akan dimuktamadkan sepenuhnya. Saya tidak berani membuat kenyataan sekarang, soal kecenderungan memang ada kecenderungannya dan apa Yang Berhormat Santubong sebut tadi adalah menjadi perhatian kita.

Kita akan mencari jalan supaya soal hubungan dengan Brunei tadi, jalan yang kalau kita tak jadi gunakan itu jalan yang melalui Brunei itu, kita akan ambil kira kepada soal hubungan perjalanan yang berkaitan supaya tidak pula berlaku kerenggangan dari segi perjalanan dan sebagainya. Saya percaya yang pentingnya, rakyat Sarawak berhak untuk menerima yang terbaik. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ini orang Limbang Timbalan Menteri, anak Limbang bekas JKR tahu cerita sebenarnya. Untuk pengetahuan sedikitlah, bukan hendak ulas apa-apa. Dulu kerajaan memang merancang untuk pergi melintasi Brunei ini, jalan *rural road* R3 ke R5 kah tidak apa. Pan Borneo, *it's supposed to go through* Brunei as a Pan Borneo dan daripada Limbang hendak melintasi sempadan Brunei *at the southern tip, another 100 kilometers, by passing the road from Brunei, it means another 100 kilometers off per road* to Limbang.

The same thing to Lawas. Itu yang berlaku kalau itu diteruskan. Kita memang menyokong untuk membuat jalan laluan alternatif untuk penduduk kita di kawasan pergunungan di pedalaman, *no problem*. Dari dulu pun kita rancang macam itu. Masa saya masih di JKR sendiri pun. Pan Borneo ini begitu penting sebab *of this mobility, connectivity* dengan negara Brunei. Sebelum ini, kita mantan Menteri Kerja Raya di sini, saya bertanya di sini, bagaimana proses yang perundingan kita dengan negara Brunei tentang *seamless drive* ini? Sebenarnya minta maaf Yang Berhormat Santubong, *there's no longer 16 cap* lagi sebab Malaysia sudah tidak pakai cap lagi, pakai imbas sahaja.

Sekarang habis-habis pun 10 cap sahaja, itu yang terkini. Laluan di antara negara Brunei dengan Sarawak dengan Sabah, *because I was chairman* LPKP dahulu, tidak ada lagi masalah *transport* kena buka, pengangkutan barang kena punggah dan sebagainya, tidak ada. Semuanya sekarang memakai *clip seal* dan sebagainya melintasi sempadan. *Both governments are making things very easy now actually* dan kita telah pun mengharapkan *this seamless drive* ini jadi kenyataan sebagai seperti yang kita harapkan seperti *Schengen area* di *Europe*- 22 negara boleh atur, ini dua buah negara pun kita tidak mahu boleh atur. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sila Timbalan Menteri untuk respons.

Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Limbang yang memberikan, masukkan dalam isu ini. Seperti mana yang saya sebut tadi bahawa semuanya belum dimuktamadkan. Jadi pandangan Yang Berhormat Limbang itu masih relevan, masih boleh kita bincang sehinggalah kita mencapai satu keputusan yang muktamad.

Saya akui kedua-duanya mesti berlaku seboleh-bolehnya iaitu hubungan seluruh Borneo yang tiga negara tadi, dua negara ini, tiga negeri dan soal perjalanan jalan di kawasan pedalaman, pergunungan yang juga tidak boleh diabaikan. Jadi saya rasa kedua-duanya akan diberikan perhatian, perbincangan yang secara muktamad akan diputuskan. Walaupun Yang Amat Berhormat Tun telah mengadakan perbincangan awal dengan Paduka Seri Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, tetapi yang sudahnya kita akan mengambil keputusan yang muktamad tentang isu ini. Terima kasih.

7. Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian dalam menangani isu bilangan golongan gelandangan yang semakin bertambah, sama ada di kawasan bandar mahupun luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani isu gelandangan, kementerian mengambil pendekatan secara menyeluruh iaitu holistik dengan penglibatan pelbagai kementerian dan agensi *multisectoral*. Kementerian akan terus memperkemas dan memperkukuhkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan bilangan golongan gelandangan dapat dikurangkan. Izinkan saya memberikan dua langkah yang telah diambil bagi menangani isu golongan gelandangan.

Pertamanya adalah untuk golongan orang papa. Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menjalankan operasi menyelamatkan pengemis dan peleser berdasarkan peruntukan di bawah Akta Orang-orang Papa 1977 dan memberikan bantuan yang bersesuaian dan menempatkan semula di bawah jagaan waris.

Manakala yang tidak mempunyai waris, bagi berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri dan pengemis yang berumur 60 tahun dan ke atas pula ditempatkan di Rumah Sri Kenangan bagi tujuan perlindungan dan pemulihan. Golongan keduanya adalah golongan gelandangan yang tidak mengemis. Jadi mengemis adalah orang papa, yang tidak mengemis dikategorikan golongan gelandangan dan mereka dijaga oleh Anjung Singgah yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara. Ini saya telah jawab secara panjang lebar semalam mengenai Anjung Singgah.

Bagi golongan papa, operasi menyelamatkan pengemis ada tiga jenis yang dijalankan. Satu adalah operasi berkala, di mana operasi dilakukan secara berjadual di kawasan-kawasan yang didapati menjadi tumpuan pengemis. Keduanya adalah operasi bersepadu, di mana ia dilakukan dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen, Polis Diraja Malaysia, pihak berkuasa tempatan, Jabatan Kesihatan, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Pendaftaran Negara dan sebagainya.

Ketiganya adalah operasi ad hoc di mana, operasi dilakukan apabila terdapat aduan daripada orang awam sama ada melalui panggilan telefon ke pejabat kebajikan ataupun ke talian Kasih 1599 ataupun orang awam yang masuk ke Pejabat JKM untuk mengadu. Mengikut bilangan data yang kita ada, bilangan operasi menyelamatkan orang papa dari tahun setakat ini sehingga Jun 2018 adalah jenis operasi bersepadu 169 operasi, berjadual 583 operasi dan aduan ad hoc kita terima 578.

Daripada golongan yang diambil melalui OPS operasi ini, didapati 1,439 adalah warganegara dan 452 adalah bukan warganegara. Kes orang papa mengikut faktor utama di mana mereka majoriti daripada mereka tiada pekerjaan jumlah besarnya adalah 1,527 tiada tempat tinggal. Saya bagi faktor-faktor lah ya. Tiada pekerjaan, tiada tempat tinggal, ketidakupayaan mental, ketidakupayaan selain mental, ketagihan dadah, sakit melarat dan lain-lain.

Info seterusnya yang saya boleh berikan adalah mengenai Anjung Singgah. Faktor-faktor bagi kumpulan yang datang ke Anjung Singgah yang paling tinggi adalah tidak mempunyai pekerjaan 31 peratus, tidak mampu menyewa bilik rumah sewa 30.59 peratus, terkandas 19 peratus, individu yang dihalaui dari rumah 11.7 peratus dan ditipu agensi pekerjaan lima peratus.

■1110

Tuan Yang di-Pertua, bagi golongan yang tidak mengemis yang melawat Anjung Singgah sebanyak 8,015 sesi bimbingan dan kaunseling telah dijalankan di seluruh Anjung Singgah. Jadi fokus utama kita adalah memberikan kaunseling supaya mereka boleh dipulihkan dan dikembalikan ke keluarga masing-masing. Sehingga Oktober 2018, seramai 6,570 orang gelandangan telah mendaftar masuk dan menerima perkhidmatan di Anjung Singgah secara sukarela dan seramai 4,890 orang telah mendapat padanan kerjaya dan selebihnya telah dirujuk ke agensi yang berkaitan dan pulang ke kampung halaman.

Anjung Singgah juga mempunyai *partner* NGO seramai 186 NGO yang membantu mereka. Daripada jumlah besar yang kita ada, seramai 1,941 orang juga telah keluar daripada pusat transit yang kita ada setelah mendapat pekerjaan. Jadi selain daripada memberikan kaunseling, kita juga membuat *job matching*. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, seramai 12 orang bekas gelandangan telah mendapat pekerjaan dalam bidang keselamatan melalui syarikat yang berdaftar dengan DBKL. Jadi, DBKL turut membantu memberikan pekerjaan kepada mereka.

Bagi kanak-kanak yang kita jumpa pula, melalui Kementerian Pelajaran Malaysia telah mempunyai satu Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih yang terletak di Jalan Raja Muda Abdul Aziz yang telah ditubuhkan bagi memastikan keperluan akses pendidikan kanak-kanak jalanan di sekitar Kuala Lumpur. Objektif utama penubuhan sekolah bimbingan ini adalah menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif bagi kanak-kanak jalanan dan terpinggir, mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan penduduk Malaysia, memberi peluang membentuk laluan kerjaya kepada kanak-kanak jalanan dan terpinggir, membina insan yang berilmu, berkemahiran dan boleh berdikari. Jumlah kanak-kanak di sekolah bimbingan ini seramai 157 orang dan berumur daripada empat tahun sehingga 19 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, secara rumusannya setelah berbincang dengan pekerja ataupun staf kita yang bekerja di Anjung Singgah, kita dapati dalam trend golongan yang datang ke Anjung Singgah, 38 peratus berumur daripada 18 tahun hingga 30 tahun, golongan muda. Kami juga mendapati bahawa ada ramai yang datang dari luar bandar. Apabila mereka tamat pelajaran SPM, mereka akan memaklumkan kepada keluarga bahawa mereka akan datang ke Kuala Lumpur untuk mencari kerja.

Selalunya di luar bandar, mereka akan mengadakan kenduri untuk *celebrate*. Mereka akan ke Kuala Lumpur cari kerja. Apabila golongan remaja ini sampai ke Kuala Lumpur dan mereka tidak dapat mencari kerja, ada ramai yang tidak tahu bagaimana hendak menghadapi keluarga masing-masing dan banyak yang mula merayau dan tak dapat balik ke kampung.

Jadi, trend kita sekarang di Anjung Singgah, fokus kita memberikan bimbingan, *job matching* dan menghantar mereka balik ke kampung masing-masing untuk mereka kembali bersama keluarga. Jadi, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk memaklumkan kepada golongan remaja yang masuk dalam kategori ini supaya kalau anda ada di Kuala Lumpur dan tidak dapat mencari kerja seperti kes-kes ini, boleh singgah di Anjung Singgah. Anjung Singgah akan membantu. Keduanya adalah bagi syarikat-syarikat yang ingin menawarkan peluang pekerjaan, boleh juga berjumpa dengan Anjung Singgah dan Anjung Singgah akan membuat *matching* untuk mereka. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada masa ini juga saya ambil kesempatan untuk mengalu-alukan kehadiran kumpulan MIC dari negeri Pahang... [Tepuk] Soalan saya seterusnya, adakah pihak kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan pusat transit gelandangan ini seperti Anjung Singgah di ibu negeri di seluruh negara agar bantuan daripada segi penginapan, pekerjaan, pendidikan anak-anak dan nasib golongan ini akan terbela. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Buat masa ini, kita ada di lima lokasi. Di Kuala Lumpur, di Sarawak, di Johor, Pulau Pinang dan Perak. Jadi, kawasan lokasi ini dipilih berdasarkan nombor tinggi yang mereka dapat sebelum ini. Kita akan pertimbangkan kalau kita lihat peningkatan di mana kawasan-kawasan bandar yang lain, kita akan pertimbangkan. Akan tetapi buat masa ini, kapasiti memang mencukupi di tempat ini.

Akan tetapi yang telah dibangkitkan oleh sukarelawan kita ataupun pekerja di Anjung Singgah adalah kebanyakan kes yang kita mula melihat peningkatan dalam kes kesihatan mental yang dijumpai dan bila mereka masuk, apabila ada kes mental seperti ini, mereka tidak boleh dirujuk untuk mendapatkan pekerjaan ataupun kita tak dapat cari waris mereka. Jadi trend ini memang semakin meningkat. Terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan saya adalah adakah Yang Berhormat Menteri tahu dan setuju bahawa keganasan rumah tangga adalah sebab utama menjadi gelandangan di kalangan kaum wanita? Mohon nyatakan berapa peratusan kah golongan wanita muda—Yang Berhormat Menteri sebut golongan muda tetapi saya nak minta spesifik wanita muda kerana mereka *high-risk group* untuk terdedah kepada sindiket-sindiket pelacuran haram dan gelandangan bertaraf sementara dan gelandangan bertaraf tetap, mohon peratusan itu juga. Takrif-takrif ini penting, Yang Berhormat Menteri demi mencari penjelasan dan juga penyelesaian yang komprehensif dan konklusif. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Puan Hannah Yeoh: Saya sebenarnya ada data di sini tetapi terlalu banyak jadual, saya tak sempat untuk proses untuk jawab sekarang tetapi saya akan berikan kepada Yang Berhormat secara bertulis selepas ini. Terima kasih.

[Soalan No.8 – YB. Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh (Pasir Puteh) tidak hadir]

9. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah rancangan kerajaan untuk meningkatkan kapasiti untuk Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Jawapan kepada soalan Yang Berhormat Bukit Bendera berkaitan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Untuk makluman Yang Berhormat, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang sedia ada direka bentuk untuk menampung pengendalian 6.5 juta penumpang setahun. Namun, jumlah penumpang yang sebenarnya yang dikendalikan pada tahun 2017 di lapangan terbang tersebut telah mencapai 7.2 juta penumpang. Maksudnya dibentuk untuk 6.5 juta penumpang tetapi yang sebenarnya 7.2 juta penumpang iaitu 111 peratus lebih daripada kapasiti yang sedia ada.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan komited untuk menyelesaikan masalah kekurangan kapasiti di lapangan terbang ini. Kementerian Pengangkutan sedang mempertimbangkan beberapa opsi untuk memperbesarkan lapangan terbang ini dengan meneroka beberapa pilihan termasuk membangunkan ruang tambahan untuk operasi syarikat penerbangan perkhidmatan penuh dan penerbangan tambang murah di bangunan terminal sedia ada. Pembangunan ruang tambahan ini akan meningkatkan kapasiti pengendalian terminal lapangan terbang ini daripada 6.5 juta penumpang kepada 12 juta penumpang.

Bagi menampung kos pembesaran lapangan terbang ini, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Malaysia Airport Holdings Berhad, dengan izin, MAHB sedang mengkaji model pembangunan dan kaedah pembiayaan yang sesuai agar projek pembesaran ini dapat dilaksanakan dengan cara yang paling cepat dan dengan cara yang *cost effective*, dengan izin. Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini terdapat cadangan pengumuman daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang tentang Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara yang baru dibina atas tanah tebus guna di Batu Maung berdekatan Pulau Lima.

Soalan saya ialah sama ada apakah usaha Kementerian Pengangkutan dan jangka masa atau *time frame* untuk mengeluarkan *National Airport Master Plan* untuk jangka 30 tahun dan 50 tahun yang akan datang? Ini kerana keperluan lapangan terbang menjadi satu keperluan yang penting dan juga satu aset ataupun satu infrastruktur yang begitu strategik dan Pulau Pinang mencadangkan Lapangan Terbang Antarabangsa Koridor Utara, Perak juga membuat cadangan dan Kedah juga membuat cadangan.

■1120

Apakah strategi *National as the Airport Master Plan* oleh kementerian dan apakah *time frame* untuk mengeluarkan *National Airport Master Plan* tersebut. Itu soalan saya.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih sahabat daripada Bukit Bendera. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi memang kita mengiktiraf bahawa Lapangan Terbang Pulau Pinang ini seperti juga Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz di Subang, seperti juga Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu. Tiga lapangan terbang ini telah pun melepasi kapasiti yang dicadangkan atau dirangka untuk lapangan-lapangan terbang tersebut.

Oleh itu kita menganggap bahawa seperti juga Kota Bharu maka Pulau Pinang adalah prioriti atau keutamaan yang telah pun ditentukan oleh kementerian. Berkaitan dengan cadangan untuk di Batu Maung itu setakat yang saya tahu tidak ada dalam pertimbangan kementerian. Apa yang ada dalam pertimbangan ialah yang sedia ada diperbesarkan untuk sebagaimana yang saya sebut tadi sampai kepada kapasitinya untuk RM12 juta penumpang.

Berkaitan dengan *Airport Master Plan* ia akan meliputi semua lapangan-lapangan terbang yang sedia ada di seluruh negara. Oleh sebab itu, dari sudut itu ia tidak ada *time plan* yang khusus untuk pembesaran atau pembangunan lapangan-lapangan terbang dalam seluruh negara.

Akan tetapi saya dapat yakinkan bahawa khusus untuk di Pulau Pinang ini seperti mana di Kelantan tadi ia adalah dalam perbincangan yang aktif di dalam kementerian dan isunya sekarang ialah untuk menyelesaikan model perniagaannya, model kewangannya, model pembiayaannya untuk ia dapat dilaksanakan dengan seberapa segera. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua bagi peluang kepada Bagan Serai sekali lagi pada hari ini. Soalannya berkaitan-sebab saya mendengar dengan teliti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan lapangan terbang ini dan saya juga dengar ada cadangan untuk koridor utara, cadangan daripada Kedah dan yang baru buat cadangan. Di Pulau Pinang pula sebenarnya sudah memang padat sudah. Pulau sudah padat sudah, orang sudah padat hendak tambah lagi dan sebagainya.

Jadi sebenarnya beberapa tahun yang lepas cadangan untuk mewujudkan lapangan terbang koridor utara ini adalah di Perak iaitu di Parlimen Bagan Serai. Jadi benda itu sudah sampai kepada EPU tetapi adalah masalah-masalahnya pada ketika itu. Saya hendak tanya balik kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kemungkinan peluang ini diberikan sekali lagi, dilihat kembali kerja-kerja yang sudah dilakukan oleh kerajaan dahulu untuk mewujudkan Lapangan Terbang Koridor Utara iaitu di Parlimen Bagan Serai. Tanahnya datar, kawasannya luas, cukup cantik untuk negeri-negeri di utara Malaysia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kamarudin Jaffar: Terima kasih, Yang Berhormat Bagan Serai. Setakat yang saya ada dalam pengetahuan, kalau ia bukan di Pulau Pinang tetapi di tanah besar Semenanjung di sebelah utara yang kita telah dengar dan dapat cadangan-cadangan ialah di Kulim, negeri Kedah. Saya tidak pasti berkaitan dengan Bagan Serai.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, UMAT, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Utara Malaysia Airport Terminal (UMAT), MB Perak tidak ada sini tidak boleh tanya.

Dato' Kamarudin Jaffar: Okey, tadi saya maklumkan apa yang saya tahu. Jadi sebab itu saya akan terpaksa tanya balik di peringkat kementerian sama ada ia adalah suatu cadangan yang sedang dipertimbangkan ataupun tidak. Setakat yang saya tahu tidak ada dalam pertimbangan malah yang di Kulim pun ia cadangan tetapi di pihak yang mencadangkan sendiri seperti negeri Kedah pun masih lagi tidak menganggap ia suatu cadangan yang cukup mantap untuk terus ditekankan untuk pelaksanaannya.

Akan tetapi untuk Yang Berhormat Bagan Serai, saya akan cuba tanya balik dan kalau ada maklumat yang baharu yang boleh saya berikan untuk Yang Berhormat Bagan Serai kerana dia adalah orang yang penting dalam Parlimen ini. Saya akan usahakan.

10. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, dapatkah kementerian menyambung bekalan elektrik ke Kampung Bulantak yang terletak di Teluk Brunei dan yang juga satu-satunya sahaja kampung yang belum dibekalkan bekalan elektrik dari grid.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Limbang di atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, semakan daripada senarai kampung yang belum mendapat bekalan elektrik di negeri Sarawak yang dikeluarkan oleh Kementerian Utiliti Sarawak (KUS) mendapati Kampung Bulantak tiada dalam senarai tersebut.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian telah memaklumkan permohonan ini kepada Kementerian Utiliti Sarawak (KUS) selaku pihak yang bertanggungjawab di dalam perancangan pembekalan elektrik di negeri Sarawak. Semakan telah dibuat oleh pihak Sarawak Energy Berhad (SEB) dan mendapati kampung tersebut yang mempunyai 14 buah rumah dan sebuah surau boleh disambung melalui talian grid.

Kementerian akan berbincang dengan pihak KUS berhubung perancangan pelaksanaan projek BELB atau Bekalan Elektrik Luar Bandar di kampung ini pada mesyuarat bersama KUS pada minggu depan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Tambahan dan mengucapkan terima kasih kepada usaha yang dibuat oleh KPLB. Saya hendak nyatakan sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa *I have done my homework. The estimate to do this is only RM400 thousand the most, 14 buah rumah the grid is all there*, semuanya tersedia dan saya ingin hendak nyatakan di sini Tuan Yang di-Pertua, kalau kerajaan dapat melaksanakan 14 buah rumah ini turun-temurun, sampai mati rakyat Bulantak akan ingat Kerajaan PH. Terima kasih... [Dewan ketawa]

Tuan Sivarasa Rasiah: Tuan Yang di-Pertua, itu memang bukan soalan tetapi saya menghargailah pandangan dan sentimen yang disebut tadi oleh Yang Berhormat Limbang. Seperti saya sebut tadi Mesyuarat Teknikal akan dijalankan minggu depan, saya akan kemukakan maklumat yang disebut tadi dan saya rasalah ini akan dilaksanakan dalam masa yang terdekat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Jangan lupa luluskan, Yang Berhormat Timbalan Menteri [Ketawa]

Tuan Sivarasa Rasiah: Kita akan cuba. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimana dengan rancangan RES di Sarawak kerana memang banyak masalah yang dialami di Sarawak ialah *last mile, electric grid* memang sudah ada tetapi *last mile* dari grid ke dalam rumah memang merupakan satu beban yang berat kepada rakyat di Sarawak terutamanya di kampung-kampung atau di rumah panjang.

Jadi saya pun menerima banyak permintaan untuk memberi pertolongan untuk menolong penduduk-penduduk di kawasan saya untuk menyambung *the last mile* ke dalam rumah mereka. Jadi bagaimana dengan RES? Saya sudah *submit* banyak *application* RES kepada kementerian tetapi sampai sekarang belum ada apa-apa jawapan lagi.

Selain daripada itu, setahu saya Ketua Menteri Sarawak juga menjamin bahawa Kerajaan Negeri Sarawak berhasrat untuk membantu pertolongan untuk membayar sambungan *the last mile* dari grid ke dalam rumah panjang. Jadi adakah Kerajaan Persekutuan ada berbincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak? adakah Kerajaan Negeri Sarawak akan melaksanakan apa yang telah dijanjikan? Itulah soalan saya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih, Yang Berhormat Sibu atas dua soalan tambahan itu. Baik, saya mula dengan isu sambungan *last mile* itu. Dengan istilah *last mile* saya takrifkan sebagai kita sudah sampai ke peringkat di mana kita ada tiang di dalam kampung hanya sambungan daripada tiang itu kepada setiap rumah. Memang itu tanggungjawab pemilik rumah, itu jelas tetapi isu memang saya faham adalah kos, siapa akan tanggung kos dan ada rayuan daripada pihak kampung untuk dibantu untuk kos.

■1130

Di Sabah saya boleh kongsi ini bagi pedalaman di Sabah. Sabah *the equivalent of*, dengan izin, *of* Sarawak Energy Berhad iaitu SEB kalau tidak silap, mereka ada skim pinjaman di mana mereka- kos untuk sambungan *last mile* kepada rumah itu dianggarkan lebih kurang RM800 serumah. Mereka ada skim pinjaman. Mereka pinjamkan duit itu dan pemilik atau tuan rumah itu akan dibayar balik lebih kurang RM16 sebulan. Satu angka yang cukup munasabah. Itu satu cara untuk selesai masalah ini.

Akan tetapi memang di Sarawak dulu ada peruntukan saya difahamkan, tetapi peruntukan itu sudah habis dan belum disambung lagi. Bagi saya penyelesaian masalah ini akan dicari dengan perundingan di antara dua-dua pihak iaitu Kementerian di peringkat Pusat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan juga Kementerian Luar Bandar di peringkat negeri, dengan Menteri yang berkenaan. Bagi saya- kita ada mesyuarat berkala di tiga peringkat. Ada Jawatankuasa Teknikal, ada jawatankuasa di peringkat SU di antara *State Secretary* dengan di pihak sini, KSU di sini dan juga di peringkat Menteri.

Saya rasa itulah forum yang terbaik untuk bincang dan selesai ini tetapi saya setuju jika keutamaan mesti diberi kepada perkara ini untuk dibincangkan bersama dan diselesaikan demi kebaikan pemilik rumah-rumah yang masih menunggu bekalan api. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dengan itu selesailah pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Usul.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua sebelum saya baca usul, malam ini pertandingan bola Tuan Yang di-Pertua, Malaysia lawan Thailand ya? So, mungkin ramai yang hendak duduk dekat TV, saya cuba cakap jugalah. Tuan Yang di-Pertua mungkin hendak tengok juga *[Ketawa]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Thailand lawan Malaysia, bukan Malaysia lawan Thailand.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Samalah. Dia macam PAS tukar UMNO...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Homegrown* lain. Tidak sama, mana sama. Tidak pandai bola...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Nanti kalau jawab, pedih nanti.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 6 Disember 2018.”

Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, yang tukang buat usul asal lepas usul, balik terus.

Tuan Yang di-Pertua: *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kelmarin Yang Berhormat Kinabatangan tidak ada. Balik awal.

Tuan Yang di-Pertua: Bagilah peluang untuk dia berehat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kami semua ada, kami balik pukul 11.45 malam, pagi ini balik kembali.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Mungkin tengok bola di Bangkok lah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, baik-baik. Apa yang hendak saya nyatakan sekarang bukan kerana ada bola malam ini tetapi oleh sebab terdapat tiga lagi kementerian yang harus kita putuskan hari ini dan kalau boleh tiap pembahas menggunakan masa yang paling singkat. Kalau tidak dia jadi macam semalam habis pukul 11.30, 11.45 malam ya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pukul 11.40.

Tuan Yang di-Pertua: Pukul 11.40 malam ya?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya 11.40.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, kalau boleh berikan kepada saya nama-nama Yang Berhormat yang ingin...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kapar dulu.

Tuan Yang di-Pertua: ...Berbahas. Yang Berhormat Kapar ya.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kapar dulu selepas itu...

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat Kapar jangan balik awal ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kapar dia bukan berdiri, dia melompat cepat sahaja *[Ketawa]* Yang Berhormat Rantau Panjang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pontian, okey kot.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Padang Serai...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Tumpat tadi ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Paya Besar ya. Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Jerai. Itu sahaja ya? Yang Berhormat Rompin, bukan? Ada lagi? Tidak ada ya. Jadi seperti yang saya cadangkan tadi lima minit untuk tiap pembahas.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Lima minit tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak cukup?... *[Disampuk]* Baiklah di antara lima hingga 10 minit.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong juga Tuan Yang di-Pertua, Parit Sulong juga.

Tuan Yang di-Pertua: Di antara lima hingga 10 minit.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Anggaran Pembangunan 2019 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". **[Hari Kelapan]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

**Maksud B.46 [Jadual] -
Maksud P.46 [Anggaran Pembangunan 2019] -**

Tuan Pengerusi: Ya, silakan Yang Berhormat Kapar.

11.36 pg.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang sungguh budiman membenarkan Kapar berbahas soal Bekalan 46. Saya terus menyinggung Butiran 010300 – Dasar Perburuhan. Saya telah pun mengutarakan beberapa kali untuk melengkapkan akta itu diberi penguatkuasaan dan juga dipantau dengan efisien, maka kakitangan JTK perlulah diberikan penambahan dan perhatian kerana mereka mengawal selia hampir 900,000 organisasi dan agensi yang terlibat secara langsung di bawah pertanggungjawaban mereka.

Tanpa melengahkan waktu, kita tidak boleh lagi mengetepikan penguatkuasaan dan dalam masa yang sama kita juga hendak memastikan bahawa gaji minimum dikuatkuasakan dan di-*apply* dengan begitu baik dan bertanggungjawab serta juga pekerja-pekerja asing yang dimaklumkan bahawa tidak sampai ke tahap yang dikehendaki oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

Saya terus menjurus kepada Butiran 020200 – Pembangunan Kemahiran. Seperti mana yang telah pun dimaklumkan, TVET menjadi acuan utama untuk kita melengkapkan pekerjaan kemahiran untuk kita bersaing dengan pekerja asing.

Maka dalam proses itu pastikan TVET tidak ada halangan dalam segi bajet dan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran ini perlukan peruntukan yang sewajarnya. Jangan ada berita yang mengatakan bahawa TVET tidak mencukupi kewangan untuk melengkapkan, untuk mereka menghabiskan pendidikan dalam bentuk kemahiran. Maka saya mohon kementerian untuk memastikan bahawa peruntukan itu jangan dijadikan alasan untuk kita melahirkan pelajar ataupun rakyat berkemahiran tinggi yang boleh bersaing dengan pekerja asing dan tidak boleh dinafikan kebolehan mereka.

Saya terus merujuk kepada Butiran 030200 – Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. PERKESO menjadikan peranan utama, pengakhir kepada insurans kepada setiap pekerja. Maka pada hari ini kita diberitahu bahawa kementerian telah pun mengutarakan ataupun memberi cadangan untuk pekerja-pekerja asing juga dilindungi atas sifatnya sebagai pekerja upah di bawah fasal 2, Akta Kerja 1955. Saya mengalu-alukannya. Dalam masa yang sama kita juga tidak terlepas pandang daripada EPF sebagai contoh yang membolehkan kita mengawal selia pekerja-pekerja dan kita kenal pasti dalam data pekerja asing itu dapat dilengkapkan.

Dalam masa yang sama juga saya juga ingin merujuk kepada Sistem Insurans Pekerja (SIP) di bawah SOCSO, Kementerian Sumber Manusia ini untuk dikaji semula kebaikan, faedah-faedah yang boleh diberikan. Sebab apa Tuan Pengerusi? Sebab waktu ini saya diberitahu tiap-tiap tahun sekitar 16,000 pekerja telah dibuang dan beberapa pekerja, syarikat-syarikat seperti TV3. TV3 pun hendak buang pekerja dengan mengkhianati undang-undang dan *rule of law* tanpa mereka mengendahkan Akta Perusahaan 1967, mereka mengeluarkan arahan dengan persendirian tanpa menghormati perjanjian bersama, tanpa menilai kepimpinan kesatuan. Ini namanya pengkhianatan kepada pekerja-pekerja dan juga undang-undang negara.

Kementerian harus peka, drastik, dan komited untuk memastikan bahawa jangan ada pengkhianatan terhadap mana-mana mereka yang melanggar undang-undang termasuk TV3, termasuk Utusan Malaysia, termasuk mereka yang dianggap sebagai syarikat gergasi yang sebelum ini bermaharajalela menggunakan undang-undang tanpa ada batas.

■1140

Keempat, saya ingin merujuk kepada Butiran 040100 – Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Seperti mana yang diketahui umum, dalam negara kita, setelah 61 tahun kita telah merdeka tetapi hanya sekitar lapan peratus sahaja mereka yang ada kesatuan. Seperti mana yang umum tahu bahawa kalau kita ada kesatuan, Tuan Pengerusi, yang paling unik, yang paling efisien ialah kita ada perjanjian bersama. Dalam perjanjian bersama ini, dia *above the Employment Act*, dia *above the Code of Conduct 1975*.

Jadi saya mohon supaya kementerian memberikan pertimbangan semula di atas pindaan-pindaan yang hendak dilakukan terhadap Akta Kesatuan Sekerja 1959 ini kerana dalam proses kita hendak memastikan bahawa hak itu menular kepada syarikat-syarikat lain dan memberikan ruang untuk pekerja ini diberikan perhatian untuk memastikan bahawa pekerja dapat hak mereka dalam perjanjian bersama yang terlindung di bawah Akta Perusahaan di bawah seksyen 13, 14, 15, 16 dan 17.

Seterusnya tanpa melengahkan waktu, saya ingin merujuk kepada Butiran 040200- ini lima minit kah sepuluh minit ini? Perhubungan Perusahaan, kuasa-kuasa pegawai. Saya tahu di bawah seksyen 20(3) Akta Perusahaan 1967 ialah kuasa Menteri. Tetapi boleh tidak Menteri mengkaji semula untuk *delivered*, untuk memberikan kepada pegawai-pegawai untuk *mediation* di bawah Jabatan Perusahaan supaya pegawai ini diberi kuasa untuk menentukan sama ada kes itu layak tidak layak masuk ke mahkamah daripada mereka hanya terfikir menunggu waktu yang begitu panjang dalam kes tertentu.

Terakhir, saya ingin menyinggung Butiran 040300 – Mahkamah Perusahaan. Awal saya dah bicarakan. Saya mohon supaya dikaji semula mahkamah rayuan khas pekerja yang memberi ruang pekerja supaya tidak pergi ke mahkamah tinggi kerana kos itu terlalu tinggi. Pekerja mana ada duit, Tuan Pengerusi.

Maka, sesuatu alternatif yang ada ialah untuk adakan mahkamah yang lebih tinggi daripada mahkamah perusahaan supaya pekerja dapat dibela dan hak mereka dapat ditegakkan. Keadilan dapat pasti dimiliki oleh semua mereka dalam negara ini yang dinamakan warganegara Malaysia. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Sekarang Yang Berhormat Rantau Panjang. Silakan.

11.42 pg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan peringkat Jawatankuasa Kementerian Sumber Manusia Maksud B.46.

Saya ingin tahu berapakah, dalam kajian kementerian, kes yang melibatkan kematian di tempat kerja? Begitu juga kes yang melibatkan kemalangan di tempat kerja. Setakat ini berapakah kes kematian yang melibatkan terutama warga asing?

Seterusnya menyentuh Butiran 010300 – Dasar Perburuhan. Saya ingin tahu berkaitan dengan kebajikan pekerja terutama pekerja-pekerja yang Islam yang bekerja sama ada di sektor awam atau swasta. Saya ingin tahu, apa perkembangan terutama tuntutan pekerja Islam yang ingin melaksanakan pemakaian patuh syariah? Sebelum ini kita telah kemukakan dalam Dewan ini dan janji kerajaan akan mengkaji dasar ini terutama dalam sektor perhotelan dan pramugari yang sebelum ini bagaimana mereka didiskriminasikan hak mereka untuk berpakaian patuh syariah. Berlaku dalam negara kita yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi negara, orang Islam sendiri tidak boleh mengamalkan syariah Islam itu sendiri.

Jadi saya ingin tahu, apa dasar baharu di bawah Kerajaan Pakatan Harapan? Apakah mereka ini dibenarkan untuk berpakaian patuh syariah? Terutama dalam semua sistem penerbangan dan juga di kaunter-kaunter pendaftaran hotel yang mana mereka dilarang untuk berpakaian patuh syariah.

Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan kebajikan pekerja juga iaitu tentang keselamatan pekerja wanita terutama wanita yang bekerja di kilang-kilang yang melibatkan operasi di waktu malam. Apa dasar yang telah dibuat oleh kementerian untuk memastikan keselamatan pekerja wanita terutama yang bekerja syif malam? Sejauh mana pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan tidak berlaku perkara-perkara seperti gangguan seksual dan sebagainya untuk menjamin keselamatan mereka?

Begitu juga tentang keperluan sistem sokongan nurseri dan sebagainya di tempat kerja. Sejauh mana pemantauan yang telah dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan semua sektor, sama ada awam atau swasta, mematuhi arahan kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan nurseri di tempat kerja?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Rantau Panjang, boleh kah mencelah sikit sahaja berkenaan dengan nurseri itu tadi? Boleh kah kita cadangkan supaya kementerian sekarang ini mengambil satu tindakan yang drastiklah untuk mewujudkan satu undang-undang mewajibkan supaya setiap industri atau tempat bekerja ini mesti menyediakan nurseri untuk pekerja wanita mereka?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat supaya kerajaan sepatutnya menggubal undang-undang bagi mewajibkan semua industri dan semua sektor, majikan menyediakan tempat kerja yang selamat untuk pekerja-pekerja wanita. Ini merupakan satu tanggungjawab sosial terutama kepada pekerja-pekerja wanita dalam negara kita.

Begitu juga saya ingin tahu tentang masalah dari sudut majikan yang tidak mencarum untuk kakitangannya terutama di sama ada KWSP atau pun PERKESO. Jadi sejauh mana pemantauan dibuat?

Berapa kes sebenarnya yang majikan masih tidak mematuhi arahan ini? Setakat ini, berapakah tindakan yang telah diambil kepada majikan yang tidak mencarumkan pekerjaanya sama ada di bawah KWSP atau pun PERKESO?

Saya ingin tahu juga berkenaan dengan sejauh mana perundingan yang dibuat-menyentuh Butiran 040100 – Hal Ehwal Kesatuan Sekerja. Saya ingin tahu dalam pendaftaran pihak kementerian, berapa sebenarnya jumlah kesatuan sekerja yang ada dalam negara kita? Juga, berapa kali kekerapan perundingan yang dibuat oleh pihak kementerian terutama dengan kesatuan sekerja untuk memastikan kesatuan sekerja mengetahui hak-hak mereka dan mungkin menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi melalui kesatuan pekerja?

Begitu juga saya ingin tahu tentang nasib mereka yang telah dibuang kerja. Sebagaimana yang kita tahu, lebih daripada 16,000 pekerja yang telah diberhentikan termasuk juga kebajikan- baru-baru ini isu berkaitan dengan pekerja yang dibuang kerana ada perubahan dalam sistem pentadbiran kerajaan termasuk PLKN. Jadi setakat ini, berapakah kakitangan yang telah diberhentikan itu telah mendapat balik pekerjaan?

Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan supaya pekerja-pekerja ini mendapat pampasan yang sewajarnya, mendapat pembelaan yang sewajarnya? Sebab, kita tahu sumbangan pekerja sangat besar kepada ekonomi negara. Jadi setakat ini, apakah tindakan yang telah dibuat untuk memastikan semua pekerja yang diberhentikan mendapat pampasan yang selayaknya dan mendapat pembelaan yang selayaknya? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Saya jemput Yang Berhormat Pontian.

11.47 pg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 00600 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia berjumlah RM330.7 juta. Saya ingin bertanya, adakah benar Kerajaan Pakatan Harapan ingin mengurangkan penjawat awam daripada 1.61 juta yang mana 38,000 ke 40,000 penjawat awam pencen dan bersara setiap tahun dan ianya tidak akan diisi? Itu ingin saya dapatkan penjelasan dan pengesahan.

Adakah benar bahawa Kerajaan Pakatan Harapan bercadang untuk mengurangkan penjawat awam tiga peratus setiap tahun dan yang pencen 38,000 ke 40,000 setahun ini tidak akan diganti? Ini soalan yang amat penting. Nisbah sekarang ini ialah 20 penduduk pada satu penjawat awam. Saya kira nisbah ini adalah berpadanan dengan apa yang berlaku di Malaysia.

Seterusnya, pengangguran belia. Ia melebihi daripada purata nasional. Lepasan universiti. Usaha-usaha konkrit untuk usahawan belia perlu dibuat. NBOS, Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) perlulah diteruskan dengan pelbagai kementerian.

Kedua ialah tentang produktiviti buruh. Pengukuran prestasi produktiviti pekerja ini di peringkat antarabangsa. Amerika Syarikat- USD70,598; Australia- USD58,801; Singapura- USD52,665; Korea- USD48,456; Jepun- USD44,436; dan Malaysia- USD26,761. Bererti, terlalu rendah prestasi produktiviti pekerja Malaysia.

Apakah yang akan dibuat oleh kementerian? Saya ingin mencadangkan supaya kementerian berusaha sama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) untuk mengadakan kursus-kursus seperti, dengan izin, *good regulatory practice* (GRP) mengenai pengurusan bahan yang efektif, inovasi, kapasiti, daya saing buruh, produktiviti modal dan segalanya itu- pengurusan *lean*- supaya bekerjasama dengan MPC.

Perkara yang ketiga ialah tenaga kerja 115 juta...

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian, boleh minta?

■1150

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Minta maaf ya. Berapa peluang pekerjaan baru yang telah dijana sejak 9 Mei. Manifesto Pakatan Harapan ialah untuk menyediakan satu juta peluang pekerjaan dalam masa lima tahun. Manifesto BN walaupun BN kalah, kita bercadang untuk menyediakan tiga juta peluang pekerjaan dalam masa lima tahun. Bererti saya ingin tahu, dalam satu juta itu berapa yang bergaji tinggi dan negara maju berpendapatan tinggi memang cita-cita kita dahulu. Akan tetapi sekarang ini pendapat daripada Yang Amat Berhormat Langkawi jika gaji tinggi, maka kos sara hidup akan tinggi. Adakah Kementerian bersetuju dengan pendapat Yang Amat Berhormat Langkawi itu.

Perkara keempat, Pusat Latihan Teknologi Tinggi, Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia berapa buah. Saya ingin mencadangkan agar kurikulum di dalam Pusat Latihan Teknologi Tinggi dan Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia itu walaupun mengajar kemahiran, ia perlu diajar keusahawanan, pengurusan, perakaunan, pemasaran, pengeluaran, sumber manusia, *e-marketing*, *e-dagang*, *online business*. Walaupun kemahiran tetapi juga diajar tentang keusahawanan.

Perkara kelima, Dasar Sumber Manusia. Apakah usaha yang tuntas untuk mengurangkan kebergantungan pada buruh asing. Penggunaan mesin, robot, gaji yang lebih tinggi, dasar perburuhan perlu efektif dan relevan dalam keadaan sosioekonomi semasa. Apakah alternatif Kementerian untuk mencari buruh tempatan dalam sektor 3D- *dangerous*, *dirty*, *demanding* itu. Saya juga ingin mencadangkan supaya kuota pekerja tempatan asing hendaklah diikuti.

Sektor perindustrian kena ada kuota, pembinaan, perladangan, pertanian, restoran, pencucian mesti ada kuota. Kuota 80:20, 70:30, 60:40, jikalau tidak ada kuota dibiarkan begitu sahaja maka buruh asing akan bertambah dan tidak akan dapat dikurangkan. Apakah jumlah pengurangan secara tahunan dan peratusan yang di cadang dibuat oleh Kementerian untuk mengurangkan buruh asing ini. Seperti lima peratus setahun, 10 peratus setahun. Sebagaimana kononnya mengikut berita jauh-jauh, tiga peratus setahun hendak kurangkan penjawat awam. Bagaimana tentang pekerja asing.

Perkara keenam, keselamatan dan kesihatan pekerjaan 130 juta. Ini Sistem Skim Insurans Pekerjaan (SIP) ini. Ini dimulakan oleh Kerajaan BN peruntukkan RM600 sebulan, tempoh maksimum tiga bulan bagi dapat pekerjaan baru dan tahun 2018 ini saya hendak tanya berapa ramai yang sudah menerima skim ini. Mereka yang hilang kerja, di berhenti kerja, syarikat tutup operasi, VSS, letak jawatan sebab majikan langgar terma, semuanya itu boleh dapat RM600 sebulan dalam tempoh maksimum tiga bulan. Adakah perkara SIP di bawah PERKESO ini akan diteruskan untuk tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Seterusnya Yang Berhormat Padang Serai. Silakan.

11.52 pg.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Vannakam* Yang Berhormat Menteri... [*Berucap dalam bahasa Tamil*] Butiran 030100 - Tenaga Kerja muka surat 387.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Padang Serai, pantun kah itu?

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Tadi *last* ada. Mohon pihak Menteri memberi penjelasan berkaitan pekerja asing. Pakatan Harapan telah pun mengatakan bahawa mengurangkan pekerja asing. Soalan saya Yang Berhormat Menteri, bagaimana mahu mengatasi pekerja memerlukan kepakaran, kesungguhan, komitmen dan ketabahan seperti pekerja perkilangan.

Saya ingin memberitahu bahawa perkilangan memerlukan pekerja-pekerja asing—bukan lah sekali kita akan tutup semua pekerja-pekerja asing, kita perlukan. Sekiranya ada kilang-kilang memerlukan lebih masa, pekerja-pekerja asing lah yang ada di situ dan menambahkan produktiviti. Juga di waktu cuti am, mereka lah yang bekerja sebab sesebuah kilang itu mengharapkan produktiviti pada akhirnya.

Kalau jika kita ada hantar semua pekerja-pekerja asing balik ke negara masing-masing, kita tidak boleh harap sangat dengan orang-orang tempatan. Hanya orang tempatan kerja untuk cukup masa sahaja. Kita tidak katakan apa-apa dengan orang tempatan sebab orang tempatan ada komitmen sebab dia ada keluarga. Dia ada lain-lain. Ada kematian, ada kenduri kahwin. Mereka bercuti dan pergi. Akan tetapi kilang perlu dijalankan 24 jam. So, kita perlukan tenaga kerja. Bukan kita menghalau semua keluar tetapi kita mesti adakan sekurang-kurangnya *support* kilang-kilang. Kalau tidak kilang-kilang ini akan bergerak keluar ke luar negeri ataupun tempat-tempat yang lain dan akan merugikan negara kita.

Di samping itu juga, kedai restoran makan memerlukan pekerja-pekerja asing seperti restoran-restoran India. Dia banyak perlukan orang India sebab masakan-masakan India dan juga mereka ada komitmen yang kerja sepanjang masa. Mereka bekerja daripada pagi pukul 8 sehingga lah 11 malam, 12 malam. So, perlukan pekerja-pekerja asing yang boleh. Bagi orang-orang tempatan tidak boleh komitmen kerja sepanjang masa seperti itu dan juga memerlukan kepakaran membuat tose, membuat roti canai dan macam-macam. Ini ialah orang-orang yang boleh buat. Orang kita tidak. Orang kita tangan tidak mahu kotor, tangan mahu bersih, kerja senang, gaji mahu mahal.

So, kita harapkan orang yang daripada asing datang untuk *support* kita. Di samping juga kedai emas. Kedai emas pun kita perlukan orang asing daripada luar. Orang sini kita letak satu bulan kerja, dua bulan kerja, tengok pencuri sudah masuk. So, orang kedai pun takut. So dia perlukan orang asing yang mempunyai kepakaran tahu macam mana hendak *welding* itu emas dan sebagainya. Orang luarlah yang berkepakaran. So, kita perlukan orang-orang tenaga ini untuk hadir ke negara kita untuk *support* kita. Kita sebagai peniaga jaga duit, tempat letak duit, cukup. Lain kerja-kerja mesti orang asing yang buat.

Di samping itu juga, bagi kedai-kedai seperti peniaga, kedai kain, kedai runcit, perlukan pekerja daripada orang asing sebab kalau tidak mereka ini buka kedai mesti dijalankan perniagaan. *Customers* adalah orang kita. Kalau pergi sana orang tolong hendak hantar barang dan sebagainya, kalau orang itu cuti dan sebagainya, peniaga itu akan jadi susah. Sebab itu kita perlukan ada pekerja asing bersama dengan pekerja kita.

Di samping itu juga, kerajaan ambil perhatian bukan lah kita hendak halau semua. Akan tetapi boleh lah kita adakan sedikit orang-orang pekerja terutamanya kilang itu mustahak. Sebab kilang itu banyak komitmen dia. Kalau ini hari dia minta *production* sekian-sekian banyak mahu keluar, dia perlu keluarkan. Kalau katakan orang kita pukul 8 pergi, pukul 7 dia hendak balik. Siapa hendak kerja. Habis mesin kena jalan. Mesin itu akan *running* 24 jam.

So, kilang ini akan- inilah kita mesti berjaga. Kalau kita tidak mahu kilang-kilang daripada negara kita alih ke tempat lain. Kita mesti kekalkan dia, kita bagi *full support*, kita bagi dia orang-orang kita bekerja dengan orang asing sini. Akan tetapi kita tidak mahu orang asing berniaga di dalam negara kita. Itu sahaja. Boleh kerja.

Okey, di samping itu juga saya alihkan kepada SOCSO. Kebanyakan kilang-kilang masih lagi tidak memotong SOCSO pada pekerja. Saya ingat pihak kementerian ambil perhatian serius. Baru-baru ini ada satu kes yang datang jumpa dengan saya. Suami dia bekerja empat tahun dan SOCSO tidak potong. Apabila suami dia meninggal, tidak boleh tuntutan apa-apa. Tolong ambil perhatian dan bagi serius dan tetapkan mereka ini mesti potong SOCSO untuk pekerja masing-masing.

Dengan ini saya ucapkan terima kasih dan pantun saya.

*Pohon beringin tepi keramat;
Dengan si ular di ufuk barat;
Kalau ingin hidup selamat;
Buat bekalan untuk akhirat.*

Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Padang Serai atas pengajaran yang memang tepat. Terima kasih. Sekarang Yang Berhormat Tumpat. Silakan.

11.59 pg.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Peringkat Jawatankuasa, Kementerian Sumber Manusia.

Pertama sekali, saya ingin menyentuh butiran 010300 – Dasar Perburuhan. Menyambung apa yang diucapkan oleh Yang Berhormat daripada Rantau Panjang tadi mengenai hak pekerja-pekerja Islam yang disebut oleh Yang Berhormat Rantau Panjang berkenaan dengan kepatuhan penutupan aurat.

Saya ingin menyentuh tentang hak untuk menunaikan solat Jumaat yang mana ia menjadi satu rahsia yang begitu terbuka sekarang ini. Terdapat banyak majikan-majikan di Malaysia yang menggunakan terutamanya buruh-buruh yang beragama Islam tetapi mereka tidak dibenarkan untuk melaksanakan solat Jumaat, tuntutan agama. Sedangkan Tuan Pengerusi, saya pernah berpengalaman bekerja di negara Barat, di Amerika Syarikat. Selaku penganut Islam saya diberikan hak untuk menunaikan solat Jumaat. Walaupun masa Jumaat itu adalah masa bekerja.

■1200

Itu di Amerika Syarikat. Kita berada di Malaysia yang telah meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan, tiba-tiba di negara kita Malaysia ini tidak membenarkan buruh melaksanakan solat Jumaat. Ini adalah merupakan satu perkara yang cukup besar, yang perlu diberi perhatian oleh Kementerian Sumber Manusia dan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada untuk dengar. Kalau hendak beberapa firma ataupun beberapa syarikat yang tidak membenarkan pekerja menunaikan solat Jumaat ini, ini pun saya boleh bekalkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga Butiran 010900 - Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh ataupun *Institute of Labour Market Information and Analysis* (ILMIA). Kita sedia maklum mengenai perkembangan ekonomi digital yang menjadi salah satu sektor utama di bawah Revolusi Industri 4.0. Malah sumbangan ekonomi digital kepada KDNK menjelang tahun 2020 diunjurkan kepada 20 peratus. Antara perkara yang sering kali diberi perhatian adalah mengenai penggunaan automasi dan robotik yang akan mengurangkan pemakaian tenaga kerja manusia.

Yang Berhormat Menteri menyebut bahawa pengurangan tenaga kerja manusia ini lebih menjurus terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan. Justeru, saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai beberapa perkara berkenaan ekonomi digital dan bentuk pekerjaan baharu.

Soalan saya, apakah bentuk pekerjaan baharu yang utama, yang akan terhasil daripada sektor ekonomi digital di negara ini? Apa persediaan dan analisis yang dilaksanakan di bawah ILMIA mengenai persiapan tenaga kerja berhadapan dengan pekerjaan baharu ekonomi digital? Apa langkah strategik pihak kementerian bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing? Walaupun saya boleh bersetuju dengan apa yang disebut oleh pembahas sebelum tadi mengenai keperluan untuk kita memberikan ruang kepada pekerja asing di atas permintaan ataupun tekanan pekerjaan yang mampu dilaksanakan oleh pekerja asing.

Namun saya sangat bersetuju dengan Yang Berhormat Pontian tadi bahawa kerajaan mesti mengadakan kuota. Supaya dengan mengadakan kuota itu, maka dengan sendiri majikan akan melaksanakan usaha-usaha bagi memastikan pekerja tempatan mendapat tempat di majikan mereka dengan cara latihan dan sebagainya supaya sebarang kekurangan yang boleh diisi oleh pekerja asing itu dapat diisi oleh pekerja tempatan.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh Butiran 020200 – Pembangunan Kemahiran. Saya meneliti pelbagai usaha daripada pihak kementerian yang dilaksanakan di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran khususnya berhadapan dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0.

Antara yang ingin saya sebutkan di sini adalah *The National Occupational Skills Standard* (NOSS), penubuhan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan serta Sistem Latihan Dual Nasional. Kini pelbagai elemen Revolusi Industri 4.0 diambil perhatian secara serius. Ia berdasarkan teras utama iaitu *cyber security, augmented reality, internet of things* (IOT) dan sebagainya. Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan pihak kerajaan berkenaan bagaimana meningkatkan penyertaan tenaga buruh dalam sebarang sektor pekerjaan di bawah Revolusi Industri 4.0 kelak supaya rakyat terlibat sama dalam perkembangan industri di peringkat global ini. Sedikit Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Ya, sikit.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Butiran 03200 – Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Saya ingin menyentuh kebajikan pekerja *informal sector* yang dilindungi di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 iaitu Akta 789. Soalan saya, berapa peratus tenaga kerja *informal sector* berbanding dengan *formal sector* di negara ini? Saya juga ingin bertanya, berapa peratus di kalangan mereka yang turut mencarum perlindungan insurans pekerjaan di bawah Skim Bencana Pekerjaan seperti mana yang terkandung dalam Akta 789 ini bagi menjamin kebajikan mereka?

Kemudian Butiran 060000 – *One-Off*, Butiran 060100 – Pembelian Aset. Kita melihat peruntukan baharu berjumlah RM6.6 juta telah diperuntukkan di bawah Butiran Pembelian Aset ini. Saya mohon kementerian memperincikan, apakah bentuk aset yang akan dibeli oleh pihak kementerian dalam *One-Off* ini?

Butiran 08400 – Projek Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU). Dalam soal pekerjaan kepada golongan OKU, saya ingin bertanya, apakah langkah pihak kementerian bagi mengurangkan diskriminasi terhadap OKU dan terhadap majikan yang sengaja tidak mengambil mereka bekerja? Kedua, apakah langkah menyedarkan para pemain industri supaya tidak meminggirkan golongan OKU untuk memperoleh pekerjaan yang sesuai?

Apakah langkah-langkah ataupun insentif yang boleh diberikan oleh kerajaan kerana sudah tentulah untuk mengambil OKU ini majikan terpaksa maknanya mungkin menanggung sedikit kerugian dan sebagainya. Namun, dapat diatasi sekiranya kerajaan memberikan insentif. Jadi, apakah insentif daripada pihak kerajaan dalam memberikan galakan majikan ini mengambil pekerja-pekerja OKU? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar, sila.

12.06 tgh.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Pengerusi, saya terus ke Butiran 020300 – Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran. Saya yakin dan percaya Kementerian Sumber Manusia merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk memastikan TVET ini dapat diperkasakan berasaskan *Industrial Revolution 4.0*. Cumanya berkaitan dengan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, saya faham RM4.07 bilion telah dilaburkan kepada hampir 400,000 lebih peminjam. Akan tetapi, masalah saya Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi adalah berkaitan tentang pulangan bayaran balik.

Apa yang saya dapat maklum, hanya 39 peratus sahaja daripada jumlah RM151 juta yang dapat dikutip pada tahun 2016. Saya hendak tahu statistik yang terkini bagi tahun 2017. Bagaimana projek kutipan RM120 juta yang telah diuar-uarkan oleh pihak kementerian? Saya hendak tahu, berapa ramai senarai peminjam tegar yang tidak membayar pinjaman selepas enam bulan tempoh belajar? Di antara senarai tersebut, manakah yang telah dikenakan tindakan undang-undang?

Cumanya bagaimana peranan kementerian untuk berbincang dengan pihak swasta agar ada satu kaedah lain selain mereka diberi pinjaman. Bagaimana biasiswa atau penajaan daripada pihak swasta? Bagaimana syarikat-syarikat luar negara juga dapat berkongsi tenaga mahir daripada pihak negara kita?

Saya menyentuh Butiran 90000 – Talent Corporation. Saya agak tersinggung dengan jawapan yang diberi oleh Kementerian Sumber Manusia, jawapan lisan saya bertarikh 13 November. Dalam jawapan lisan diberi oleh Kementerian Sumber Manusia, pada masa sekarang tiada sumber data yang tepat untuk menunjukkan berapa banyak rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura. Saya harap sangat Yang Berhormat Menteri agar jawapan ini diteliti agar tahun hadapan mesti ada satu jawapan yang tepat. Kita tidak boleh hanya berasaskan kepada Laporan *World Bank* pada tahun 2010 dan laporan surat khabar pada tahun 2014 untuk menunjukkan. Kita hanya negara berjiran dengan Singapura.

Kita ada Jabatan Imigresen yang mungkin sebuah jawatankuasa untuk menilai berapa ramai rakyat Malaysia bekerja di Singapura. Ini jawapan yang saya rasa substandard pada hemat saya. Saya harap bagaimana Talent Corporation dapat memperkasakan program REP dan bagaimana Talent Corporation dapat menyelesaikan isu-isu *brain drain*. Ramai yang kata bagus bekerja di luar negara. Akan tetapi, bagaimana juga tenaga pakar mereka yang telah kita laburkan untuk pulang bekerja dalam negara kita?

Butiran 09500 – Kemajuan Guna Tenaga Manusia. Ini juga yang menghairankan saya Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan kadar pengangguran 3.4 peratus. Saya harap Yang Berhormat Menteri tolong beritahu kepada Kabinet, jangan kita hanya berasaskan kepada OECD. OECD mengatakan empat peratus daripada jumlah guna tenaga okey. Hari ini tahun 2017 kita dapat 3.4 peratus.

Saya agak kecewa sekiranya jawapan-jawapan daripada kementerian hanya berasaskan kepada empat peratus OECD. Maknanya kita boleh terima rakyat Malaysia menganggur empat peratus. Hari ini jawapan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang berkaitan pengangguran yang diberikan kepada Yang Berhormat Tenggara...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Masjid Tanah ingin...

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Saya hendak tanya sikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Penjelasan.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Ala kak.

Tuan Pengerusi: Sikit, sekejap sahaja.

Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Paya Besar seorang pemimpin anak muda, saya pasti apa yang telah diperjuangkan oleh Yang Berhormat Paya Besar sangat bermakna sekali. Saya hendak tengok jawapan daripada Yang Berhormat Paya Besar dan juga perjuangan Yang Berhormat Paya Besar.

■1210

Hari ini kita melihat bahawa ramai anak muda yang bekerja bawa Grab. Belajar tinggi-tinggi, ambil *engineering* dan sebagainya tetapi hari ini bawa Grab. Bagaimanakah peranan kementerian dalam melihat kolaborasi antara bidang pendidikan dan juga industri supaya mereka ini dapat tidak berlakunya *mismatch* di dalam isu pekerjaan. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat Masjid Tanah. Saya akui ramai Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya cadangkan balik ke rumah naik Grab macam saya naik.

Tuan Pengerusi: Saya selalu naik Grab, saya tahu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Bagus. Maknanya ramai di antara mereka ini mempunyai *First Degree*. Ada juga yang *Master* dan ada juga yang sedang membuat PhD. Ini sebenarnya menunjukkan satu isyarat yang tidak menarik berkaitan dengan *mismatch* disebutkan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah. Cumanya saya hairan dan ini persoalan saya Yang Berhormat Masjid Tanah, projek-projek mega- sedikit ya. Projek-projek mega banyak ditangguhkan atau dibatalkan. Contohnya *high speed rail* boleh menyasarkan 70,000 pekerjaan, ECRL boleh menyasarkan 80,000 pekerjaan, projek MRT menyasarkan 130,000 pekerjaan.

Yang Berhormat Menteri, saya tidak ada masalah untuk membatalkan atau tangguhkan projek-projek ini. Cuma masalah saya apakah langkah untuk menggantikan ruang dan peluang yang telah disasarkan oleh kerajaan terdahulu untuk menyelesaikan masalah anak muda Malaysia ini. Saya harap sangat, gantikanlah peluang-peluang pekerjaan ini. Saya nampak satu juta disasarkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Manifesto Pakatan Harapan dengan gaji RM2,500 untuk anak muda mesti ada iltizam seperti mana manifesto.

Saya hendak pergi yang terakhir Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi berkaitan dengan ramai sangat anak-anak muda hari ini dan ramai juga orang yang dahulunya muda telah diberhentikan pekerjaan kerana apa? Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri bawa dalam Kabinet supaya mereka ini dapat menggunakan akaun kedua KWSP untuk dijadikan modal untuk berniaga.

Oleh sebab kita tidak boleh mengatakan okey, kerja diberhentikan buat berniaga, gunalah teknologi IR 4.0 apa sahaja waima pun tetapi bagaimana modal itu? Kalau mereka hendak minta dengan TEKUN, hendak minat dengan MARA memerlukan tiga bulan ke empat bulan. Itu sebabnya mereka mengambil keputusan untuk membuat *Grab Car*. Kalau akaun kedua ini dapat digunakan, saya yakin Yang Berhormat Menteri sedikit sebanyak kita dapat melegakan perasaan mereka supaya mereka untuk menyara keluarga, menyara anak-anak. Saya risau Yang Berhormat Menteri. Saya juga mencadangkan Yang Berhormat Menteri supaya naik *Grab Car*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli. Sila Yang Berhormat Jeli.

12.12 tgh.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri, saya ada tiga perkara. Pertama berkaitan dengan *Institute of Labour Market Information and Analysis* (ILMIA) ini satu institut yang amat penting dan *timely*, dengan izin, kita perlu mantapkan lagi maklumat dan angka-angka. Kadang-kadang kita membuat perancangan tanpa asas yang kukuh. Oleh itu kita amat mengalu-alukan penubuhan institut ini cumanya peruntukannya agak kecil dan kita tidak pasti sama ada ia mencukupi.

Ahli Yang Berhormat yang bercakap sebenarnya bercakap tentang pasaran kerja yang mencabar ya. Kita ada isu-isu berkaitan dengan pengangguran di kalangan belia kira-kira lebih 10 peratus walaupun kita ada situasi *full employment* tetapi belia menghadapi masalah yang besar. Kita ada masalah *foreign labour*. *Weekend* baru-baru ini, saya melawat sebuah kilang, ia ada kerja kosong 50 tetapi yang menghantar resume 15,000. Ini menunjukkan pasaran kerja yang cukup mencabar.

Yang Berhormat Kapar tadi menyatakan tentang beberapa syarikat yang bercadang untuk *downsize Utusan Malaysia* sedia maklum, Media Prima dan lain-lain. Jadi, realitinya pasaran kerja amat mencabar dan termasuklah ada mungkin pekerja yang dibuang kerja, ada juga yang baru hendak memasuki pasaran kerja, yang keluar universiti. Oleh itu ILMIA ini amat penting.

Ia perlu mantapkan lagi angka-angka mengikut kampung umpamanya kita ada negeri-negeri yang mempunyai lebih pekerja, Sabah, Sarawak dan Kelantan ramai yang hendak bekerja. Perlu diadakan usaha lebih gigih untuk menarik mereka bekerja di Johor, Lembah Klang dan lain-lain.

Jadi saya melihat ini satu institusi yang amat penting sekali untuk membolehkan kita merancang dengan baik. Bukan sahaja merancang tetapi memastikan kita menyediakan peluang pekerjaan kepada anak-anak muda. Itu yang pertama.

Keduanya berkaitan dengan 020100 – Pembangunan Tenaga Manusia. Ini perkara yang acap kali disuarakan dalam Dewan ini termasuklah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Kita hendak tahu bila *outcome result*nya akan diketahui. Ini ada kaitan dengan *mismatch*, kita masih mendengar lagi daripada syarikat-syarikat sama ada antarabangsa ataupun kilang-kilang biasa yang menyatakan bahawa output daripada beberapa institusi kita, TVET institusi ini tidak memenuhi keperluan mereka. Jadi walaupun kita telah lama sudah, berpuluh tahun kita cuba mengatasi masalah ini, realitinya masih terdapat lagi *mismatch*.

Jadi syarikat-syarikat dan rakyat ingin melihat *result outcome* yang cepat dan kita hendak tahu bilakah isu-isu berkaitan dengan *mismatch* ini dapat diatasi dengan adanya jawatankuasa yang sepatutnya menyelaraskan hal-hal berkaitan dengan *demand and supply*., apa jenis latihan yang diberikan sama ada ia menepati kehendak syarikat-syarikat.

Yang Berhormat Paya Besar dan lain-lain sebut tadi mengenai Talent Corporation iaitu Butiran 90000. Ini satu perkara yang penting. Kita ingin melihat rakyat Malaysia yang ada kepakaran pulang ke negara kita. Setiap kali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri keluar negara berjumpa dengan ribuan rakyat Malaysia sama ada di London ataupun Saudi Arabia, Qatar, China, Hong Kong, Singapura, Australia dan New Zealand – ramai, kalau mengikut kajian Bank Dunia 2010 terdapat kira-kira satu juta di luar negara dan yang paling ramai di Singapura.

Jadi satu masa dahulu TalentCorp begitu rancak untuk menarik lebih ramai lagi pakar-pakar Malaysia dalam pelbagai bidang. Kita dalam *banking and finance, oil and gas*, perubatan, tokoh-tokoh Malaysia yang begitu hebat. Akan tetapi mereka hendak balik ke Malaysia ini banyak pertimbangan masa depan negara, pendidikan anak-anak, perumahan dan gaji. Ini hal-hal yang penting.

Jadi kita hendak tahu apakah kedudukan sekarang dengan keadaan lebih mencabar ini kerana kita dengar ada tokoh-tokoh tertentu yang mungkin berpindah balik. Mereka sudah balik Malaysia untuk bekerja dalam institusi tertentu, apabila keadaan ekonomi turun naik, ada di antara mereka mungkin telah memikirkan semula untuk kembali ke negara tempat mana mereka bekerja sebelum ini.

Jadi ini satu perkara penting untuk membina sebuah negara yang hebat, kita perlu menarik *talent* di seluruh negara. jadi hendak tahu apakah TalentCorp akan melipatgandakan usaha untuk menarik *talent* Malaysia dan pada masa yang sama perlu diselaraskan dengan kedudukan dalam negara kita termasuklah *demand* daripada syarikat-syarikat multinasional dan syarikat-syarikat Malaysia sendiri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jeli. Saya menjemput Yang Berhormat Tebrau sekarang.

12.18 tgh.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbahasan saya adalah meliputi Butiran 030100 – Tenaga Kerja. Dalam perbahasan ini saya ingin memasukkan perbahasan Yang Berhormat Padang Serai sebagai sebahagian daripada perbahasan saya. Jadi dalam butiran ini, saya cuma hendak tambah iaitu dalam segi pekerja asing.

Pada masa yang sama, kerajaan kita hendak mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing tetapi pada peringkat sekarang banyak kilang dan juga industri makanan dan minuman atau *food and beverages*, dengan izin, masih memerlukan tenaga pekerja asing.

Ini kerana ini adalah kerja bukan senang digantikan oleh pekerja tempatan. Ini kerana ia melibatkan masa yang panjang dan juga ada yang bekerja 24 jam tetapi rakyat kita kurang berhasrat untuk bekerja dalam industri sebagai kita kata *waiters* di restoran, dengan izin.

Jadi saya berharap kementerian akan mempertimbangkan permohonan-permohonan *public future* dalam bidang restoran, *food and beverages*, dengan izin, dan juga kilang-kilang khususnya kilang yang memerlukan ramai pekerja kerana sekarang mereka masih dalam peringkat mentransformasikan proses pengilangan mereka kepada *semiautomatic*, dengan izin.

■1220

Proses untuk memohon untuk dapatkan permit juga harus dicepatkan supaya mereka tidak akan disekat dalam usaha mereka untuk menjalankan perniagaan-perniagaan mereka.

Saya hendak masuk Butiran 030200 – Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Dalam perkara ini, saya ingin memohon kementerian ambil perhatian. Keselamatan pekerja masih kekurangan di negara kita. Banyak kes yang berlaku di kilang-kilang atau tempat pekerja tetapi pekerja yang hilang upaya untuk bekerja tidak dapat dijaga kerana tiada perlindungan insurans dan juga tidak ada manfaat yang boleh dibagi melalui SOCSO.

Ini adalah sebab masih banyak majikan tidak menyumbang SOCSO dan juga kepada KWSP. Syarikat-syarikat yang besar masih ada yang tidak bagi perlindungan insurans kepada pekerja-pekerja sebagai tambahan. Apa yang lagi teruk adalah kerana sekarang banyak kilang-kilang ambil pekerja melalui syarikat-syarikat yang *outsource*, dengan izin.

Jadi, ini bukan dianggap sebagai pekerja kilang-kilang. Jadi, mereka tidak ada SOCSO melalui kilang-kilang. Kalau berlaku kemalangan, memang SOCSO tidak akan bagi perlindunganlah atau memberi apa-apa ganti atau pampasan kepada pekerja-pekerja. Begitu juga kerana mereka bukan, adalah pekerja- kita kata di bawah *principal companies* kerana ini adalah pekerja syarikat yang *outsource*. Banyak kali kita nampak *outsource company*, dengan izin, mereka pun tidak mematuhi akta-akta yang sedia ada yang mereka pun tidak menyumbang kepada SOCSO dan juga KWSP.

Akhirnya, okey saya hendak menegaskan gaji minimum ini supaya Yang Berhormat Menteri ini akan memastikan semua majikan tidak akan salah guna tafsiran gaji minimum. Saya terdapat ada ramai majikan, dia masukkan elaun sebagai elaun makan, elaun untuk perjalanan atau ganti untuk guna kereta atau pengangkutan sendiri sebagai gaji untuk dikira sebagai gaji minimum. Ini tidak adil lah kepada pekerja-pekerja. Jadi, saya berharap kementerian akan ambil perhatian dalam benda ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerai. Silakan.

12.24 tgh.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat pagi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya teruskan, saya mengalu-alukan dengan kedatangan wakil-wakil Gabungan Persatuan-persatuan Penjaja Utara Malaysia ke Dewan Parlimen... [*Tepuk*]

Saya terus ke Butiran 020000 – Pembangunan Kemahiran. Iaitu Butiran 020300 – Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran, minta Yang Berhormat Menteri nyatakan peratusan bayaran balik dari pinjaman yang telah diberi pinjaman.

Kedua, dalam arus pembangunan negara berapa peratus kah penerima pinjaman telah memenuhi tenaga kerja di negara kita?

Seterusnya, Butiran 030100 – Tenaga Kerja. Setakat ini saya mohon pihak Yang Berhormat Menteri nyatakan jumlah pencari kerja baharu dan dari jumlah yang telah didaftarkan adakah menepati dengan kelayakan untuk diproses dalam kerja yang dipohon. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: terima kasih Yang Berhormat Jerai dan akhir sekali, Yang Berhormat Parit Sulong. Silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

Tuan Pengerusi: Tidak ada?

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Pengerusi, Rasah.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi, Batu Kawan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rasah ya. Saya ingat perlu ditutup ya. Sebab kalau tidak habis. Yang Berhormat Rasah yang terakhir

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Sikit.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Sikit sahaja.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Kapit. Tuan Pengerusi. Kapit.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Isu wanita.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Isu wanita, Tuan Pengerusi. Sikit sahaja isu Batu Kawan.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ini isu.

Tuan Pengerusi: Dua minit. Dua minit. Dua minit... *[Merujuk kepada beberapa Ahli]*

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Ah! Boleh. Dua minit. Terima kasih.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey. Okey *[Ketawa]*

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Bukit Bendera juga dua minit. *Last.*

Tuan Pengerusi: Dua minit.

12.25 tgh.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana peluang yang diberikan pada saya. Saya pergi terus kepada Butiran 08300 – Projek Membina 6 Pejabat Tenaga Kerja Baru. Okey, saya nampak kalau tahun sebelumnya hanya RM1 juta dan sekarang ini dalam RM5.7 juta. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri daripada enam pejabat baru tersebut ada tidak Negeri Sembilan dapat limpahan daripada enam ini. Saya harap kurang-kurang dapat satulah. Okey, itu yang pertama.

Kedua, Butiran 08400 – Projek Skim Geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya sebanyak RM2 juta di peruntukan seperti tahun sebelumnya. Saya secara terang saya kata saya harap Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian dapat memberikan peruntukan yang lebih. Sebab ini sebagai- selalu kita menguar-uarkan bahawa galakan patut diberikan kepada OKU supaya mereka terlibat dalam tenaga kerja untuk meningkatkan produktiviti mereka. Jadi, saya mohon supaya peruntukan yang lebih diberikan kepada mereka supaya mereka juga turut terlibat dalam arus pembangunan dan juga produktiviti negara.

Perkara seterusnya, Butiran 95000 – PPP/FPI – Bayaran Sewaan Bangunan. Saya nampak setiap tahun 2018 dan juga yang terbaru RM34,733,000 di peruntukan. Akan tetapi, pada tahun sebelumnya 2017 tidak ada. Jadi, saya hendak tanya kenapa ada sewaan bangunan yang begitu besar. Apakah pejabat tenaga kerja di peringkat negeri, daerah dan sebagainya menggunakan bangunan swasta. Kenapa tidak gunakan bangunan kerajaan yang membolehkan kita dapat menjimatkan wang ini untuk pembangunan yang lain.

Saya juga ambil kesempatan pada tengah hari ini ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian sebab hari itu dah naikkan gaji minimum kepada RM1,100 mulai Januari 2019. Saya rasa ini satu langkah yang progresif, yang proaktif ke arah kita mencapai janji ke-34 Pakatan Harapan untuk meningkatkan gaji kepada *level* atau tahap RM1,500 menjelang hujung penggal ini. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima Kasih Yang Berhormat Rasah. Seterusnya Yang Berhormat Batu Kawan. Silakan. Dua minit.

12.28 tgh.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua minit boleh, tidak ada masalah. Ada tiga butiran sahaja. Saya mulakan dengan Butiran 08100 – Sistem Gaji Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti/Prestasi (PLWS). Sebanyak RM1 juta telah diperuntukkan, namun saya ingin tahu, apakah usaha kerajaan di bawah butiran ini untuk mengurangkan jurang pendapatan di antara lelaki dan wanita memandangkan di Malaysia, *pay wage gap* adalah 100- Malaysia di kedudukan 104 berbanding dengan 144 negara di dunia.

Kedua, Butiran 030200 – Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang dikaitkan juga dengan Butiran 01700 – Peluasan dan Peningkatan Penguatkuasaan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Tuan Pengerusi. Ingin saya mengucapkan syabas kepada kementerian dalam peningkatan RM4.7 juta tahun ini kepada RM5.9 juta tahun hadapan. Namun saya ingin tahu dari aspek pekerja wanita, apakah dasar kementerian untuk memberikan cuti bersalin.

Saya difahamkan 98 hari akan dipertimbangkan oleh kementerian dan juga dalam isu ini *paternity leave*, dengan izin. Tahun lepas IKEA telah mulakan *paternity leave* satu bulan dengan membayar gaji kepada ayah satu bulan gaji apabila mereka mengambil masa untuk membantu isteri, membantu anak-anak mereka supaya dapat meluangkan masa dan membantu dalam struktur keluarga.

Bersama dengan IKEA juga, *Johnson & Johnson*, CIMB. Jadi, saya rasa dalam tahun depan ini saya harap kementerian dapat menggunakan butiran-butiran ini untuk memastikan bahawa wanita juga dan juga lelaki iaitu si ibu dan si ayah diberikan perlindungan dan diberikan *paternity leave*. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Bukit Bendera.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapit. Silakan. Lepas itu, Yang Berhormat Bukit Bendera.

12.29 tgh.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya ini satu sahaja, saya hendak minta pencerahan daripada kementerian. Jadi, butiran saya tidak dapat kesan sekali. Ini penting... [Ketawa]

■1230

Saya minta pencerahan Tuan Pengerusi, saya mohon pencerahan daripada Menteri Sumber Manusia tentang apa yang saya difahamkan bahawa sekarang, amat sukar bagi orang kaum Dayak dari Sarawak mendapat permit atau visa untuk bekerja di Singapura. Ini kerana Kerajaan Singapura berpandangan orang kaum Dayak ini adalah golongan yang tidak diingini bekerja di Singapura sekarang ekoran daripada kes atau insiden pembunuhan yang telah berlaku di mana seorang pekerja orang Dayak telah membunuh dalam insiden pergaduhan di Singapura beberapa tahun sudah.

Kalau cerita ini betul, saya ingin mengetahui, apa langkah-langkah yang Kerajaan Malaysia atau kementerian ini, Kementerian Sumber Manusia akan buat untuk membantu mereka daripada kaum Dayak ini dibolehkan sekali lagi bekerja di Singapura? Sekian, terima kasih. Ini penting Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kapit. Yang Berhormat Bukit Bendera ada?

12.31 tgh.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyertai perdebatan peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Sumber Manusia.

Butiran yang ingin saya bangkitkan ialah Butiran 010200 – Dasar Sumber Manusia. Tuan Pengerusi, kita dalam beberapa bulan ini, kita telah mendengar banyak cadangan daripada kementerian tentang pelbagai dasar sumber manusia, *foreign workers*, *minimum age* untuk *young workers* dan juga beberapa *reform* tentang *legislation*, undang-undang yang telah diusahakan dan dicadangkan oleh kementerian.

Saya rasa perkara yang amat penting yang saya perlu bangkitkan dalam Dewan ini ialah bahawa Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Ini kerana mengikut statistik yang bukan *survey* secara tidak rasmi, kurang daripada 25 peratus daripada pekerja-pekerja di Malaysia tidak ada cukup dana apabila bersara. Kurang daripada 25 peratus. Ini bermaksud mereka perlu bekerja lebih masa, lebih lama untuk menyara hidup. Malaysia akan menjadi satu *ageing society*. Maksudnya satu negara yang mempunyai populasi yang berumur lanjut. Pada tahun 2020, tujuh peratus daripada populasi di Malaysia akan melebihi 65 tahun. Saya rasa angka ini akan meningkat dan *double* dalam masa 10 dan 20 tahun.

Saya perlu satu pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, walaupun kita banyak inisiatif untuk memperbaiki *worker compensation* dan sebagainya ataupun *minimum wages* dan sebagainya, perlu kita memberikan perhatian dalam dasar sumber manusia kita supaya EPF ataupun KWSP ini diberikan satu kajian yang menyeluruh untuk memenuhi Malaysia sebagai satu *ageing society* dan menjaga kebajikan pekerja-pekerja berumur lanjut ini.

Itulah soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Tuan Pengerusi, satu minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan.

12.33 tgh.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, sebanyak, lebih daripada 13 orang Ahli Yang Berhormat telah berdebat hari ini dan saya akan menjawab mengikut topik-topik yang telah dibangkitkan, satu di antaranya-saya mulakan dengan TVET yang dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat, saya ingin beritahu bahawa Kerajaan Pakatan Harapan ada satu rancangan reformasi TVET di mana telah mula lebih kurang lima bulan dahulu di mana kita mendapati bahawa bila kerajaan mengagihkan lebih kurang RM3.89 bilion wang setiap tahun kepada TVET-TVET yang ada, yang merangkumi lebih kurang tujuh buah kementerian.

Banyak di antara wang itu yang telah diagihkan nampaknya tidak ada *end-benefit*. Ini adalah kerana pengeluaran tenaga mahir yang dirancang nampaknya tidak dicapai. Lagi pula banyak institusi semua ini adalah dalam kandungan *undercapacity*. Bermakna jika ada golongan untuk 1,000 anak-anak kita untuk belajar, hanya 60 peratus atau 70 peratus sahaja yang telah diambil tempat.

Ini sedang dihalusi di mana baru-baru ini Yang Berhormat Permatang Pauh telah dilantik sebagai *coordinating authority* supaya satu rangka yang panjang dibuat supaya semua TVET membawa erti dan makna yang baik dalam *human development* dalam negara ini. Jangan lupa bahawa sesuatu negara tidak ada dan tidak mustahil untuk membangun jika *human capitalnya* tidak dieksploitasi, tidak diberi tumpuan. Maka itu adalah sebab kerajaan telah memberi pengiktirafan yang terutama kepada TVET di mana di seluruh negara- saya sendiri setiap minggu kalau boleh saya pergi ke satu TVET untuk melihat apakah perkara yang perlu diambil tindakan.

Baru-baru ini saya telah pergi ke Padang Serai di mana Yang Berhormat Padang Serai di Kulim yang mana Yang Berhormat Padang Serai pun datang. Di mana kita tengok *high-tech* tersebut, *technical institute* itu jauh daripada di mana tempat perindustrian. Hala tujuhnya nampak kabur. *The whole purpose on which the technical institute has been set up is wrong*. Itu jauh daripada tempat di mana tempat perindustrian, jauh di mana anak-anak kita ingin belajar. Jadi itu adalah yang perlu mengambil tindakan. Satu di antaranya adalah di mana kita tengok di ADTEC Kulim ada tempat untuk lebih kurang 800 kekosongan tetapi yang *fill up* hanya 300 atau 550 orang. Ini kerana ramai di antara anak-anak kita atau ibu bapa tidak ingin menghantar anak-anak mereka untuk belajar di tempat jauh-jauh.

Macam di Marang pun serupa juga. Saya pergi ke tempat itu, jauh daripada pekan Marang. *The whole focus* nampaknya *misfocused* dan ini adalah kita perlu bawa kepada satu arena di mana kita memberikan tumpuan supaya satu *outlook* yang baharu dan kita harap Yang Berhormat Permatang Pauh dapat mengambil satu situasi yang mana ambil perhatian daripada pihak *stakeholders* dan sebagainya dan satu keputusan akan dibuat tidak lama lagi.

Berkaitan dengan...

Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara]: Tuan Pengerusi, TVET tambah sedikit, Menteri. Saya minta maaf Menteri- di sini Tenggara. *Framework* untuk TVET ini kita kena lihat pada *higher TVET* dan saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri, *Malaysia Board of Technologists* (MBOT) di bawah kementerian Yang Berhormat. Ini perlu diperkasakan dan diberitahu kepada semua masyarakat kerana daripada juruteknik mereka boleh menjadi *engineer*, daripada *engineer* boleh ambil *professional certificate* dan mereka menjadi *high-earning community* daripada *higher TVET*. Ini MBOT, Menteri mesti hendak beritahu kepada kita semua.

Tuan M. Kulasegaran: MBOT belum dibawa ke kementerian saya lagi, dalam proses. Ada cadangan daripada kementerian lain tetapi saya boleh jawab soalan tersebut. Saya setuju bahawa ada ketidakseimbangan di antara pengeluaran murid di mana dia belajar, tidak ada- *there is no possibility of going up*.

Itu antara satu yang kita sedang fikir untuk mendapat pandangan- kita telah hantar pegawai-pegawai kita ke *Germany, dual training* di mana lebih efektif, lebih praktikal dan kita harap satu keputusan dapat dibuat tidak lama lagi yang mana jika mereka masuk ke ILP atau ADTEC atau MBOT dan sebagainya, dia boleh belajar dan menjadi *engineer* dan mendapat ijazah dan sebagainya.

Tuan Pengerusi...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Menteri, mohon pencerahan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya meneliti jawapan Menteri dan saya memahami kekangan yang berlaku dalam proses untuk kita melahirkan pelajar berkemahiran. Permasalahan ini saya lihat, bahawa adakah langkah-langkah yang boleh diambil seperti mempromosikan TVET, mempromosikan melalui media, mengatakan bahawa keperluan-keperluan kemahiran ini dituntut oleh kerajaan supaya menarik minat pelajar-pelajar baharu ini untuk menyertai di atas kekosongan yang berlaku begitu ketara.

Keduanya, logistik Yang Berhormat Menteri bicarakan itu menghasilkan beberapa pandangan iaitu logistik mempunyai masalah yang besar, di samping pengajar juga mempunyai masalah yang besar kerana *qualification* pengajar itu sendiri. Apakah mereka itu benar-benar layak? Saya khawatir kalau banyak sangat kroni yang ada dalam proses pengambilan pengajar ini membolehkan juga hasil negatif daripada *result* yang kita hendak tengok.

Ketiganya saya mendapat maklum sama ada benar atau tidak, saya tidak tahu Tuan Pengerusi. Akan tetapi saya dimaklumkan bajet yang sepatutnya disalurkan itu telah pun dipotong dana itu kerana disebabkan oleh keadaan kekangan kewangan. Apakah benar perkara ini? Ini kerana kita tidak boleh berkompromi dalam pendidikan dan kita tidak boleh kompromi untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, yang membolehkan mereka bersaing dengan pihak-pihak luar. Terima kasih Menteri, Tuan Pengerusi.

■1240

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kapar, kalau kita tengok dalam lingkungan lima bulan ini, nampaknya kita telah membawa dalam *public domain, public debate* bahawa TVET perlu memainkan suatu peranan yang sangat mustahak. *Must be given utmost importance*. Pembangunan negara hanya boleh dicapai dengan baik kalau kita ada *human capital development*. Maka, satu fokus yang baharu telah diberikan oleh kerajaan yang baharu. Itu yang perlu kita ingat.

Kedua, mengenai berkepakaran, saya setuju. Saya baru-baru ini telah pergi ke India lebih kurang dua bulan dahulu. Saya hairanlah, Yang Berhormat Kapar, bahawa ramai *lecturers* kita ini tidak ada kepakaran tertentu. Jika ada, ramai di antara mereka adalah dalam arena- bukan kepakaran *hands-on*, dia adalah akademik.

Jadi, satu di antara arahan yang saya sendiri telah memberi bersama Timbalan Menteri adalah supaya *lecturers* tersebut dihantar untuk *practical training* selepas waktu pejabat supaya memperoleh kepakaran mereka supaya mereka boleh mengajar dengan elok. Itu satu.

Saya hairan juga, Yang Berhormat Yang Berhormat Kapar, bila saya pergi India- ini satu yang *I cannot understand*, Tuan Pengerusi. Di India, ramai di antara para *lecturers* di sana dibayar sedikit lebih daripada *civil service* punya *salary*. Ini adalah kerana kepakaran mereka bila mereka bekerja di swasta, mereka dapat pendapatan yang lebih lumayan. Ini perlu juga kita memberi perhatian. Adakah kita perlu satu yang sedalam-dalamnya supaya mengetahui adakah kita dapat meningkatkan bayaran mereka supaya kita dapat *the best in the market* untuk menjadi *lecturer* dan sebagainya.

Mengenai kekurangan kewangan, itu kita semua tahu apakah sebab dan keadaan yang kita menghadapi. Akan tetapi, satu di antaranya yang saya rasa lebih mustahak adalah dalam situasi yang kita ada ialah bagaimana kita mengatasi. Jangan kita cakap tidak cukup danalah, tidak cukup muridlah, tidak cukup inilah, tidak cukup itu. Akan tetapi kita perlu cari jalan.

Itu satu di antara promosi yang kita buat sekarang. Kita memberi galakan kepada anak-anak kita supaya pergi melanjutkan pelajaran di TVET. Macam saya baru-baru ini ke Shah Alam, di mana *aviation industry* di sana yang *demand* dia sangat tinggi di negara ini tetapi *there is a mismatch* di sana di mana ada banyak jurusan yang sedang diajar. Walhal, kita perlu perhatian kepada *aviation apprenticeship* di *training* di sana. Kalau ia memberi lebih peluang kepada lebih anak-anak kita belajar di sana, ia patut diberi keutamaan.

Saya telah mengarahkan bahawa kita perlu dalam *aviation industry*, kita akan membuat *memorandum of understanding* dengan Australia yang akan ditandatangani cukup bulan ini di mana mereka perlu belajar satu dua tahun di Malaysia, lepas itu melanjutkan pelajaran ke Australia, atau macam JMTC di mana satu dua tahun di Malaysia dan selepas itu di Jepun. Serupa juga dengan Jerman dan sebagainya. Itu adalah perhatian yang kita sedang buat kepada TVET. Saya rasa itu sangat mustahak dan perlu memberi satu *push up factor*, memberi pertolongan kepada mereka.

Satu di antara yang kita boleh buat juga ialah memberi publisiti supaya anak-anak kita jangan sahaja memberi perhatian kepada pelajaran di universiti-universiti tetapi juga di TVET yang bila masuk TVET dia ada kerja. Dalam TVET, Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu, baru-baru ini ada galakan tertentu yang telah diberi oleh Kementerian Kewangan. Saya rasa itu lebih mustahak dari semua. Dia ada bagi dua galakan yang saya rasa perlu rakyat Malaysia faham.

Nombor satu adalah di mana jika ada pelajar-pelajar atau pekerja-pekerja yang dihantar oleh majikan ke TVET di sini dan ada macam-macam bayaran dibayar kepada penuntut tersebut, semua ini boleh di *write-off* oleh majikan. Ini satu *very great win position* kepada industri. Ini kerana pada masa yang kali pertama, TVET adalah *industry driven*, bukan *dictated by the industry*. *Not dictated by* apa yang kita suka anak-anak kita belajar. Dia pergi belajar macam-macam, tidak ada kerja. Sekarang kita mengalih kepada industri. Bagi keutamaan kepada mereka supaya mereka memberi pandangan, memberi arahan cakap inilah yang kita perlu kepada industri kita. Itu nombor satu.

Nombor dua, jika industri-industri mengatakan kita bukan capai ke IR 4.0, yang kita ajar adalah IR 3.0 atau 2.0, itu betul. Seluruh negara perlu mengakui, *we have not come to IR 4.0*. Akan tetapi, apa yang kita boleh buat? Itu yang cadangan kedua yang dibuat oleh Kementerian Kewangan iaitu jika ada kolaborasi antara TVET dan majikan, majikan sendiri iaitu syarikat-syarikat boleh melabur di TVET-TVET tersebut dan memberi macam-macam mesin dan sebagainya dan mereka boleh mendapat *double deduction* dan ini akan memberi galakan sekali gus.

Jadi, bermakna kita tidak perlu bergantung kepada pertolongan yang terus daripada kerajaan. *So, the days of government giving money to TVET should come to an end over the time*. Itu yang mustahak. Jadi, dia menjadi lebih *initiative public-private partnership*.

Saya juga bila pergi ke TVET juga beritahu kepada mereka perlu penglibatan industri-industri supaya memainkan peranan supaya mereka pengarah-pengarah kita, *lecturers* kita lebih arif, dia tahu apakah yang diperlukan di luar sana. Jangan duduk di *air con* sahaja membuat keputusan. Apa yang perlu oleh industri-industri, *industry driven* adalah patut diberi keutamaan. Ya.

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang telah menjelaskan mengenai dengan TVET. Saya ada dua perkara yang berkaitan dengan TVET ini.

Pertama ialah Yang Berhormat Menteri sudah dapat barangkali mengenal pasti *area* TVET yang Yang Berhormat Menteri sebut tadi di mana kita ada tujuh kementerian yang terlibat secara langsung dengan TVET dan ada beberapa kursus yang menjadi ramai daripada kalangan pelajar atau anak muda yang minat untuk berkursus. Di tiap-tiap kementerian yang ada menganjurkan TVET itu, dia ada program dia sendiri. Jadi, kalau Yang Berhormat Menteri tengok di Kementerian Sumber Manusia, dia ada ILP. Begitu juga di Kementerian Pendidikan, di Kementerian Luar Bandar dan sebagainya.

Jadi, adakah- Yang Berhormat Menteri sebut tadi dalam tempoh lima bulan ada usaha untuk menambahbaikkan apa yang ada. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri telah *identify* di kalangan pusat-pusat latihan ini, manakah yang- contohnya di Langkawi. Di Langkawi, kalau hendak buat, dia hanya boleh TVET untuk *tourism* misalnya.

Akan tetapi Yang Berhormat Menteri sebut di Kulim tadi, saya kira di Kulim itu kalau ada yang berkaitan dengan industri, dia bukan sahaja untuk *Kulim Hi-Tech Park* tetapi untuk Pulau Pinang juga, untuk Bukit Tengah, kawasan perindustrian. Jadi, saya ingat letaknya di mana tempat kursus itu tidak penting tetapi apa yang diajar di situ.

Ketiganya, Yang Berhormat Menteri sebut mengenai dengan penglibatan sektor swasta. Saya ingat ini telah ada dahulu lagi kita mulai di mana dia kena pergi kepada sektor swasta berkursus satu tahun enam bulan. Jadi itu dapat mengurangkan, seperti yang Yang Berhormat Menteri sebut, beban daripada kerajaan untuk memberi lebih peruntukan sebab dia ada *joint venture* dengan industri.

Saya hendak minta kalau dapat Yang Berhormat Menteri dapat memberi- adakah Kementerian Yang Berhormat Menteri bercadang untuk melihat kepada program TVET ikut keperluan daripada kementerian? Tidak perlu semua kementerian. Saya akui, pada zaman dahulu ini tujuh kementerian, yang itu buat *tourism*, yang ini pun buat *tourism*. Jadi, mungkin boleh ada dalam pemikiran Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan perkara itu.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, hendak sambung yang Yang Berhormat Padang Terap.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Parit Sulong

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Minta maaf, tadi tidak dapat hendak berbahas.

Saya dengar tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan penggalakan *public-private partnership*. Saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, sama ada ia bukan sahaja terkepong ke dalam industri dalam negara?

■1250

Ini sebab saya hendak bagi contoh Yang Berhormat, di dalam *Malaysia-France Institute* (MFI) sebagai contoh ia ada satu industri yang difokuskan lebih kepada industri laut dalam. Ia telah bekerjasama dengan syarikat daripada *France*.

Mungkin Yang Berhormat saya ingin mencadangkan supaya bukan sahaja di negara itu mungkin kita boleh cari daripada Jerman apa yang terbaik dan Yang Berhormat selaku Menteri boleh bekerjasama dengan mereka.

Lagi satu saya hendak bertanya juga mengenai perkara ini. Bila kita ada *private* yang *involved* ia ada satu yang dinamakan *Human Resource Development Fund* (HRDF). Adakah mereka ini yang terlibat di dalam penggalakan *public-private partnership* ini boleh juga menggunakan HRDF *fund* ini- *is the question*, minta maaf yang saya hendak ajukan kepada pihak Menteri kerana ia boleh menjadi sebagai punca galakkan untuk mereka membuat promosi mengenai program-program yang berkaitan dengan TVET yang Yang Berhormat nyatakan tadi. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, Yang Berhormat. Nombor satu, saya terus ke jawab Yang Berhormat Parit Sulong. *Yes, private partnership* ini bukan sahaja di negara ini tetapi kalau boleh di luar negara. Itu satu di antara yang kita akan buat. HRDF ini ia khusus. Mengikut akta itu ia terikat kepada sumbangan yang dibuat oleh majikan. Kita terikat kepada kita perlu *train* balik- latihan kepada majikan tersebut. Itu sebab kita akan membawa beberapa pindaan kepada akta tersebut. Mungkin masa itu kita akan ambil tindakan.

Kepada Yang Berhormat sebelum ini yang menambah baik dan sebagainya. Kita rasa Yang Berhormat Permatang Pauh yang telah dilantik akan memperhalus semua itu dan membuat satu keputusan tidak lama lagi.

Saya tidak setuju langsung bahawa *it's a material* di mana TVET terletak- di mana ADTEC terletak. Kalau di hutan dalam-dalam 200 kilometer pun orang akan pergi belajar. Itu pada asasnya, *it may be true but it is not true*. Kita perlu ada TVET, kita perlu ada institusi-institusi dekatnya dengan industri-industri supaya mereka dapat menghantar.

Kita jangan lupa bukan sahaja kita perlu memberi peluang kepada anak-anak kita belajar tetapi juga pekerja-pekerja yang sedang bekerja di industri-industri juga perlu *skilling and upskilling*. Kalau itu terlampau jauh majikan tidak akan hantar.

Jadi itu tidak masuk akal sekarang bila banyak antara TVET yang telah dibuat oleh kerajaan sebelum ini banyak jauh dari pekan- semua adalah sebab-sebab yang tertentu. Akan tetapi, saya hendak kata walaupun itu TVET telah ada kita akan ubah suai dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya ingin alih kepada perkara yang mustahak iaitu mengenai mahkamah perusahaan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri satu sahaja.

Tuan Pengerusi: Masa pun suntuk.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, saya meneliti keprihatinan dan semangat Yang Berhormat Menteri untuk memperkasakan TVET ini, syabas dan tahniah saya ucapkan. Ini kerana saya faham Kementerian Sumber Manusia yang menjadi *core* kepada TVET. Cuma ada beberapa perkara yang menggusarkan saya. Pertamanya, ILP di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri, mengambil lepasan SPM tapi bagaimana pula sekolah vokasional yang mengambil lepasan Tingkatan 3.

Sebab apa Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, di bawah kementerian Yang Berhormat Menteri ada institusi yang *under enrolment*, dengan izin. Saya lihat di kolej komuniti juga Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi ada juga *under enrolment*. Jadi bagaimana kementerian menguruskan perkara ini?

Saya ada meneliti dan membuat kajian berkaitan Industry4WRD yang dibuat oleh Yang Berhormat Jeli yang hari ini diusahakan oleh kementerian yang ada pada hari ini iaitu Kementerian MITI. Bagaimana TVET ini mempengaruhi dasar Industry4WRD supaya kita tidak lagi bercakap tentang IR 4.0. Kita sepatutnya bercakap tentang IR 5.0 yang memerlukan *human capability* dalam teknologi.

Satu lagi, saya ingin mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri jangan pergi jauh sangat ke Jerman, ke Australia. Pergi tengok dekat Indonesia ada satu kaedah yang dinamakan *teaching factory*. Semasa saya menjadi Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kuala Lumpur, kami di bawa untuk melihat *teaching factory*.

Ini sebab kita Yang Berhormat Menteri kata hendak ada pelajar untuk *upskilling, reskilling* pensyarah ataupun pelajar tetapi kalau kita dapat membuat *teaching factory* dalam institusi di bawah Yang Berhormat Menteri saya ingat itu lebih bermakna. Pensyarah dapat meningkatkan kemahiran mereka dan di samping itu juga pelajar dapat melihat *real environment* semasa mereka hendak bekerja nanti dalam institusi itu sendiri. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih, terhadap cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Paya Besar. Akan tetapi, mengenai *vocational class, vocational school* dan sebagainya itu sedang dihalusi oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya tidak ingin membuat apa-apa pandangan atau keputusan sekarang. Biar yang sedang dibuat oleh Yang Berhormat Permatang Pauh membuat satu *report*. Selepas itu ia boleh dibentangkan untuk diskusi selepas ini.

Saya ingin alih kepada Mahkamah Perusahaan dengan izin Tuan Pengerusi. Sebelum ini Yang Berhormat...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Teaching factory* Yang Berhormat Menteri?

Tuan M. Kulasegaran: *Sorry?*

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: *Teaching factory*, kilang dalam institusi.

Tuan M. Kulasegaran: *No-* itu saya setuju. Rasanya ini semua perkara yang kita tahu IR 4.0, IR 5.0 tapi saya tidak mahu menjawab soalan itu kerana itu *premature* pada masa ini kerana semua itu sedang dihalusi oleh Yang Berhormat Permatang Pauh. Biar satu *outcome* baru kita bagi tahu kepada Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya minta maaf mengganggu. Saya ingin tanya bagaimanakah Yang Berhormat Cameron Highlands berada di tempat beliau, apabila sudah ada keputusan?

Seorang Ahli: Betul, betul

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So, saya- inilah perkara yang serius tidak boleh bermain-main...

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudah ada- saya bercakap dengan Tuan Pengerusi, *please sit down! Sit down!*

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Saya ada masa rayuan, 14 hari rayuan. Apalah ini pun...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Cameron Highlands sila duduk dulu. Saya akan mendengar Yang Berhormat Jelutong terlebih dahulu. Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Dewan yang mulia ini boleh mengambil maklum bahawa baru-baru ini mahkamah telah memutuskan bahawa kerusi Cameron Highlands dilapangkan kerana dalam pilihan raya yang lalu terdapat unsur-unsur rasuah melibatkan Yang Berhormat Cameron Highlands. Keputusan itu masih lagi kekal. Dewan yang mulia ini tidak dimaklumkan tentang apa-apa keputusan yang baru mengenai perkara ini.

So, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi atas dasar apa Yang Berhormat Cameron Highlands boleh masuk dan duduk di tempat beliau. Kita patut menghormati keputusan mahkamah Tuan Pengerusi. Saya minta *ruling* di atas perkara ini.

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, ia masih dalam rayuan. Saya ada 14 hari untuk buat rayuan cuma kalau saya gagal buat rayuan atau saya tidak hendak buat rayuan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong ini tidak faham prosedur. Duduklah!.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, kalau tidak ada *stay proceeding...* [Dewan riuh]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak faham prosedur.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Cameron Highlands, adakah perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah itu serta keputusan mahkamah tertakluk kepada apa-apa perintah penggantungan- *stay order*?

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Tuan Pengerusi, dalam *judgement* sudah jelas bahawa tidak ada bukti yang mengatakan saya ini berkait dengan rasuah. Cuma...

Tuan Pengerusi: Jawab soalan saya ada atau tidak *stay order*? Ada atau tidak *stay order*?

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Memandangkan Yang Berhormat Jelutong bawa isu ini ke dalam Dewan. Saya ada 14 hari untuk buat rayuan. Kalau saya gagal dan saya tidak diminta- tidak dapat hadir ke Dewan atau tidak? Saya sudah *check* tapi saya ada masa 14 hari untuk buat rayuan.

Saya tidak faham Tuan Pengerusi kerana orang yang disabit boleh menjadi Menteri Kewangan tapi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tarik balik kenyataan itu!

Tuan Pengerusi: Sila jawab soalan saya. Selaku Speaker saya mesti memutuskan perkara yang agak penting. Ada *stay order* atau tidak- tidak ada?

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: *Stay order* itu secara automatik apabila saya membuat rayuan dia ada *stay order* itu.

Tuan Pengerusi: Saya ingin nasihatkan Yang Berhormat Cameron Highlands untuk berjumpa dengan seorang peguam yang pakar untuk memutuskan sama ada rayuan yang difailkan secara automatik mengakibatkan suatu penggantungan keputusan mahkamah. Ini penting ini *because otherwise if there's no stay, you're a stranger in the House...* [Tepuk]

Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands]: Saya sudah jumpa dengan peguam tapi akan buat penjelasan kepada Tuan Pengerusi apabila saya berjumpa dengan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jadi untuk sementara waktu sila tinggalkan Majlis, dapatkan pendapat peguam berikan kepada Pejabat Speaker. Ini perkara penting sebab kita tidak mahu perkara ini dijadikan sebagai satu *precedent*, satu duluan, contoh untuk masa yang akan datang. Sila buat itu dulu. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Jelutong puas hatilah kau!

Tuan Pengerusi: Sekarang sudah sampai pukul 1. Mungkin Yang Berhormat Menteri memerlukan 10 minit lagi.

Tuan M. Kulasegaran: Saya banyak panjang. Kalau diarahkan saya boleh bagi secara bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan Menteri.

Tuan Pengerusi: Mungkin 10 minit?

Tuan M. Kulasegaran: Secara bertulis.

Tuan Pengerusi: Selepas penangguhan.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu saya ada tadi- ini PERKESO untuk wanita. Minta tolong jawab bertulis.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Saya pun ingin mencelah.

Tuan Yang di-Pertua: Majlis akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang dan Menteri akan diberikan 20 minit untuk menjawab.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

2.30 ptg.

Tuan Pengerusi: Majlis dalam Jawatankuasa.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat. Pontian ingin bangkitkan Peraturan Mesyuarat 44 Tertib Dalam Mesyuarat.

Saya dengan penuh suci hati memohon agar keputusan Tuan Pengerusi mengenai Yang Berhormat Cameron Highlands tadi perlu merujuk kepada Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan iaitu ada di tangan saya ini Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 48(4) saya bacakan, "*Walau apa pun jua yang terkandung dalam peruntukan yang terdahulu dalam perkara ini, jika seseorang Ahli mana-mana satu majlis Parlimen hilang kelayakan untuk terus menjadi Ahli Majlis itu, maka kehilangan kelayakan itu hendaklah mula berkuat kuasa apabila habis tempoh 14 hari dari tarikh dia disabitkan dan dihukum*".

Apa yang ingin saya timbulkan di sini Tuan Pengerusi bahawa Yang Berhormat Cameron Highlands dijatuhkan hukuman pada 29 November, dan hari ini ialah hari yang ketujuh, belum lagi habis tempoh 14 hari. Oleh sebab itu, pada pandangan saya menurut Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan, beliau masih boleh berada dalam Dewan ini. Itu pada pandangan saya dan saya mohon petua daripada Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih Yang Berhormat Pontian.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya memahami Peruntukan 48. Akan tetapi, apa yang sekarang kita hadapi merupakan sesuatu yang belum lagi mempunyai nas yang jelas dan memanglah saya akan membuat satu petua, satu *ruling* setelah mengkaji kedua belah pihak. Bukan saja peruntukan perlembagaan yang terpakai di sini, tetapi juga peruntukan-peruntukan berkaitan dalam *Election Offences Act*.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi. Saya dengan izin Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa peruntukan yang dirujuk oleh Yang Berhormat Pontian itu tidak terpakai. Ia hanya terpakai kepada kesalahan-kesalahan jenayah. Di sini kita berbincang tentang satu keputusan mahkamah pilihan raya yang berkuat kuasa serta-merta. Saya berpendapat bahawa sekiranya tidak ada sebarang perintah untuk menggantungkan keputusan tersebut, maka peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan ini tidak terpakai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Walau apa pun, tidak perlu kita panjangkan perbahasan atas perkara ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi telah buat *ruling*.

Tuan Pengerusi: Sebab saya akan buat *ruling*. Bukan hari ini ya, sebab saya sudah pun memberi nasihat kepada Yang Berhormat Cameron Highlands untuk berjumpa dengan peguam beliau dan kemungkinan saya akan mendapat jawapan daripadanya. Dari segi undang-undang ini bukan perkara yang politik lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul.

Tuan Pengerusi: Ini isu undang-undang, di mana tidak terdapat dluhan yang jelas. Memanglah dalam kes-kes yang biasa datang di Dewan Rakyat ini melibatkan kes-kes yang bukan melibatkan kesalahan jenayah. Selepas mahkamah memutuskan bahawa sesuatu pilihan raya yang dijalankan itu adalah tidak sah sama sekali.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, bukan saja itu. Kita harus mengambil perhatian bahawa dalam perkara ini, mahkamah telah membuat keputusan bahawa ia melibatkan unsur-unsur rasuah. So, ini adalah perkara serius dan kalau kita benarkan Yang Berhormat Cameron Highlands masuk.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia tak dak kena mengena pun.

Tuan Pengerusi: Memang, walaupun serius..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, serius.

Tuan Pengerusi: ...Mesti berpandukan kepada undang-undang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Benar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Undang-undang.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong yang lawyer.

Tuan Pengerusi: Yang penting sekarang..

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Undang-undang.

Tuan Pengerusi: ..semua mesti melihat kepada *Election Offences Act* juga dan juga penting untuk melihat perintah mahkamah yang dikeluarkan atau bakal dikeluarkan atau minit dalam mahkamah dan sebagainya. Ini memerlukan sedikit masa. Sementara itu..

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit saja Tuan Pengerusi. Menurut pada Yang Berhormat Jelutong tadi...

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: ...Orang yang melakukan kesalahan berkenaan dengan pilihan raya ini juga ada dalam peraturan ini, bukan hanya jenayah. Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, saya rujuk kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Pengerusi: Sudah dirujuk tadi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Sudah rujuk ya, Perkara 4.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bangunlah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Iaitu dari segi prosedur Yang Berhormat, apabila mahkamah membuat keputusan *registrar of* mahkamah mesti memaklumkan kepada EC dan EC saja yang memaklumkan kepada Speaker. Sekarang ini adakah Speaker mendapat..

Tuan Pengerusi: Itu melibatkan..

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Adakah Speaker mendapat maklumat?

Tuan Pengerusi: ...Keadaan di mana sesuatu apa arahan akan dikeluarkan oleh EC untuk mengadakan pilihan raya kecil. Ini dia lain punya topik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini dari segi kehilangan kelayakan sebagai MP..

Tuan Pengerusi: Ya lah.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Di dalam masa 14, selepas 14 hari kalau tidak ada *appeal then* baru dia anggap sebagai kosong dan Speaker apabila dimaklumkan oleh EC baru boleh membuat keputusan.

Tuan Pengerusi: Tidak semestinya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Macam mana boleh Speaker boleh buat keputusan..

Tuan Pengerusi: Tidak semestinya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: ...Kuasa yang ada daripada ikut Suruhanjaya Pilihan Raya, bukan kuasa Speaker. Speaker mesti menerima notis daripada EC dulu.

Tuan Pengerusi: Tidak, saya berbeza pendapat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak perlu, tidak perlu, tidak perlu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No business being in the House.*

Tuan Pengerusi: Walau apa pun, saya sudah berulang-ulang kali berkata satu *ruling* akan dikeluarkan setelah semua pihak meneliti peruntukan undang-undang yang terpakai.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, dia akan melebihi tempoh 14 hari.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya bersetuju.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Selepas tempoh 14 hari.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Tuan Pengerusi, saya bersetuju..

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dalam masa 14 hari.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Merujuk kepada kepakaran kemudian merujuk kepada Tuan Pengerusi untuk membuat satu usul atau undang-undang yang jelas kepada Dewan yang mulia ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bukan..

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya setuju.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bukan hendak bertempik..

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Dia berdasarkan seksyen berapa seksyen berapa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Ini proses undang-undang.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Di bawah seksyen 36B dan C.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, Tuan Pengerusi. Mereka lupa bahawa Tuan Pengerusi adalah seorang bekas Hakim. Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Saya akan membuat satu *ruling*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini bukan soal bekas.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Tidak ada kena mengena.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi merupakan bekas Hakim, takkan benda yang berlaku pun Pengerusi tidak tahu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Ini kita beri pandangan berdasarkan undang-undang.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Bekas Hakim Mahkamah Rayuan, hormatilah keputusan.

Seorang Ahli: Yang Berhormat tidak boleh bertindak sebagai Hakim...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat bukan Hakim Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Memang saya tidak bertindak sebagai Hakim. Yang Berhormat pun jangan bertindak sebagai Peguam.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul. Duduklah, hormati keputusan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ini isu yang perlu dipertimbangkan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Akan tetapi, kami Ahli Parlimen.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Tuan Pengerusi sudah cakap, dia akan keluarkan..

Tuan Pengerusi: Saya akan membuat *ruling*, itu garis..

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: ...Dia akan keluarkan *ruling*. Sabarlah, kita duduk semua.

Tuan Pengerusi: Ya, sekarang kita teruskan. Silakan Menteri.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat saya mohon sebelum *ruling* dikeluarkan, boleh *dak* Yang Berhormat Cameron Highlands dibenarkan dulu sehingga *ruling* dikeluarkan?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, ini, ini.

Tuan Pengerusi: Tunggu *ruling* lah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tidak boleh, ini melanggar keputusan mahkamah.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Hanya di *Public Gallery*.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Selama 14 *days* sudah ada dalam..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kalau hendak duduk di *Public Gallery* boleh, tetapi tempat tersebut telah diperintah dilapangkan... [*Disampuk*] *He has no business being here in the first place.*

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]: Seksyen 36B, 36C.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *You have no business to issue ruling* ya.

Tuan Pengerusi: Ini isu undang-undang, saya akan membuat *ruling* secepat mungkin. Jadi bersabarlah sedikit. Silakan Menteri.

■1440

2.40 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Tuan M. Kulasegaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ya, Yang Berhormat Tapah nak cakap apa-apa? *[Ketawa]* Kawan MIC, kawan MIC tak cakap apa-apa? *[Ketawa]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: MIC bergantung pada UMNO untuk bercakap, MIC tak ada suara.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri, 20 minit sahaja... *[Dewan riuh]*

Tuan M.Kulasegaran: Baik, dengan izin.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ini kita semua ini Barisan Nasional, okey.

Tuan M.Kulasegaran: Dengan izin Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tak lama lagi Pakatan Harapan juga akan tinggal kenangan.

Tuan M.Kulasegaran: Saya ingin mengalih kepada Mahkamah Perusahaan iaitu ada cadangan daripada persatuan pekerja dan juga yang nampaknya pandangan dari majikan juga bahawa kita perlu ada beberapa perubahan yang tertentu di *Industrialization Act*. Ini yang telah disalurkan oleh Yang Berhormat Kapar yang kena tepat pada isu tersebut.

Tuan Pengerusi: Sebelum itu Yang Berhormat Menteri, saya ingin membuat satu pengumuman sedikit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita dimaklumkan bahawa hadir bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini ialah delegasi dari Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia yang diketuai oleh Yang Terhormat Dr. Haji Oesman Sapta... *[Tepuk]* Kepada Yang Terhormat Dr. Haji Oesman Sapta, Ketua Dewan Perwakilan Daerah Republik Indonesia dan delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran semua ke Dewan yang mulia ini... *[Tepuk]* Semoga dengan kehadiran Yang Terhormat Dr. Haji Oesman Sapta dan delegasinya ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan hubungan Malaysia dan Indonesia. Terima kasih... *[Tepuk]*

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sanjung tinggi kedatangan dari Indonesia. Yang Berhormat Kapar telah mengatakan mengenai Mahkamah Perusahaan. Cadangan yang dibuat mengenai satu *appeal tribunal, Employment Appeal Tribunal (EAT)* pada setakat Mahkamah Perusahaan, ini saya rasa adalah kena dan patut dilaksanakan dan ini dalam proses perubahan undang-undang yang sedang dijalankan. Saya rasa kita mungkin boleh siap cadangan-cadangan tersebut selepas kita ada perjumpaan dengan *the tripartite* yang termasuk majikan dan pekerja di mana akan diadakan supaya perbincangan yang sedalam-dalamnya. Saya berpendapat bahawa kemungkinan besar bahawa undang-undang ini, perubahan ini akan dibawa ke Dewan yang mulia ini pada bulan Mac yang akan datang.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, minta pencelahan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri dengan iltizam yang ada, saya bersyukur kerana ianya nampak kelompangan setelah Mahkamah Perusahaan jatuhkan hukum dan kepakaran Mahkamah Rayuan Pekerja ini dapat kita garapkan dan kita berikan tumpuan kerana mereka ini semestinyalah pakar-pakar buruh yang boleh menjatuhkan hukum daripada kita meletakkan nasib kepada Mahkamah Tinggi. *Thank you very much, Sir.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan M.Kulasegaran: Yang Berhormat, saya sendiri terlibat dalam perkara macam ini di mana satu kes Mahkamah Perusahaan mengambil lebih kurang tujuh tahun Tuan Pengerusi, masuk ke Mahkamah Rayuan. Jadi, *I'm one of those affected.* Saya rasa ini perlu dan sekarang adalah masa untuk kita membuat perubahan.

Satu di antaranya saya boleh bagi sedikit apa yang kita ingin bawa perubahan adalah jika ada rayuan, itu mungkin rayuan dari EAT terus ke Mahkamah Persekutuan. Itu di antara cadangan-cadangan yang kita sedang buat supaya boleh dipercepatkan dan kes dapat diselesaikan seberapa awal yang boleh.

Saya telah memberi arahan bahawa semua kes di Mahkamah Perusahaan perlu diselesaikan selambat-lambatnya sembilan bulan daripada masa kita merujuk. Kedua, kuasa untuk merujuk, pada pandangan saya, ia perlu tidak lagi dengan Yang Berhormat Menteri, ia secara automatik kalau mediasi gagal, terus ke Mahkamah Perusahaan supaya memberi lebih ruangan. Pada pandangan saya, jika seorang ada hak untuk membawa kes ke mahkamah sesuka dia atau ke Mahkamah Buruh, apatah lagi dia tidak ada hak untuk membawa kes di Mahkamah Perusahaan, *why special?* Mahkamah Perusahaan perlu kebenaran Yang Berhormat Menteri. Saya rasa ini adalah satu *tier* yang tak perlu langsung, pada pandangan saya.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa 20.3 Akta Perusahaan 1967 itu dipinda memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri? Kalau itulah, *alhamdulillah*. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memahami kesengsaraan mereka yang menjadi perayu. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat Kapar, dulu Yang Berhormat Kapar dan saya yang lawan mengenai perkara-perkara macam ini. Saya bila dilantik sebagai Menteri, satu di antara perkara yang pertama saya kata adalah ini satu di antara kuasa Menteri yang patut dimansuhkan di mana pandangan saya adalah ini sangat menyusahkan... [*Tepuk*] Pekerja di negara ini. Akan tetapi saya ada tentang-tentangan daripada macam-macam agensi, majikan dan sebagainya. Akan tetapi tak apa, kita akan usaha untuk membuat sedemikian.

Balik kepada perkara ini, sembilan bulan kes itu akan diselesaikan. Jika ada *appeal tribunal*, kes akan diselesaikan, sekurang-kurangnya lebih-lebih enam bulan. Maka, dalam satu setengah tahun, semua habis supaya *there is certainty* di antara majikan dan pekerja. Jangan kita mengheret kepada Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan kerana ia mengambil sangat banyak masa dan ini menyusahkan semua pihak.

Saya alih kepada satu perkara yang lain, adalah mengenai pekerja asing. Saya ingin beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini dan juga majikan dan pekerja di seluruh negara, tidak ada apa-apa sekatan untuk meminta pekerja asing pada dasarnya. *There is no policy to stop employing foreign workers in this country*, itu kita perlu faham. Ada beberapa orang yang mengatakan, "*oh! Di restoran saya tidak dibenarkan membawa pekerja asing dan sebagainya.*" Bukan.

Semalam Kementerian Dalam Negeri telah meluluskan dekat 2,000 orang untuk masuk ke negara ini untuk bekerja. Jadi *the policy is still there*. Apa yang beza hanya adalah di mana kerajaan atau Kabinet telah meluluskan di mana jawatankuasa bebas mengenai pekerja asing. Perkara-perkara itu sedang dihalusi oleh mereka dan satu keputusan selepas ia diperhalusi akan dibawa kepada Kabinet untuk mendapat keputusan kebenaran mereka.

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran: Ya, Yang Berhormat Tapah. Mengenai Yang Berhormat Cameron Highlands kah mengenai... [*Ketawa*]

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Cameron Highlands biar Tuan Pengerusi buat keputusan tapi *time is essence*, dengan kadar yang segera.

Tuan Pengerusi: Ada dia?

Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]: Memandangkan Yang Berhormat Menteri telah memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa semalam Kabinet telah meluluskan 2,000 orang, 2,000 orang ini dari negara mana dan sama ada ini akan diberi secara terus kepada pemilik-pemilik restoran ataupun seperti biasa dengan ejen-ejen tertentu. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Ini dipohon oleh majikan-majikan di seluruh negara bukan satu sahaja, bukan Kabinet. *There's no need to go to Cabinet.* Ini bukan kuasa saya iaitu satu di antara proses, saya lebih kurang 40 peratus sahaja ada peranan. Lepas itu saya buat semua *carefully look at all the documents*, selepas itu ia dirujuk kepada Kementerian Dalam Negeri.

Lebih kurang, saya boleh kata *not exactly 2,000 people* tetapi di mana kebenaran telah diberitahu. Akan tetapi, yang lebih mustahak adalah saya perlu tahu, saya perlu beritahu kepada majikan dan Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada halangan untuk membawa pekerja asing ke negara ini asalkan ada semua dokumentasi yang tertentu, maka tidak ada halangan langsung. Walaupun ada jawatankuasa bebas yang sedang menyiasat, sedang mengambil panduan apa-apa daripada orang ramai, ini proses yang sedang dijalankan. Itu satu yang kita perlu fikir.

Seorang Ahli: [Bangun]

Tuan M. Kulasegaran: Dalam hal ini, sekejap. Dalam hal pekerja asing, kita juga telah membuat supaya insurans iaitu SOCSO bukan sahaja untuk pekerja dalaman di negara ni tetapi juga meliputi sekarang, merangkumi pekerja-pekerja asing. Ini adalah kehendak ILO-*International Labour Organization*, supaya tidak ada sebarang diskriminasi terhadap pekerja dalaman dan pekerja asing. Sebelum ini, MEF memberi bantahan teruk terhadap ini. Saya dengan sukacita ingin beritahu, hari ini kita ada perjumpaan di antara *the tripartite*.

Perjumpaan ini Tuan Pengerusi, di mana kita telah dengan majikan telah bersetuju dan juga pihak pekerja dari kesatuan pekerja dan kerajaan bersetuju bahawa ia boleh diimplementasikan tahun hadapan tetapi *there is a cooling-off period until a whole of*, untuk semua masa pada tahun hadapan supaya memberi lebih masa dan ruang kepada majikan untuk *adjust* supaya daripada *workmen compensation*, pampasan pekerja kepada SOCSO supaya ini akan membawa *win-win situation* dalam hal ini. Ya?

■1450

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Sebelum itu Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, saya hendak mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar UiTM Shah Alam ke Dewan ini. Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bahagian *Islamic Banking*. Yang Berhormat Kapar, Bahagian *Islamic Banking*. Okey, Tuan Pengerusi ada dua soalan. Yang Berhormat Menteri menyebut majikan, pekerja tadi tetapi Yang Berhormat Menteri ada rekod ataupun tidak contohnya *construction*.

Kita buat bangunan tinggi, kita ambil pekerja asing. Selepas itu bila habis kerja dia orang ini pergi ke mana. Rekod Jabatan Imigresen tidak ada. Dia orang tidak keluar. Selepas itu majikan yang sama dapat kontrak lagi ambil pekerja lagi. Jadi, sekarang ini di mana tanda noktahnya kepada pengambilan pekerja asing dan di mana mereka ini pergi?

Saya hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita buat pemutihan yang ketiga, keempat kah supaya mereka yang tinggal tidak sah ini kita bagi kita sahkan, daripada kita memburu untuk mengambil di luar padahal di dalam ini banyak lagi yang tidak sah dan banyak majikan suka ambil yang tidak sah sebab tidak perlu bayar macam-macam lagi. Jadi, majikan termasuk juga pelbagai pihak sama ada majikan perseorangan ataupun majikan untuk ramai-ramai.

Jadi, apakah satu mekanisme dibuat supaya siapa yang ambil pekerja dia kena pastikan pekerja ini bila dia berhenti dia kena mengikuti peraturan imigresen. Kalau tidak Yang Berhormat Menteri, akhirnya akan tiba masa orang asing lebih ramai daripada rakyat warga ini. Jadi, kita- mungkin masa itu Yang Berhormat Menteri gembira.

Tuan M. Kulasegaran: Faham, faham, faham. Terima kasih. Yang Berhormat, senang saya untuk menjawab soalan tersebut. Pemutihan- saya telah berbincang dengan Kementerian Dalam Negeri dan yang menjadi masalah adalah ini.

Kita adalah satu di antara negara di dunia ini di mana kita telah *legalized illegal workers* bukan sekali, bukan dua kali, bukan tiga kali. Jadi, orang pun gelak sama kitalah, macam tidak serius dalam hal ini.

Jadi, itu satu di antara menjadi sangat tegang, adakah kita akan mengimplementasikan pemutihan hal ini tetapi itu dalam proses perbincangan dan untuk alih kepada lagi satu hal di mana mereka hilang. Tuan Pengerusi, saya hendak beritahu kita telah mencari satu jalan tetapi saya tidak boleh memberitahu kepada Dewan yang mulia hari ini kerana ini masih di perbincangan di *tripartite*. Hari ini kita ada perbincangan di antara majikan dan pekerja dan saya harap pada 17 hari bulan, di mana kita akan halusi semua perkara tersebut dan satu keputusan akan dibuat. Kita akan beritahu macam mana mengelak pekerja lari dari majikan.

Kita ada cara bukan secara hendak pergi jumpa bomoh dan sebagainya. Kita ada cara. Sudah ada cara sekarang ini, itu dibuat dengan jayanya di luar negara, Tuan Pengerusi. Jadi, itu antara satu perkara yang kita perlu ingat sedalam-dalamnya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sedikit lagi, Yang Berhormat yang dikasihi. Yang Berhormat Menteri, orang lari daripada majikan ini bukan daripada *construction*, ini *maid* kita di rumah pun, *maid* Yang Berhormat Menteri pun ada yang lari saya tahu... [Dewan ketawa]

Jadi macam mana kita hendak kesan? Polis tidak dapat kesan. Jadi, kalau Yang Berhormat Menteri kata kita ada satu mekanisme boleh kesan, okey. Macam orang Afrika kita boleh kesan tetapi kalau orang yang sama macam kita ini hendak kesan macam mana, okey satu.

Nombor dua, pemegang kad UNHCR. UNHCR ini kita bagi kad dia duduk di sini. Dia duduk sini dalam 400 orang kita kena bagi makan, kita tidak bagi makan dia kena bekerja dan dia bekerja secara *illegal*. Apakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk pemegang-pemegang kad UNCHR ini kita bagi peluang mereka bekerja daripada mereka duduk untuk menjadi masalah menimbulkan masalah sosial seperti di Pasar Selayang.

Tuan M. Kulasegaran: Faham, faham. Terima kasih. Ini UNHCR ini juga dalam proses perbincangan di mana Tuan Pengerusi, Kerajaan Qatar telah memberi USD50 juta untuk menolong pelarian-pelarian ini dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru-baru ini telah pergi ke Qatar, di mana perbincangan telah lebih kurang selesai supaya dana yang diberi oleh mereka dan saya difahamkan dana itu akan berlipat-ganda pada masa yang akan datang untuk menolong mereka supaya mereka menjadi lebih manfaat kepada sistem kerja di negara ini.

Saya berpendapat ini adalah baik, ini adalah *win-win position*. Saya hendak alih kepada lagi satu perkara adalah...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Fasal Qatar ini Yang Berhormat Menteri, fasal Qatar. Adakah Qatar ini duit baru ataupun duit yang kami dapat dahulu? Masa saya jadi di MKN, dia ada bagi USD50 juta. Adakah USD50 juta tambahan ataupun duit yang sama.

Tuan M. Kulasegaran: Duit lama dia tidak ada masa untuk gunakan kerajaan dahulu. Itu duit ada di sana sahaja. Tidak disalurkan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi maknanya bukan duit barulah. Kita tidak pakai duit itu sebab saya hendak bagi Yang Berhormat Menteri belanja... [Dewan riu] [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi, patut Yang Berhormat Menteri, *you* ucap terima kasih sepatah kepada kerajaan lama kerana tidak belanja, hendak bagi peluang Yang Berhormat Menteri belanja.

Tuan M. Kulasegaran: Saya, saya. Bukan, tidak perlu. Yang Berhormat, kita. Bukan, kalau saya terpaksa jawab Tuan Pengerusi, kita sudah 2 tahun lambat. *The world is asking.*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, duit itu masuk bila?

Tuan M. Kulasegaran: Kenapa duit sudah diagihkan oleh Qatar, kenapa 2 tahun lagi belum digunakan untuk menolong anak-anak Rohingya dan sebagainya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, sebab...

Tuan M. Kulasegaran: Kita cakap banyak di seluruh dunia. Kita pergi luar negara, kita cakap *Malaysia is the best in the world*. Bila wang disalurkan tidak digunakan, tidak *ditrain* orang-orang mereka apa guna?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Tuan M. Kulasegaran: Cakap itu seperti itu bikin. Itu kita mahu faham.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, jangan cakap macam itu sama saya.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, itu sebab Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri pergi supaya kita boleh menolong untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak apa.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan saya cakap wang, bukan macam 1MDB yang sudah digunakan, ini cerita lain. Ini adalah untuk *human capital*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tarik balik penghormatan saya 100 peratus kepada Yang Berhormat tinggal 60 peratus sahaja. Sekarang saya hendak lawan Yang Berhormat. Yang Berhormat, beritahu kepada saya, wang USD50 juta itu bila dimasukkan?

Tuan M. Kulasegaran: Yang Berhormat, saya hendak minta maaf.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, tinggal 4 minit sahaja lagi- 4 minit lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak, tidak boleh Yang Berhormat ungit-ungkit macam itu.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak, tidak cukup masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tanya adakah duit baru?

Tuan M. Kulasegaran: Duit lama, duit lama tetapi belum mari lagi, belum diguna pakai.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau duit lama ucap terima kasihlah.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, bukan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Just say thank you... [Dewan riuh]*
[Ketawa]

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, kalau Yang Berhormat sila duduk, sila duduk. Sila duduk, Yang Berhormat. Sila duduk *[Ketawa]* Yang Berhormat, kita perlu faham. Saya minta maaf. Bukan setakat belum pakai, itu kita mahu faham. Kenapa wang ini diberi oleh Qatar? Ini adalah diberi untuk menolong mereka menjadi pelarian-pelarian dari luar negara. Kenapa ia tidak dipakai? Kenapa ia tidak digunakan untuk menolong mereka, itu soalnya. Bukan bila *you* dapat. Ini Malaysia, ini bukan hak Barisan Nasional atau Pakatan Harapan, ini negara kita... *[Tepuk]* Bila ada kuasa 600 hari dahulu tidak guna kuasa itu, tidak ada gunalah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran: Jadi saya minta maaf saya perlu alih ke perkara yang lain, kita boleh *discuss* di luar, saya tidak cukup masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya guna kuasa bagi elaun baru Ahli Parlimen.

Tuan M. Kulasegaran: Saya, saya ingin... Tidak apa.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Menteri baru hendak menggulung. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Proses untuk USD50 juta itu proses biasa, Kementerian Dalam Negeri...

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih. Saya mengalih kepada hal-hal wanita terutamanya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan. Di antara faktor yang kita hanya selaraskan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: So, Yang Berhormat... *declare you are not my friend anymore, declare...* [Dewan riuh]

Tuan M. Kulasegaran: *We are always your friend.* Jadi kita rasa untuk gaji dan sebagainya kita akan menolong untuk memastikan tidak ada diskriminasi langsung, tidak ada. Jika ada diskriminasi, tolong laporkan kepada kementerian kita akan ambil tindakan. Jangan tanya kepada Yang Berhormat Lanang dia tidak berapa ambil aktif dalam hal ini dan saya percaya Yang Berhormat Batu Kawan *we are friendly stones*, we akan tolong apa yang akan dibuat. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan, silakan.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat sedikit lagi penjelasan bukan sahaja isu diskriminasi adalah hakikat bahawa skim penggajian untuk wanita dan lelaki berbeza di Malaysia untuk skop kerja yang sama. Jadi saya ingin tahu apa pendekatan daripada kementerian untuk kita mengurangkan jurang di antara penggajian di antara wanita dan lelaki. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran: Nombor satu jika ada diskriminasi itu tidak dibenarkan langsung. Itu kalau ada laporan dan sebagainya kalau dia memilih kepada wanita memberi kurang daripada lelaki itu adalah satu yang tidak boleh diterima, aduan boleh dibuat supaya penyiasatan dan tindakan boleh diambil *because they are all equal before the law*. Itu satu di antara kita perlu faham dan semestinya kita rela dan sedia untuk membantu mana-mana pekerja di negara ini untuk mengatasi masalah tersebut.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Satu lagi perkara mengenai *parental leave* iaitu cuti berbayar untuk si ayah apabila wanita telah bersalin supaya mereka boleh dua-dua, dengan izin, *share the burden of the responsibility of taking care of the baby*. Terima kasih.

■1500

Tuan M. Kulasegaran: Faham, faham. Bukan- yang menjadi ini Tuan Pengerusi nombor satu untuk *maternity leave*. Kita ada cadangan untuk meningkatkan untuk wanita ke 98 hari, itu adalah dari segi *requirement of ILO*. Untuk *paternity leave* ada cadangan tetapi belum satu keputusan dibuat kerana di antara faktor yang kita ada adalah beza dengan Yang Berhormat fikir mungkin tahu kerana kita perlu ada dialog dengan majikan dan persatuan pekerja supaya perkara itu dapat dibincangkan di sana sebelum satu keputusan dibuat.

Ini mengambil masa. Ini bukan- walaupun saya rasa ini boleh dibuat- satu keputusan boleh dibuat oleh kami tetapi tersekat kepada kehendak daripada segi *industrial labor harmony* untuk membawa satu keputusan yang *final* di antara pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara-perkara yang lain...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tuan Pengerusi, minta penjelasan sedikit.

Tuan M. Kulasegaran: ...Saya minta maaf oleh sebab kekurangan masa...

Tuan Pengerusi: Minta jawapan bertulis ya.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan sedikit sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: ...Saya akan menjawab secara bertulis.

Tuan Pengerusi: Ya, saya ingat...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya pohon soalan saya- banyak soalan saya tadi...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Belum dijawab, satu pun belum dijawab.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat]: ...Satu pun belum dijawab. Saya minta kalau boleh dijawab secara lisan tentang *stand* kerajaan terhadap majikan-majikan yang tidak membenarkan pekerja-pekerja untuk melaksanakan tuntutan agama. Dalam kes ini terhadap umat Islam yang hendak melaksanakan Solat Jumaat. Jadi ini saya minta supaya dijawab secara lisan sebab banyak kali sudah saya tanya tetapi disebut bertulis-bertulis pun tidak dapat juga jawapan. Jadi- dan apakah tindakan kerajaan terhadap majikan-majikan yang menghalang pekerja-pekerja ini untuk melaksanakan tuntutan agama?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Itu juga Tuan Pengerusi, dasar pakaian pramugari yang acap kali kami tanya. Adakah satu kajian telah dibuat?

Tuan Pengerusi: Bertulis atau boleh menjawab lisan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat]: Saya minta lisan.

Tuan Pengerusi: Menteri akan membuat keputusan. Bertulis ya.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, saya lebih baik buat secara bertulislah. Saya ada di sini kerana ada beberapa dokumentasi yang...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat]: Kalau ada minta Menteri baca sahaja, kita hendak tahu *stand* kerajaan. Itu mudah, *stand* kerajaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada dua...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawawi [Tumpat]: *Stand* kerajaan ini sepatutnya telah ada. Jadi tidak perlu hendak bertulis-tulis sebenarnya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Termasuk pakaian pramugari.

Tuan Pengerusi: Ya, Menteri akan menjawab... [*Dewan riuh*] Sebut pramugari sahaja semua riuh ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, riuh ini, saya tidak tahan ini. Kalau hendak lawan, cakap lawan. Saya pun bisa lawan tidak ada masalah. Saya mohon...

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, mungkin untuk solat dan segala-galanya, saya bagi...

Tuan Pengerusi: Solat sahaja jawab secara lisan.

Tuan M. Kulasegaran: Ya. Kementerian Sumber Manusia telah menyediakan garis panduan untuk majikan sebagai panduanlah. Ini dia ada, mungkin Yang Berhormat tidak tahu. Ini ada tengok garis-garis panduan ini... [*Menunjukkan senaskhah dokumen*] Kalau saya hendak baca ini setengah jam. Dia ada, dia ada semua di sini. Dia ada.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Stand kerajaan...*

Tuan M. Kulasegaran: *No...*

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Terhadap majikan-majikan yang tidak membenarkan.

Tuan M. Kulasegaran: ...Dia...

Tuan Pengerusi: Menteri sudah menjawab...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Garis panduan sudah ada tetapi mereka tidak mengikut garis panduan. *Stand kerajaan* yang kita hendak tahu.

Tuan M. Kulasegaran: *No, no.* Dia- kalau tidak dibenarkan boleh dilaporkan untuk tindakan diambil. Semua ada di sini. Tolong- Yang Berhormat ada pernah baca tidak?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Langkah-langkah kerajaan untuk...

Tuan M. Kulasegaran: *No, no.* Sini di antaranya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Terhadap...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Menteri bagi salinan kepada Yang Berhormat. Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini pakaian pramugari?

Tuan Pengerusi: Itu jawapan bertulis.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Firefly.* Janganlah Yang Berhormat Menteri. Dulu saya tidak pernah tidak jawab Yang Berhormat Menteri, jawablah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Shut up.*

Tuan Pengerusi: Bertulis Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Menteri telah membuat keputusan, jawapan bertulis dan saya pun bersetuju. Kalau tidak, tidak berkesudahan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM885,120,000 untuk Maksud B.46 di bawah Kementerian Sumber Manusia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM885,120,000 untuk Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM500,033,200 untuk Maksud P.46 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM500,033,200 untuk Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, pakaian Firefly, Firefly.

Tuan Pengerusi: Bertulislah Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini orang-orang Islam...

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Apa ini...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kamu tanggung dosa kalau kamu tentang saya. / tahu.

**Maksud B.47 [Jadual] -
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2019] -**

Tuan Pengerusi: Baik seterusnya Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Saya kena baca kepala dulu. Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia terbuka untuk dibahas. Sekarang terbuka untuk dibahas.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kapar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada ini sebelah sini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya ambil senarai dulu ya. Yang Berhormat Kapar lagi ya?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kapar, Kapar. Hendak berehat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian pula.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Arau...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian dulu Tuan Pengerusi, Pontian.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kapar.

Tuan Pengerusi: Sudah tulis Yang Berhormat Kapar. Yang Berhormat Segamat. Yang Berhormat Segamat belum cakap ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jelutong.

Tuan Pengerusi: Pontian pula ya, awal tadi, Yang Berhormat Pontian.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Yang Berhormat Pontian lagi, Ya Allah [Ketawa]

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tampin.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor.

Tuan Pengerusi: Ada lagi tidak? Yang Berhormat Hulu Selangor belum.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan, Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Tampin ada?

Tuan Pengerusi: Tampin.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, Jelutong.

Tuan Pengerusi: Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Gudang.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar, Paya Besar.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi Paya Besar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Maran ya. Yang Berhormat Jerai.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah, Rasah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Tuan Pengerusi: Jelebu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Parit...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Paya Besar.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Paya Besar.

Puan Kasthuraani a/p Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sibuti ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Batu Kawan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Pengerusi, sini Rasah.

Tuan Pengerusi: Nanti saya teruskan sekali sini ya.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Sibu.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Pasir Puteh, Tuan Pengerusi. Takut terlepas.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Sibu. 17, Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ada yang tertinggal saya ingat... *[Disampuk]* Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya tahu mengapa semalam saya sebut Pasir Panjang. Dia *confused* dengan Yang Berhormat Pasir Puteh dengan Yang Berhormat Rantau Panjang *[Ketawa]* Jadi 18, Yang Berhormat Pasir Puteh... *[Disampuk]* Kawasan baru? Yang Berhormat Papar tidak cakap?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Tidak *decide*, belum lagi. *The last*.

Tuan Pengerusi: Belum putuskan. Baik ya. Bagi Yang Berhormat Arau dululah ya. Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Cakaplah, tidak percaya.

Tuan Pengerusi: Atas dasar kekananan.

3.09 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ada soalan tambahan? Tuan Pengerusi, hari ini saya hendak tuntutan satu tajuk sahaja. Ini fasal pekerja kontrak ya. Butiran 040800. Kita bersyukur Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Lima minit ya bagi semua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Mana boleh lima minit Tuan Pengerusi, orang ramai, orang sikit sahaja. Kalau lima minit Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ramai ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ingat 10 minit *is still the best*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya lah. Seperti yang saya sebut tadi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tujuh minitlah, tujuh minitlah.

Tuan Pengerusi: ...Di antara lima hingga 10 minit. Akan tetapi kita kenakan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ramai. Kesian dia orang baharu ini teringin hendak bercakap. Saya tidak apa orang lama. Hendak bercakaplah.

Tuan Pengerusi: Silakan, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama sekali Tuan Pengerusi kita minta supaya jawapan daripada Menteri biar bacalah, biar bertulislah. Menteri baca ya sebab kalau tidak ada Menteri yang satu jam, dua kilometer, sejam jawab, jadi masalah. Yang Berhormat semua tahu. Jadi kita minta supaya jawapan Menteri itu biar bertulis, padat tidak payah cakap *off the cuff* macam itu sebab kalau tidak kita ada masalah.

■1510

Menteri Komunikasi dan Multimedia ini di antara Menteri yang bagus. Dulu garang bukan main, melompat tiap-tiap hari, tapi sekarang dia dah *steady* sebab dia jadi Menteri. Kita hendak macam itu. Macam... [Disampuk] Tidak tahu lah pergi mana ini. Macam Yang Berhormat Bukit Katil itu, dia layak jadi Menteri Pelancongan tetapi silap duduk tempat, sebagai contoh.

Kemudian Yang Berhormat Kapar itu layak...

Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]: Hang Tuah Jaya, Hang Tuah Jaya. Bukan Bukit Katil.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Kapar ini layak juga jadi Timbalan Menteri Sumber Manusia tapi masih duduk di sana. Kesian ya.

Walau bagaimanapun, kita berharap supaya menteri-menteri dapat menjawab dengan baik dan menjalankan tugas dengan baik. Ini bukan ada main politik. Saya tidak main politik. Niat saya ikhlas hendak tengok supaya kerajaan ini dibina di atas asas yang kukuh. Bukan di atas asas pencemeraan, dendam kesumat tidak habis-habis. Cakap kerja hendak mengungkit sahaja. Tidak perlu. Sekarang kita dah *moving forward*, dengan izin. Kita dah bergerak ke hadapan.

Macam Yang Berhormat Jelutong, walaupun perangai macam lama sikit, tetapi dia *moving forward*. Dia boleh datang berkawan dengan kita... [Disampuk] Ha, bagus. tetapi kalau mulut tidak jaga sangat, jadi...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau, saya masih lagi menghormati Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, sama. Jadi Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kawan baik saya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong dia kena jaga..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau dengan Yang Berhormat Tanjong Karang memang *steady. Gentleman*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Jelutong dia kena jaga sebab dalam kumpulan mafia, Tuan Pengerusi, dia ada satu kumpulan dipanggil *Hitman*, tukang pukul. Jadi saya harap jangan Yang Berhormat Jelutong jadi tukang pukul sampai bila-bila masa.

Dia kena jadi orang yang arif dan bijaksana macam hakim. Lama-lama jadi Menteri lah. Kalau tidak, Yang Berhormat akan jadi mangsa. Parti akan gunakan Yang Berhormat untuk hendak pukul kami saja tetapi yang dapat jawatan orang lain. Yang Berhormat rugi. Kerja sebagai peguam tetapi tiba-tiba...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Butiran. Butiran.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Butiran lah. Jangan buang masa lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini masa saya.

Tuan Pengerusi: Sebab itu saya cadangkan lima minit.

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: Butiran apa, Butiran apa? Menteri tertunggu-tunggu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini masa saya. Saya hendak cakap apa, saya cakap. Ini hak saya. Cuba masing-masing diam. Okey?

Sekarang ini saya minta supaya- saya sayang Yang Berhormat Jelutong ini. Dia dikenali sebagai orang baik. Supaya dia jangan jadi tukang pukul sangat. Jadi biar orang lain setengah. Kalau tidak, Yang Berhormat akan digelar tukang pukul sampai seumur hidup. Mati rugi. Jadi macam ini Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia. Dulu tukang pukul, sekarang dia dah jadi Menteri. Jadi, kalau Yang Berhormat hendak jadi Menteri, jangan jadi tukang pukul, jadi orang yang arif dan bijaksana.

Ini pekerja kontrak, Tuan Pengerusi. Satu tajuk sahaja. Itu sebab panjang sikit *intro* dia.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Arau janganlah jadi batu api, Yang Berhormat. Jangan batu api.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya sebagai seorang Islam, saya cakap ikhlas. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat mahu fikir saya tak ikhlas, itu hak Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi bila saya cakap, saya takut Allah SWT hukum saya, saya mati tengah bercakap, saya rugi. Saya kena ikhlas. Ini saya hendak beritahu. Kalau saya mati, biar saya mati untuk masuk syurga, bukan sebaliknya. Akan tetapi ada orang cakap tak ikhlas, itu hak dia sebab Allah SWT juga buat neraka untuk orang-orang tertentu ya. Okey.

Balik pada tajuk ini balik- pekerja kontrak. Ini JASA, Tuan Pengerusi. Saya tahu JASA telah diberhentikan dengan penuh tangisan. Budak-budak JASA ini bukan- dia ialah orang yang dilatih untuk taat kepada kerajaan pada hari tersebut. Jadi dia taat kepada kerajaan. Tiba-tiba dia dihukum kerana kononnya ini ialah lantikan kerajaan dahulu dan sebagainya.

Saya tidak kisah kalau itu Ahli-ahli Yang Berhormat hendak buat, Ahli-ahli Yang Berhormat buat. Tetapi menzalimi manusia dan kemanusiaan, itu Yang Berhormat Jelutong tak mahu. Kita mana boleh zalim pada orang. Tuan Pengerusi, dia orang sudah berkahwin, sudah beranak, sudah beli kereta. Saya balik tiap-tiap minggu, saya hanya menerima tangisan. Dan anaknya kata, "*Saya tidak mahu belajar...*"

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, boleh minta penjelasan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, boleh.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Di mana? Sila beri butiran. Jangan katakan begitu kerana ini akan memberi persepsi bahawa kita menzalimi orang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kontrak, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Mana ada bukti bahawa kita menzalimi orang. Tidak ada. Pakatan Harapan tidak akan menzalimi sesiapa. Kita bukan macam Barisan Nasional dahulu, Yang Berhormat. Semua kita bela.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Pekerja-pekerja semua akan dibela. Jangan risau. Saya beri jaminan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, tengok rekod kezaliman kami. Cuba tengok siapa yang kaya di kalangan Ahli Parlimen? Siapa dia yang kaya? Menteri telah isytiharkan kaya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia kaya adakah kerana Pakatan Harapan?

Tuan Su Keong Siong [Kampar]: *Ting tong.* Cukup masa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dia kaya kerana duduk dalam Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Rujuk kepada Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Bagan Datuk. Tanya siapa yang lebih kaya. Tanya Yang Berhormat Pekan dan Yang Berhormat Bagan Datuk.

Tuan Pengerusi: Baru seminit tadi puji-memuji. Sekarang apa jadi ya?... [*Dewan ketawa*]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Itulah. Yang Berhormat Jelutong ini cepat sangat...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya puji Yang Berhormat Arau.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Pengerusi, masa dah habis, Tuan Pengerusi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya puji Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Bagan Datuk dan Yang Berhormat Pekan, saya tidak puji.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tuan Pengerusi, masa dah habis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Masa. Masa. Masa. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, sebab gangguan ya. Tajuk saya tidak habis lagi ini. Dia orang kacau. Okey.

JASA sebenarnya mereka telah berjasa. Kena ingat bahawa kita menzalimi orang— kepada orang Islam, saya hendak peringat bahawa doa orang yang dizalimi tidak ada hijab dengan Allah SWT.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, siapa yang menzalimi?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong, topik itu dah selesai. Sila berbahas. Silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau tidak, saya tidak dapat bercakap ini. Yang Berhormat Jelutong ini sahabat saya, jadi beri peluang sedikit. Dua minit ya. Saya hendak habiskan.

Tuan Pengerusi: Dua minit. Dua minit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dua minit ya. JASA, kita kena ingat mereka ini sudah teraniayai sebab mereka bekerja dengan kerajaan. Dibuang kerana hukuman politik. Macam juga PLKN. Menangis. Ada anak dia beritahu- anak dia *Form Five*- "*Lepas habis exam, saya hendak ambil law, saya akan ajar semua orang-orang ini*". Diiringi dengan perasaan dendam, benci kesumat.

Bagaimana kita hendak didik rakyat dengan pemikiran benci kesumat? Didik dengan kasih sayang. Ahli Parlimen tunjukkan sifat kasih sayang. Itu sebab saya tidak kisah saya bergaul dengan semua sebab saya rasa kita harus menggambarkan satu kepimpinan yang harus diteladani oleh rakyat iaitu kasih sayang. Jangan kebencian. Jangan bangkit-bangkit, "*Ini 1MDB, 1MDB, 1MDB*". Hukum tengoklah siapa yang buat salah, senang cerita, supaya tutup buku. Ini orang belum hukum, kita dah hukum. Tidak adil kepada rakyat Malaysia.

Tolong bagi perhatian balik kepada pegawai kontrak. Yang Berhormat Menteri saya tahu dia orang yang baik. Tolong fikirkan balik bagaimana mereka ini harus diberi perlindungan supaya tidak berhenti begitu sahaja. Kereta siapa hendak bayar? Anak hendak belajar dan sebagainya.

Jadi kita dah bukan hukum satu manusia macam saya kena hukum. Lepas itu, tiba-tiba ratusan dan ribuan lagi kena hukum. Kita kena ingat, kita dihukum seorang tidak apa tetapi ini kita telah hukum banyak orang. Itulah cara PH sekarang ini, Yang Berhormat Jelutong. Kita menghukum seseorang, kita lupa kita telah menghukum banyak orang. Kalau hendak hukum seorang okey, *no problem*, sebab dia salah. Akan tetapi orang yang tidak bersalah ini kenapa dihukum? Termasuk pekerja kontrak daripada JASA, PLKN dan sebagainya.

Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyokong ya, tidak ada masalah. Ada benda yang saya tidak sokong sekejap lagi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Kapar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapar ya? Silakan Yang Berhormat Kapar.

3.17 ptg.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi. Tanpa berlengah waktu, saya terus ingin menyinggung Butiran 020600 – Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM). Saya ingin memaklumkan kepada pentadbiran RTM bahawa...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan. Penjelasan. Apa itu singgung?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Saya tidak membenarkan pencelahan di bawah Peraturan 37 ketika saya membuat ucapan. Terima kasih Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Dak*. Apa makna menyinggung?

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Apa yang saya nak garis panduan, Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tadi kamu ganggu saya.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: ...Bahawa kita mesti memahami...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau, tidak bagi laluanlah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Singgung itu apa, singgung? Menyinggung apa menyinggung? Dia kata menyinggung tadi, apa dia?

Tuan Pengerusi: Menyentuhlah itu.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ha, menyentuh.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Ambil bahasa lama, Yang Berhormat Arau. Bahasa lama itu menentukan kemartabatan bahasa yang sebenarnya.

Saya ulangi balik. Saya ingin menyinggung Butiran 020600 yang menyatakan tentang Jabatan Penyiaran Malaysia iaitu RTM.

Tuan Pengerusi, apa yang jelas ialah saya memohon RTM mengenal pasti pentadbiran dengan cara efisien. Jangan berlaku macam TV3. TV3 hari ini hendak buang pekerja 290 orang tanpa merujuk kepada perjanjian bersama. Mengingkari segala undang-undang yang ada tanpa memikirkan tentang faedah-faedah dan pampasan yang sepatutnya dibayar. Mereka ini adalah pentadbiran yang tidak berhati perut.

Maka saya memohon RTM termasuk pekerja-pekerja swasta yang bekerja begitu lama dengan RTM supaya mengkaji semula supaya mereka dapat bekerja tetap. Maka demikian, saya memohon pentadbiran RTM jangan berperwatakan atau pun berperangai seperti TV3 yang mengkhianati pekerja dan juga pada undang-undang negara ini.

Saya terus merujuk pada Butiran 020700 – BERNAMA. Saya diberitahu BERNAMA pun mengamalkan kontrak sampai tiga empat tahun belum lagi *confirm*. Jadi saya minta *Bername TV* jangan sesekali menzalimi atau pun memberikan penantian yang begitu sengsara kepada mereka-mereka ini pekerja kontrak terutama sekali di bawah Jabatan Bernama TV.

Saya meneruskan dalam ingin menyinggung Butiran 020800 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) yang diperuntukkan sebanyak RM39 juta. Tuan Pengerusi, saya ingin menyinggung isu hak intelek. Hak intelek ini mereka telah mengeluarkan filem-filem, mereka telah pun menghasilkan banyak cerita-cerita yang menjadi contoh teladan kehidupan kita dan penglipur lara yang cukup hebat.

Saya ambil satu nama besar iaitu Allahyarham Tan Sri P. Ramlee. Ketika beliau meninggal dunia, hasil daripada kreatif beliau tidak pernah dihargai. *Shaw Brothers* mengambil semua hasil dan royalti yang telah pun dan sepatutnya diserahkan kepada keluarga-keluarganya. Akan tetapi ia tidak berlaku begitu. Begitu juga Allahyarham Khalid, meninggal tanpa meninggalkan harta. Mereka-mereka ini perlu dibela.

■1520

Saya mohon Kementerian Komunikasi memandang serius tentang hak intelek ini kerana hak intelek ini adalah tuntutan hasil yang perlu diberikan seimbangan kepada generasi ataupun keluarga mereka. Mohon kementerian mengkaji semula, mempertimbangkan hak intelek ini dipulangkan balik dan diberikan penghidupan para artis atau para pejuang seni ini untuk mereka meneruskan penjaan dan memartabatkan filem negara yang penuh bermotivasi ini.

Seterusnya saya ingin menyinggung Butiran 040800 – Ganjaran Kakitangan Kontrak. Seperti mana yang Yang Berhormat Arau bicara tadi, saya hendak ambil mengaitkan apa yang telah Yang Berhormat Jelutong bicara tadi. Kita tidak boleh menzalimi. Pakatan Harapan tidak mengizinkan kezaliman berlaku dan itu adalah prinsip dan perjuangan yang kita mendapat mandat daripada rakyat. Maka saya ingin memastikan bahawa pekerja-pekerja kontrak termasuk JASA sekalipun dan saya dimaklumkan BTN pun telah diserapkan, berjasa juga perlu ada pertimbangan untuk di mana-mana kerja kontrak yang membolehkan mereka mendapat kerja tetap supaya kezaliman tidak dilahirkan. Kekhawatiran tidak dicetuskan dan kita Pakatan Harapan menjadi suluhan dan menjadi redupan pohon-pohon kepada rakyat yang sedang dikatakan dizalimi. Akan tetapi kita tidak akan menzalimi mereka.

Terima kasih Tuan Pengerusi dengan tekun mendengar penjelasan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat. Silakan.

3.21 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 030500 di bawah Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Saya mendapati ia ada pengurangan yang diberikan kepada ini. Saya hendak tanya bagaimanakah kementerian akan pastikan bahawa mengenai data peribadi ataupun *personal information act* ini yang akan lebih dimartabatkan sebab kita mendapati kadang-kadang banyak juga bank-bank dan juga *unit trust* yang sering membeli data ataupun daripada maklumat nombor telefon dan juga sebagainya. Mereka memanggil kepada kita. Kadang-kadang yang baiknyanya dia tawarkan pinjaman 200, 300 *preapproved*.

Akan tetapi saya minta 200, 300 juta dia letak telefon. Saya mendapati ia merupakan satu *infringement to data privacy*- maklumat peribadi. So sama ada wang yang diberikan kepada ini mencukupi untuk mereka pastikan dengan agensi-agensi dan juga skop. Adakah skop mereka akan berkurangan dan jika ya, mengapa. Atau pun mereka akan menjadi lebih efisien.

Merujuk kepada Butiran 310000 – Projek Jalur Lebar. Saya mendapati terdapat pertambahan sebanyak lebih kurang RM7.5 juta. Bagus. Namun demikian, saya ingin juga tanya kepada Menteri bahawa apakah projek-projek ini akan dilaksanakan khususnya di kawasan Segamat kerana saya mendapati di kawasan seperti DUN Buloh Kasap dan juga kawasan-kawasan FELDA, kita mendapati hampir-hampir ketiadaan perkhidmatan jalur lebar mahupun kalau *WhatsApp* pun tidak boleh berfungsi dan juga sebagainya. Saya difahamkan melalui soal jawab lisan dan juga sebagainya, Menteri pernah beritahu dalam masa setahun akan dilaksanakan.

Apa yang saya perlukan sekarang adalah perincian dan juga jangka masa bila dan bagaimana akan dilaksanakan untuk di kawasan Segamat termasuk Parlimen Segamat, Parlimen Sekijang dan juga Parlimen Labis iaitu daerah Segamat dan khususnya di kawasan FELDA. Ini kerana kita mendapati bahawa di kawasan FELDA ini masyarakat Bumiputera Melayu Islam ini dia hampir-hampir ketiadaan perkhidmatan yang sama seperti terdapat di bandar. Maka kita rasa bahawa keperluan untuk memastikan hak mereka juga terjamin kerana mereka juga memerlukan perkhidmatan tersebut.

Seterusnya adalah Butiran 70000 iaitu Projek *Public-Private Partnership* (PPP). Saya hendak tanya, apakah projek ini dan berapa banyak projek yang akan dilaksanakan? Di manakah dan bila dan juga syarikat mana dan mengapa mereka dipilih. Kalau boleh maklumat ini diberikan secara lengkap dan juga dinaikkan dalam halaman atau pun *web page* agar semua rakyat boleh mendapat maklumat yang sama.

Juga Butiran 050000 dan juga Butiran 050100, *One-Off* projek pendigitalan untuk penyiaran nasional sebanyak RM90 juta. Saya juga memerlukan maklumat yang lebih lanjut dan bagaimana projek akan dilaksanakan. Bila dan juga jangka masa dan juga apakah syarikat-syarikat dan apakah projek-projek dan juga sebagainya. Pada masa yang sama maklumat ataupun *fact sheet* tersebut juga dinaikkan dalam halaman *web* dan juga sebagainya agar kita sama-sama.

Saya mencadangkan kepada kementerian ini untuk menjadi kementerian yang contoh kerana saya pasti bahawa Menteri sendiri sebagai seorang peguam dan kita ada lebih banyak ketelusan dan saya yakin dengan ini akan menjadikan contoh kepada kementerian-kementerian lain juga boleh turut mengikuti contoh kementerian ini. Saya difahamkan Timbalan Menteri juga merupakan peguam. Dua orang peguam. Hebatnya. Dua orang peguam hebat. Maka itulah cadangan saya pada kementerian.

Akan tetapi sebelum saya mengakhiri satu minit yang terakhir, khususnya untuk kawasan FELDA mereka yang telah memilih saya kalau saya mendapati kalau di seberang sungai di Bandar Gemas Negeri Sembilan, jalur lebarnya bagus dan sebagainya. Akan tetapi kalau sudah *cross* ke Segamat, negeri Johor, Johor utara pintu masuk saya dapati terus tiada.

Saya rasa ini bukan sahaja untuk warga Segamat, tetapi sebagai bangsa Johor dan saya minta ini agar diberi keutamaan kerana bandar Segamat ini adalah sebuah bandar yang terbesar- antara yang terbesar di utara negeri Johor. Kita memang benar-benar perlukan. Saya merayu kepada kementerian untuk membantu kita di Segamat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pontian. Silakan.

3.25 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perkara pertama, *Media City* sebanyak RM75.6 juta. Media ini ada beberapa kumpulan. Media elektronik, media cetak, media sosial, dan media digital. Apakah komponen-komponen *Media City* yang ingin dibangunkan ini? Bilakah ia akan disiapkan?

Seterusnya saya ingin bertanya, ada berapa stesen radio di Malaysia dan ada berapa stesen TV di Malaysia. Saya juga ingin bertanya, apakah hala tuju baru Kerajaan PH mengenai radio dan juga TV. Setakat mana pihak pembangkang boleh terlibat dalam program-program tertentu di radio dan TV yang ada? Saya sudah tidak melihat lagi berita, Tuan Pengerusi. Sebab saya lihat berita itu berat sebelah. Oleh sebab itu saya tidak ada lagi melihat berita dan saya ingin bertanya bolehkah kami pihak pembangkang di sini dilibatkan dalam program-program tertentu.

Perkara kedua, pengurusan sumber manusia. Sekali lagi saya menyokong dengan rakan-rakan mengenai JASA. Berapa ramai kakitangan JASA yang diberhentikan dan yang mana diserap ke tempat lain itu berapa ramai? Ada juga butiran kelihatan Ganjaran Kakitangan Kontrak sebanyak RM824,000 dalam butiran itu. Adakah ia diberikan kepada kakitangan JASA? Jika ya, baguslah. Adakah bentuk-bentuk bantuan yang lain?

Saya ingin mengesyorkan agar mereka yang dihentikan ini mengambil Sistem Insurans Pekerjaan (SIP). Boleh dapat RM600 sebulan selama tiga bulan daripada PERKESO dan saya berharap pekerja-pekerja JASA dan juga yang lain yang diberhentikan itu boleh memohon skim ini. Paling tidak dapat 6 darab 3, RM1,800. Boleh belanja untuk anak-anak sekolah.

Ketiga, teknologi komunikasi. Berapa banyak menara SKMM yang dipasang di seluruh negara dan peningkatan keupayaan menara itu perlu bergantung pada berapa *telco* yang terlibat di dalam menara-menara yang berkaitan. Saya harap ia ditingkatkan kapasiti. Sekarang ini banyak menara yang kapasitinya hanya 3G. Saya harap ia akan ditingkatkan kepada 4G.

Seterusnya perkara yang keempat yang ingin saya sentuh ialah tentang Projek Jalur Lebar berjumlah RM57.5 juta. Saya lihat kerajaan baru ini hanya menukar NFP kepada NCP. Pelan Fiber Seluruh Negara (NFP) iaitu Kerajaan BN dahulu diubah kepada Pelan Sambungan Seluruh Negara (NCP). Fiber ditukar kepada sambungan. Itu sahaja. Akan tetapi saya hendak tahu juga apa beza NFP, NCP dan bila ia boleh diselesaikan RM57.5 juta ini untuk memastikan projek jalur lebar itu sampai ke kawasan luar bandar dan sampai juga ke Sabah dan juga Sarawak terutamanya.

Perkara kelima ialah MDeC. Saya pohon pihak kementerian betulkan di dalam butiran MDeC disebut sebagai *Multimedia Development Corporation*. Sudah berubah dah, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia tidak lagi *Multimedia Development Corporation*. Sudah tukar nama kepada *Malaysia Digital Economy Corporation*. Akan tetapi dalam buku masih lagi *Multimedia Development Corporation*. Saya ingin tanya apakah program-program baru MDeC.

Saya ingin tanya, setakat mana kejayaan eUsahawan dan eRezeki. Saya pohon supaya eUsahawan dan eRezeki ini diteruskan sebab dia banyak membantu usahawan-usahawan PKS di seluruh negara. Kalau kita lihat syarikat di bawah MSC *status* pada tahun 1997 cuma 93.

Pada tahun 2017 melonjak kepada 4,556. Apakah bantuan-bantuan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai MSC *status* dan apakah contoh-contoh kejayaan 4,556 syarikat-syarikat mempunyai MSC *status* ini?

■1530

Perkara keenam ialah CyberSecurity Malaysia iaitu 38.5 juta. Pernah saya sebut di sini, di Dewan ini bahawa laporan *World Economic Forum* menyatakan bahawa risiko utama bakal dihadapi dunia untuk 10 tahun akan datang ialah krisis geopolitik pertama.

Kedua, pencemaran alam sekitar.

Ketiga, bencana alam. Keempat, pelanggaran keselamatan siber.

Kelima, krisis ekonomi.

Saya ingin bertanya berapa kes pelanggaran keselamatan siber di Malaysia? Apa contoh-contoh kes. Tahap mana, adakah ia membimbangkan pelanggaran keselamatan siber di Malaysia ini.

Perkara yang ketujuh, kajian sektor komunikasi yang akhir. Telekom Malaysia ini dimiliki oleh Khazanah - 26 peratus; KWSP - 16 peratus. KWSP itu bayangkan, berapa juta rakyat yang ada memiliki KWSP dan KWSP memiliki Telekom Malaysia ini. Kehilangan pasaran Telekom ini, pada awal tahun iaitu RM22.7 bilion. Pada 25 November, hilang pasaran modal RM8.54 bilion. Jumlah 12 hingga 14 bilion hilang pasaran modal. Tuan Pengerusi. Itu bukan duit yang sedikit- 12 hingga 14 bilion pasaran modal hilang. Ini kerana dasar baru kementerian yang menyebabkan hilang 12 hingga 14 bilion pasaran modal ini. Jadi, apa penyelesaian *win-win* antara syarikat-syarikat *telco* supaya Telekom Malaysia boleh bangkit semula daripada jatuh.

Akhir, mengenai Akta Antiberita Tidak Benar, Tuan Pengerusi. *Last*. Diluluskan untuk dimansuhkan di Dewan ini tetapi tidak diluluskan untuk dimansuhkan dalam Dewan Negara. Jadi, dia jadi macam tergantung Tuan Pengerusi. Adakah akta itu berjalan? Sekarang ini akta perkara tidak benar ini merata dalam media sosial dan apa akan terjadi. Saya ingin penjelasan dari pihak kementerian, apakah langkah seterusnya mengenai Akta Antiberita Tidak Benar. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Silakan Yang Berhormat Hulu Selangor.

3.32 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyentuh yang pertama melalui Butiran 020500 – Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN). Sebanyak RM169 juta diperuntukkan. Apakah program turun padang yang dirancang oleh pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia untuk mendekati kumpulan sasar yang terpinggir di kawasan pendalaman dan kawasan luar bandar, terutamanya di Hulu Selangor. Bagaimanakah program ini dapat menarik minat golongan luar bandar untuk bersama menyertainya.

Kedua, melalui Butiran 030100 – Infrastruktur dan Aplikasi. Sebanyak RM5 juta diperuntukkan. Apakah perancangan pihak kementerian bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan aplikasi dan infrastruktur komunikasi mempunyai akses sama rata di seluruh negara. Apakah kawasan di luar bandar akan diutamakan dalam perancangan ataupun projek ataupun program yang akan dilaksanakan nanti.

Menerusi Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Sebanyak RM57 juta perbelanjaan secara langsung dianggarkan. Bagaimanakah kementerian dapat memastikan perkhidmatan jalur lebar kelajuan tinggi di kawasan Hulu Selangor dapat dilaksanakan.

Apakah jaminan daripada pihak kementerian bahawa Daerah Hulu Selangor sekurang-kurangnya akan mendapat perkhidmatan jalur lebar bagi kawasan-kawasan yang masih belum mempunyai perkhidmatan jalur lebar.

Terakhir sekali. Untuk makluman pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia, saya sering menerima aduan dan rungutan rakyat terutama di kawasan Kuala Kubu Bharu, Hulu Bernam, Batang Kali, Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa. Kawasan-kawasan ini didapati kurang mendapat liputan jalur lebar yang laju sedangkan permintaan terhadap fasiliti tersebut adalah amat tinggi.

Rungutan juga disuarakan oleh pengusaha industri dan syarikat-syarikat swasta yang bertapak di Hulu Selangor. Ini sedikit sebanyak mengakibatkan kerugian kepada pengusaha-pengusaha ini kerana banyak urusan tergendala akibat infrastruktur internet yang lemah. Ini juga memberi impak buruk kepada bakal-bakal pelabur kerana kelemahan capaian internet yang begitu rendah.

Hulu Selangor mencadangkan agar pihak kementerian dapat membantu bagi mengutamakan naik taraf infrastruktur digital di kawasan Hulu Selangor. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin. Silakan.

3.35 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil beberapa butiran sahaja di dalam perbahasan ini. Pertama ialah Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Walaupun perkara ini telah disentuh oleh ramai pembahas-pembahas, sama ada dalam bahas sebelum ini, kita dapati masih lagi perkara ini tidak berjalan dengan begitu baik.

Jadi, oleh sebab itu, saya memohon supaya kementerian memperhebatkan ruang cakupan bukan sahaja di tempat-tempat bandar yang wajar, diperluaskan ke kawasan-kawasan yang jauh di sorok rantau negara ini sebab masih banyak lagi tempat-tempat yang tidak sampai kecapaian tentang jalur lebar itu sendiri. Sedangkan kita hendak meningkatkan ilmu ataupun kefahaman masyarakat di antara luar bandar dengan bandar.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah Butiran 53000 – Dasar Industri Kreatif Negara. Kita dapati peruntukan yang diberikan ialah kurang iaitu RM32 juta. Kalaulah industri kreatif ini suatu yang boleh mendatangkan pendapatan negara, mengapa peruntukan ini dikurangkan? Saya ingin bertanya, bagaimana dan apakah fokus kementerian pada tahun 2019?

Ketiga, yang terakhir yang saya hendak sentuh ialah Butiran 020800 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS). Saya hendak sentuh dalam soal garis panduan untuk kita meluluskan filem-filem, drama dan sebagainya lah. Sejauh mana garis panduan itu diikuti dan bagaimana masih lagi terdapat perkara-perkara yang filem-filem yang diluluskan melanggar nilai-nilai budaya, sama ada soal akidah, soal nilai-nilai budaya Melayu dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong. Silakan Yang Berhormat Jelutong.

3.37 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada beberapa butiran, yang pertama adalah kepada Butiran 030200 – Kawalan dan Pematuhan yang juga ada sangkut paut dengan Butiran 040700 – CyberSecurity Malaysia.

Saya di sini ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah pihak kementerian ingin memastikan bahawa *cyber crimes*, dengan izin, ini dapat dikawal dan saya mencadangkan kalau boleh, pihak kementerian menggubal undang-undang yang baharu. Di mana kita dapat juga mengawal perlakuan-perlakuan jenayah yang menggunakan laman-laman web sosial seperti internet dan juga *Facebook*.

Pada masa yang sama, saya juga ingin minta kepada kementerian. Saya mengambil maklum tentang maklumat oleh Yang Berhormat Menteri tentang tindakan tegas yang akan diambil terhadap pihak-pihak atau anasir-anasir yang menyebarkan maklumat dan juga berita-berita palsu. Terutamanya bila berlaku apa-apa insiden yang boleh menggugat keamanan di Malaysia. Di sini, saya memohon supaya pihak kementerian mengadakan jawatan-jawatan tertentu ataupun mendirikan jawatan-jawatan tertentu atau pejabat-pejabat ataupun satu cawangan yang tertentu, yang terdiri daripada kakitangan yang mempunyai kemahiran di mana kita dapat mengesan semua perlakuan-perlakuan jenayah ini dan mengambil tindakan segera.

Kita melihat bahawa sehingga hari ini sebagai seorang peguam, kes-kes di mana seseorang itu dihadapkan ke mahkamah kerana menyebarkan berita maklumat palsu ataupun menyebarkan fitnah dan sebagainya masih lagi kurang. Saya yakin sebagai Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi sebagai seorang mantan hakim juga berpendapat, bersetuju dengan saya bahawa kita harus lagi agresif dalam mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang menyebarkan maklumat palsu dan berita-berita yang tidak benar.

■1540

Ini kerana secara tidak langsung akan menghantar mesej supaya apabila seseorang itu ingin berkongsi maklumat sama ada melalui *WhatsApp*, melalui *Facebook* dan sebagainya kita waswas di dalam berkongsi maklumat ini. Pada masa yang sama, saya ingin menyebut juga kejadian-kejadian di mana kita lihat sejak kebelakangan ini ada pihak-pihak tertentu seperti *Papagomo* dan juga individu-individu lain yang dengan lantang dan jelas melontarkan cabaran-cabaran terhadap pihak-pihak tertentu meminta, mencabar supaya bergaduh dan sebagainya- perkara-perkara ini harus dipandang serius di mana saya ingin lihat pihak *Papagomo* ini dihadapkan dengan pertuduhan.

Kita lihat bahawa beliau telah ditahan dan saya difahamkan telah pun dibebaskan. Saya ingin bertanya kepada Menteri atau Timbalan Menteri, apakah tindakan yang akan diambil terhadap individu-individu seperti ini. *Papagomo* adalah seseorang yang tidak serik. Beliau merupakan seorang ancaman kepada masyarakat di Malaysia. *He is a real trap to the fabric of society*, dengan izin Tuan Pengerusi, yang boleh menggugat ketenteraman masyarakat majmuk di Malaysia.

Akhir sekali saya juga ingin merujuk kepada pihak Jabatan Penyiaran Malaysia. Saya telah menyarankan perkara ini berulang kali supaya siaran tertumpu kepada membina masyarakat majmuk, membina silaturahim, mengeratkan perpaduan dan ia masih lagi kurang kerana sejak tiga, empat bulan yang lalu saya telah menyarankan supaya RTM 1 dan 2 menyiarkan rencana-rencana ataupun drama yang boleh menunjukkan, menerbitkan drama yang boleh menunjukkan bahawa masyarakat Malaysia yang berbilang kaum ini masih hidup dalam keadaan yang aman, damai dan sejahtera.

So, saya lihat bahawa ada kekurangan dan kita perlu mengambil maklum bahawa RTM 1 dan 2 mempunyai tanggungjawab sebagai pihak yang menyiarkan bagi pihak kerajaan untuk memastikan bahawa dalam apa juga keadaan tidak ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh memecahbelahkan rakyat Malaysia. Kita mahu sentiasa hidup dalam keadaan aman dan damai. Itu adalah pendapat saya di atas butiran-butiran tersebut Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Mencelah.

Tuan Pengerusi: Sekarang Yang Berhormat Pasir Gudang, silakan.

3.42 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya Pasir Gudang ingin membahaskan satu butiran sahaja iaitu P.47, Butiran 06512 di muka surat 404 bertajuk *BERNAMA News Channel*. Saya ingin mengucapkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang telah berjaya menubuhkan *BERNAMA News Channel* ini. Saya lihat di dalam anggaran belanjawan ini, tahun 2017 kosong, 2018 juga kosong. Belanjawan 2019 disebut, ditulis di situ RM2 juta.

Jadi jika boleh mendapat jawapan lisan, secara ringkas beberapa pertanyaan saya berkenaan *BERNAMA News Channel* ini. Pertama, apa perkembangannya ini? Apakah perkembangan *BERNAMA News Channel*? Bilakah sebenarnya ia bermula? Ini kerana saya pun tidak mengetahui sangat adakah *BERNAMA News Channel* tersebar di seluruh dunia atau hanya di rantau ASEAN atau Asia.

Seperti yang kita tahu secara global ini ada BBC, CNN, *Al Jazeera* daripada Qatar, dari China kita ada CGTN dan negara jiran kita Singapura, siarannya percuma *Channel NewsAsia* dan langkah Malaysia memperkenalkan *BERNAMA News Channel* sangat baik dan sangat tepat terutama dalam kerajaan yang baharu dan Malaysia baharu ini kerana media televisyen khususnya sangat penting untuk mempertingkatkan imej Malaysia di persada dunia antarabangsa dalam melaporkan perkembangan-perkembangan yang benar, yang tepat dan memberi perspektif Malaysia.

Jadi saya ingin tahu selanjutnya Yang Berhormat Menteri, adakah belanjawan RM2 juta itu cukup? Saya rasa mungkin kecil itu. Kalau boleh dijelaskan kepada Parlimen ini seperti kita tahu *BBC London* ia ada *board of directors* dia, lembaga pengelola dia. Adakah *BERNAMA News Channel* ada lembaga sedemikian, dan apakah *terms of reference*- adakah mereka ini *independent* seperti BBC? Berapa ramai stafnya, dan adakah wartawan-wartawan *BERNAMA News Channel* ini ditempatkan di merata negara di rantau Asia atau di ASEAN ini? Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jerai. Silakan Yang Berhormat Jerai.

3.46 ptg.

Tuan Sabri bin Azit [Jerai]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada B.47, Butiran 010800 – Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR). Saya memohon penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan fungsi institut ini, berapakah jumlah pelajar semasa dan syarat kelayakan untuk masuk ke institut ini?

Seterusnya Butiran 020400 – PUSPAL. Saya mohon penjelasan adakah PUSPAL turut bekerjasama dengan JAKIM bagi memastikan kemasukan artis luar ke negara kita dapat dikawal dengan sebaiknya bagi mengekang pengaruh budaya barat yang serba bebas tanpa had yang nyata bercanggah dengan adab Melayu dan Islam sebagai Agama Persekutuan.

Butiran seterusnya Butiran 020600 – RTM. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri berkenaan, dasar dan polisi terbaru RTM di bawah Kerajaan Pakatan Harapan khususnya berkenaan akses media oleh pembangkang. Saya mencadangkan RTM memperbanyakkan program berbentuk wacana ilmiah, forum dan debat seperti mana yang dibuat oleh *Astro Awani*, tahniah.

RTM walaupun milik kerajaan tetapi sepatutnya pembangkang turut diberikan hak untuk bersuara, rentak yang berbeza berbanding dengan kerajaan dahulu. Pihak kementerian wajar mereformasi RTM ini agar rakyat kembali percaya dengan apa yang disiarkan oleh TV ini. Jikalau tidak, rakyat akan menganggap RTM hanyalah meneruskan tradisi lama iaitu alat propaganda parti pemerintah.

Seterusnya yang terakhir Butiran 020500 – Jabatan Penerangan. Apakah langkah-langkah kementerian untuk turun padang setakat ini? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jerai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelebu. Silakan Yang Berhormat Jelebu. Tidak ada? Yang Berhormat Parit?

3.48 ptg.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020800 – Perbadanan Kemajuan Filem Malaysia (FINAS). Tuan Pengerusi, perbuatan curi rakam dan menyiarkan secara langsung filem tempatan melalui media sosial dibimbangi menjadi aliran baru dalam kalangan penonton sehingga dikhuatiri menjejaskan keuntungan pihak yang terlibat dengan industri perfileman.

Saya melihat perkara ini semakin berleluasa dan perlu pemantauan yang serius oleh kementerian. Saya berharap kementerian mengambil tindakan tegas terhadap perbuatan mencuri siar filem ke dalam media sosial. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah usaha yang telah dijalankan oleh kementerian bagi membanteras perbuatan curi rakam filem dan menyiarkan ke dalam media sosial dan adakah terdapat sebarang tangkapan yang telah dibuat oleh kementerian bagi kesalahan curi rakam filem ini.

Seterusnya adalah Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Kemudahan jalur lebar sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita. Kemudahan ini amat penting buat masyarakat pada masa ini untuk mendapatkan akses maklumat dengan lebih cepat apatah lagi kawasan-kawasan yang berada di luar bandar.

■1550

Namun begitu, yang jadi kebimbangan dan pemerhatian penuh saya adalah masih ada lagi kawasan-kawasan yang masih tidak mendapat liputan sepenuhnya. Sebagai contoh, di kawasan saya sendiri ada beberapa lokasi yang sebenarnya akses kepada jalur lebar ini agak berkurangan. Contohnya daripada Kampung Sadang sampailah Tanjung Dalu, Pasir Gajah, Tanjung Medan dan juga yang ada di dalam kawasan sayalah.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah kerajaan akan mengadakan liputan kemudahan jalur lebar ini khususnya dalam bentuk liputan di dalam kawasan saya iaitu di kawasan Parlimen Parit? Saya juga hendak tahu, sejauh mana pula projek jalur lebar pinggir bandar memberi manfaat liputan internet berkelajuan tinggi? Adakah kawasan di Parlimen Parit mendapat manfaat daripada projek jalur lebar pinggir bandar ini?

Seterusnya adalah Butiran 06508 – Membangun dan Menaik taraf Bangunan Wisma BERNAMA. Saya ingin menyentuh soal pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) ini kerana saya melihat lokasinya adalah kawasan yang tidak begitu bersesuaian dan sesak. Adakah kerajaan bercadang untuk meletakkan BERNAMA ini khususnya Wisma BERNAMA di kawasan yang begitu strategik? Ini bagi memastikan maklumat dan juga input dapat dikongsi secara bersama dan memberikan keselesaan baik kepada pekerja mahupun mereka yang ingin tahu maklumat dan sebagainya.

Seterusnya, saya hendak menyentuh Butiran 06510 – Sistem dan Infrastruktur Media *Convergent* BERNAMA. Saya juga berharap kepada Ketua Pegawai Eksekutif BERNAMA juga adalah orang yang mempunyai pengalaman khususnya di dalam media sosial ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, berapa peratus dalam BERNAMA yang mempunyai editor wanita sebagai pemutus dasar? Kita mahu juga kakitangan wanita BERNAMA yang mempunyai potensi diletakkan ke barisan hadapan editorial sebagai mengimbangi keperluan dan juga pandangan mereka yang kepelbagaian.

Saya juga ingin bertanya dari segi aspek pemberitaan dan juga editorial ini, setakat mana yang dimaksudkan dengan *media convergent* ini ataupun penggabungan media?

Adakah *media convergent*, dengan izin, penggabungan media antara BERNAMA dan juga RTM dan sebagainya? Jadi, saya mohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Parit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar.

3.53 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020600 - Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM). Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri pada 27 Jun yang lalu berkaitan Pelan Penggabungan antara RTM dan BERNAMA. Saya kira sudah hampir enam bulan.

Bagaimanakah tempoh penilaian penggabungan tersebut sehingga Disember atau awal tahun hadapan? Jadi saya amat hairan dengan penggabungan ini. Adakah ia juga akan melakukan pengurangan kakitangan? Adakah kakitangan akan diberhentikan? Bagaimana pandangan kementerian? Oleh sebab saya melihat butiran terdapat pengurangan bajet.

Saya juga ingin menyentuh berkaitan Butiran 040300 – MERS 999. Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, kita ada lebih kurang panggilan melalui CAD - 234,668. Akan tetapi yang kita ambil responsnya hanya 65,000 tetapi respons di bawah 12 minit saya ucapkan tahniah dan syabas. Ini kerana kita dapat menyelesaikan 65,000 panggilan. Akan tetapi, apakah perancangan kementerian *respond time* yang diambil lebih daripada 15 minit iaitu 16,188 panggilan. Saya kira perkara ini amat mendukacitakan kerana kita tahu perkara ini harus ditangani dengan seberapa segera.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 040200 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Sama juga seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat telah bangkitkan. Saya hendak tahu sepanjang enam bulan kerajaan baharu memerintah, berapa banyak pekerja kontrak yang telah ditamatkan di bawah kementerian Yang Berhormat?

Saya juga hendak menyentuh Butiran 040400 – MDeC. Saya hendak tanya, mengapa berlaku pemansuhan total peruntukan pada tahun 2019? Bagaimana yang disebut tadi *Malaysia Digital Economy Corporation*, adakah nama ia hendak balik kepada asal iaitu *Multimedia Development Corporation* (MDeC)? Saya hendak tahu juga, bagaimana status terkini ekonomi digital? Saya hendak tahu aktiviti terkini *Digital Free Trade Zone*? Saya hendak tahu juga, apakah perkembangan aktiviti dengan Jack Ma- Alibaba? Saya hendak tahu, bagaimana kementerian di bawah kementerian Yang Berhormat akan memastikan rakyat kita bergerak secepat mungkin kepada *e-wallet cashless payment*?

Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Pengerusi, saya juga hendak sentuh berkaitan Butiran 040500 – Insentif Galakan Syarikat Pelabur ICT-MSM. Saya dapat laporan khusus daripada laman *web Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) saya hairan tahun 2017 kita ada bilangan projek sebanyak 315 buah.

Akan tetapi Januari hingga Jun 2018, hanya ada 107 buah. Saya memuji MIDA melalui insentif ini kerana dapat menghasilkan peluang pekerjaan sebanyak 16,278 pada tahun 2017. Akan tetapi, setakat Jun hanya 3,339. Apabila berlaku penghapusan total peruntukan ini, saya risau makin lembablah pelabur-pelabur ICT dalam bidang yang saya sebutkan tadi.

Saya juga hendak menyentuh berkaitan Butiran 040700 – *CyberSecurity Malaysia*. Apa yang saya dapat laporan daripada *General Incident Classification Statistics 2008*, daripada agensi *Malaysian Computer Emergency Response Team* (MyCERT) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi saya nampak berlaku kenaikan mendadak insiden siber seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Bagaimana jaminan kerajaan apabila kita dalam peruntukan di bawah Butiran *CyberSecurity Malaysia* ini?

Saya juga ingin bertanya, adakah Akta Antiberita Tidak Benar masih relevan? Bagaimana sepanjang apa yang berlaku ini, adakah kita masih hendak membiarkan masalah jenis siber ini berterusan?

Saya hendak sentuh berkaitan Butiran 050100 – Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Saya hendak tahu, adakah ini peruntukan baharu? Ini kerana apa, tahun 2018 kosong, tahun akan datang sebanyak RM90 juta. Saya hendak tahu, apa *update* tentang MyTV yang dibuat oleh kerajaan *migration from analog to digital*, dengan izin? Saya hendak tahu, apakah status. Dahulu syarikat MyTV ini tidak memerlukan dana kerajaan. Saya hendak tahu RM90 juta ini adakah dibayar kepada MyTV?

Saya juga minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan jumlah pelaburan dan kutipan bayaran perkhidmatan. Minta Tuan Pengerusi sikit ya? Berkaitan jumlah pelaburan dan kutipan bayaran perkhidmatan daripada pelanggan yang diperoleh oleh Astro daripada tahun 1997 hingga tahun 2017, sehingga tamat tempoh hak eksklusif. Saya hendak tahu, berapa banyak pelaburan dan berapa banyak kutipan? Saya juga hendak tahu, apakah bentuk bantuan kewangan dan bukan kewangan telah diberikan kepada Astro? Bagaimana empat buah syarikat yang telah dapat lesen CASP satelit?

Terakhir Tuan Pengerusi, saya juga harap kementerian melihat bagaimana kajian statistik domain penggunaan media bagi tahun 2017 yang dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan? Nampaknya ada dua buah negeri yang menghadapi tahap yang kurang memuaskan iaitu Wilayah Persekutuan Labuan, Melaka dan Sarawak. Saya hendak beritahu kementerian, kementerian kena akui bahawasanya orang hari ini guna media internet.

Saya risau Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam berkaitan mandatori kita punya standard bayaran (MSAP) tidak- niat yang baik akhirnya tidak tercapai. Ini kerana dengan keadaan *telco*, dengan keadaan *coverage*. Saya harap kementerian juga dapat melihat kerana hari ini orang bukan sahaja tengok internet tetapi orang juga melihat bagaimana.

Oleh sebab dua perkara yang penting Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Pengerusi, kelajuan akses kepada *website*, akses kepada platform atau *channel* tersebut. Akan tetapi yang palingnya ialah kelajuan untuk *download*. Saya juga ingin memuji kementerian kerana mempunyai suatu inisiatif di bawah kakitangan kementerian.

■1600

Suka saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, *the Speedtest Global Index* pada Oktober 2018 telah melonjakkan negara kita ke tangga 26. Naik 10 anak tangga kerana kelajuan internet di Malaysia 61.97 *megabytes per second*. Tahniah kementerian yang mempunyai kakitangan yang amat berdedikasi kerana kita mempunyai Purata Kelajuan Global 50.88. Cumanya walaupun ini kelajuan nampaknya melebihi kelajuan global, tetapi yang mengecewakan dan menyinggung perasaan saya ialah Purata Kelajuan Muat Turun Malaysia– apabila kita hendak *download*– macam kita hendak pergi *netflix*, *iflix*, kita kena *download* hanya 22.56 *megabytes per second*. Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah harus diimbangi kelajuan untuk akses dan kelajuan untuk *download*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang, saya menjemput Yang Berhormat Pengerang.

4.01 ptg.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rujuk kepada Butiran 040700 dan 01600 – *CyberSecurity*. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah beza *CyberSecurity* dengan *Cyber Defense*? Di mana saya dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan bertanggungjawab dalam isu *Cyber Defense* dan juga pada kewujudan dahulu, *National Cyber Security Agency*. Adakah agensi yang sama masih wujud ataupun ia terletak di bawah kementerian yang lain?

Butiran yang keduanya Tuan Pengerusi ialah Butiran 31000. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan Projek Jalur Lebar. Saya ingin menanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan cabaran jalur lebar dalam negara kita. Ini kerana kita tahu macam mana pun kita mempunyai sistem *copyright*, akan tetapi kita tidak boleh *avoid* dengan izin, daripada apa yang berlaku di luar sana.

Contohnya kita tahu dalam Sistem Tayangan Gambar- Wayang Gambar, kita tahu cabaran daripada *android box* sebagai contoh. Jadi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah pendekatan yang dilaksanakan oleh kementerian untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran teknologi yang begitu canggih? Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Sekarang giliran Yang Berhormat Sibuti. Silakan, Yang Berhormat Sibuti.

4.02 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi ke Maksud B. 47 Butiran 040200 — Emolumen Kakitangan Kontrak. Saya ingin membangkitkan berkenaan tentang isu pemansuhan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) dan juga pemberhentian dan juga saya melihat penurunan bajet kepada sifar dan ini bermaksudnya Jabatan Hal Ehwal Khas telah dimansuhkan sepenuhnya. Saya ingin mengetahui apakah nasib bekas pekerja sokongan di bawah Jabatan Hal Ehwal Khas ini yang kini ditempatkan di jabatan-jabatan di bawah kementerian yang masih lagi di bawah kontrak.

Adakah mereka ini akan diberhentikan sekiranya mereka telah mencapai kontrak yang telah dipersetujui? Adakah mereka ini akan dikekalkan? Maksud saya staf sokongan ini adalah pegawai-pegawai seperti pemandu kenderaan, pegawai-pegawai yang melakukan kerja-kerja ICT dan juga kerani-kerani, pembantu-pembantu tadbir. Ini kerana mereka tidaklah terlibat di dalam operasi JASA dan hanya merupakan pegawai staf sokongan di pejabat-pejabat JASA. Saya juga ingin mengetahui apakah berlaku kepada semua pejabat-pejabat JASA dan juga aset-aset yang ditinggalkan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas? Adakah aset-aset ini akan ditempatkan ke kementerian dan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Komunikasi Dan Multimedia ini?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya juga ingin mengetahui, apakah nasib bekas pegawai JASA yang tetap. Ke manakah mereka ditempatkan? Adakah mereka digunakan semula sebagai operatif ataupun pegawai-pegawai gerak saraf di bawah kementerian dan juga melakukan kerja-kerja yang sama seperti ketika mereka di dalam Jabatan Hal Ehwal Khas ataupun mereka telah ditugaskan semula ataupun ditempatkan di bawah jabatan-jabatan lain? Seterusnya saya ingin mengetahui, sebelum ini, bekas-bekas pegawai JASA ataupun pesara-pesara JASA telah diberikan sedikit sumbangan bulanan sebanyak RM300 di bawah kerajaan yang lepas.

Adakah pemberian sumbangan RM300 ini diteruskan ataupun ditamatkan sertamerta? Memandangkan mereka ini adalah bekas-bekas pegawai JASA yang telah berkhidmat pada kerajaan lepas di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Langkawi selama 22 tahun dan mereka inilah yang mendukung Yang Amat Berhormat Langkawi dan juga sejarah JASA. JASA juga telah ditubuhkan oleh Yang Amat Berhormat Langkawi pada satu ketika dahulu, seawal tahun 2000. Saya ingin menyeru agar perkara yang telah berlalu dan pegawai kontrak JASA ini telah ditamatkan. Saya berharap agar semua pegawai-pegawai JASA dipermudahkan kehidupan mereka dan juga mencari untuk rezeki seterusnya.

Saya ingin kepada Butiran 030500 - Jabatan Perlindungan Data Peribadi. Saya ingin mengetahui adakah Jabatan Perlindungan Data Peribadi ini memantau berkenaan tentang *Macau Scam* yang kerap berlaku ketika ini dan juga menyebabkan banyak kerugian di mana saya sangat hairan bagaimanakah *Macau Scam* ini berlaku dan banyak telefon pengguna-pengguna menerima panggilan-panggilan daripada pemanggil yang menyamar diri sebagai pegawai polis dan juga pegawai mahkamah. Saya berharap agar data peribadi kita di Malaysia ini selamat dan tidak dijual.

Seterusnya adalah berkaitan tentang Butiran 31000 - Projek Jalur Lebar. Di sini, saya ingin bercakap untuk kawasan saya. Saya berharap agar pihak kementerian memberi tumpuan terhadap naik taraf jalur lebar terutamanya di kawasan *Airport Road Miri*. Taman Tunku, Kampung Dusun dan juga sekitar kawasan Kampung Tunjuk Abdul Rahman, memandangkan ini adalah kawasan yang sangat berdekatan dengan Bandaraya Miri dan juga berdekatan Lapangan Terbang Miri. Akan tetapi kami tidak mempunyai perkhidmatan *UniFi* dan juga jalur lebar yang sangat-sangat tidak memuaskan.

Inilah termasuk pejabat ataupun Pusat Khidmat saya yang terletak di Taman Tunku yang hanya mempunyai perkhidmatan *Streamyx* yang tidak memuaskan juga. Saya juga berharap agar bagi Butiran 32000 - *SchoolNet* fasa 2. Saya ingin mendapat perincian dan berharap agar *SchoolNet* ini dapat dinaiktarafkan memandangkan terhadap 803 buah sekolah di negeri Sarawak mempunyai *SchoolNet* tetapi mempunyai kelajuan yang tidak memuaskan. Ini adalah satu permasalahan terutamanya di kawasan luar bandar.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, berkenaan tentang Butiran 53000 - Dasar Industri Kreatif Negara. Terdapat peruntukan sebanyak RM50 juta dan saya ingin mendapat kepastian daripada pihak kementerian, adakah geran ataupun peruntukan daripada Dasar Industri Kreatif Negara ini dapat diagihkan kepada pengamal-pengamal industri kreatif di Sarawak terutamanya bagi industri muzik Iban ataupun bagi industri kraf tangan ataupun *fine arts* di negeri Sarawak. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Sekarang jemput Yang Berhormat Batu Kawan, dan diikuti oleh Yang Berhormat Sibuh dan kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Rasah, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Puteh.

Silakan Yang Berhormat Yang Berhormat Batu Kawan.

4.08 ptg.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mulakan dengan Butiran 040400 — MDEC di mana ada pengurangan daripada RM19 juta sehingga kosong bagi tahun hadapan. Saya ingin bertanyakan justifikasi pengurangan peruntukan ini.

Kedua adalah Butiran 32000 — *SchoolNet* fasa 2. Saya juga nampak pengurangan daripada RM10 juta sehingga RM4 juta iaitu pengurangan RM6 juta. Saya ingin tahu apakah justifikasi pengurangan ini memandangkan *SchoolNet* fasa 2 ini merupakan satu program berlanjutan untuk sekolah-sekolah dijadikan sekolah yang pakar ICT atau ada kemudahan perkhidmatan ICT di sekolah-sekolah tersebut. Namun, saya ingin tahu berapakah sekolah di Pulau Pinang yang telah dilabel atau diberikan kategori *SchoolNet*, khususnya di Parlimen Batu kawan, DUN Perai, DUN Bukti Tengah dan Bukti Tambun.

■1610

Apakah usaha daripada kementerian untuk memastikan semua sekolah-sekolah termasuklah sekolah-sekolah agama, sekolah-sekolah Cina, sekolah-sekolah Tamil dan juga sekolah-sekolah di kawasan pedalaman dijadikan sekolah *SchoolNet* ini.

Ketiga, di bawah Butiran 06508 – Membangun dan Menaik taraf Penggunaan Wisma BERNAMA. Tuan Pengerusi, saya telah dijemput selepas bertukar kerajaan menjadi seorang *panelist* dalam satu program yang dihoskan oleh BERNAMA. Pada masa itu saya nampak sendiri keadaan yang begitu agak teruk kemudahan-kemudahan di Wisma BERNAMA ini dari segi infrastruktur, dari segi kemudahan. Jadi saya ingin tahu dalam RM5.5 juta ini, apakah kerja-kerja *upgrade* yang akan dijalankan oleh kementerian.

Seterusnya, Butiran 06512 – *BERNAMA News Channel* yang diperuntukkan RM2 juta. Saya ingin tahu berbanding dengan garis panduan, polisi atau dasar kerajaan sebelum ini, apakah pembaharuan yang akan diambil oleh kementerian untuk memberi lebih kebebasan media, lebih ramai *panelist* atau *variety* dengan izin *panelist* yang akan dijemput. Apakah pembaharuan dan kualiti penyiaran berita oleh *BERNAMA News Channel* ini?

Seterusnya, di bawah Butiran 020500 – Jabatan Penerangan Malaysia. Saya difahamkan Tuan Pengerusi tahun sebelum ini di bawah kerajaan sebelum ini, satu usaha yang disebut SEBENARNYA.MY telah ditubuhkan ataupun telah dibekalkan untuk rakyat Malaysia menyemak sama ada satu berita itu sahih atau tidak, sama ada berita itu palsu atau tidak. Saya ingin tahu status SEBENARNYA.MY ini adakah ia masih lagi menjadi satu keperluan? Jika tidak, adakah ia dirombak semula ataupun terus dimansuhkan?

Seterusnya di bawah Butiran 47000 – FINAS yang diperuntukkan RM43.5 juta. Saya bersetuju dengan rakan saya Yang Berhormat Jelutong bahawa FINAS hari ini ada tanggungjawab untuk memastikan bahawa *production* daripada FINAS, apa-apa tayangan ataupun program yang dikeluarkan oleh FINAS haruslah menjurus kepada program-program, dengan izin, *nation building* dan juga menyentuh isu-isu semasa yang dihadapi oleh rakyat Malaysia untuk memberi penjelasan, untuk memberi, dengan izin, *awareness*, satu program kesedaran isu-isu yang dihadapi mengenai undang-undang di Malaysia, mengenai Perlembagaan di Malaysia, mengenai jenayah di Malaysia, isu-isu wanita, keselamatan kanak-kanak dan sebagainya.

Seterusnya dan akhirnya adalah Butiran 020600 – Jabatan Penyiaran RTM. Satu pengurangan daripada RM611 juta sehingga RM462 juta. Minggu lepas saya dijemput juga dalam satu program *Vasantham*, satu program berbahasa Tamil di TV2. Saya mendengar cadangan daripada staf-staf di sana bahawa dahulunya ada satu cadangan untuk program ini diselitkan pada satu masa yang tidak popular atau satu masa di mana ramai orang sedang bekerja. *It was a weekday and it was an afternoon.*

Jadi, saya harap program seperti *Vasantham* ini diberikan suntikan modal, suntikan bantuan peruntukan dan juga *in the form of spirit, push some support* bagi program-program yang menitikberatkan isu-isu masyarakat, masalah terutama sekali yang dihadapi kaum India di Malaysia dan juga program-program kemasyarakatan dalam bahasa Cina dan bahasa-bahasa lain terutama sekali juga rakan-rakan Orang Asli, rakan-rakan daripada Sabah dan juga Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Batu Kawan. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Sibu.

4.14 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030000 – Infrastruktur Telekomunikasi dan Digital. Saya memerhatikan belanjawan bagi tahun depan untuk peruntukan bagi 030000 ini sudah berkurang. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian bagaimana kementerian memastikan bahawa di Sarawak, digital ekonomi dan infrastruktur telekomunikasi ini tidak akan diabaikan. Ini kerana pada masa kini Sarawak masih banyak ketinggalan dari segi infrastruktur telekomunikasi.

Bagi kelajuan internet Sarawak kurang cepat berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Jadi apakah usaha akan diambil oleh kementerian untuk menambahbaikkan infrastruktur telekomunikasi ini?

Saya difahamkan bahawa kebanyakan *submarine cable* yang menyambung ke dalam Malaysia adalah menerusi Semenanjung Malaysia. Selepas itu baru menyambung ke Sabah dan Sarawak. Jadi, adakah kerajaan berusaha untuk menyambung satu *submarine cable* yang spesifik untuk Sabah dan Sarawak supaya di sebelah Sabah dan Sarawak ini kami pun boleh menikmati kelajuan internet yang lebih cepat setanding dengan Semenanjung Malaysia.

Bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak juga menyatakan bahawa mereka berhasrat untuk menambah baik kelajuan internet di Sarawak supaya lebih cepat berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Jadi, saya hendak bertanya, adakah hal ini mustahil atau adakah hal ini memang boleh dilaksanakan dengan keadaan sekarang yang tidak ada *submarine cable* yang *direct* menyambung ke dalam Sabah dan Sarawak.

Selain itu, saya nak bangkitkan bahawa kawasan di Sarawak ataupun di Sibu—kawasan saya masih banyak tempat perumahan belum ada lagi *UniFi*. *Most of the areas in Sarawak. In Sibu, I think they don't have UniFi*. Jadi, apakah usaha kerajaan atau kementerian untuk menyambung *UniFi* ke kebanyakan kawasan perumahan di Sibu atau di Sarawak.

Satu lagi masalah ialah di pedalaman Sarawak. Ini kerana populasi di Sarawak adalah kurang berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Maksudnya pasaran untuk syarikat telekomunikasi ini juga agak lebih kecil di Sarawak. Oleh sebab itu kebanyakan fasiliti-fasiliti, infrastruktur tidak dibangunkan oleh syarikat-syarikat swasta. Jadi, kebanyakan pedalaman di Sarawak memang memerlukan dana dari kerajaan untuk membangunkan fasiliti atau infrastruktur telekomunikasi ini.

Jadi, apakah usaha kementerian untuk menambah baik internet atau jalur lebar di kawasan pedalaman Sarawak? Memang berkurangan- kalau pergi ke tempat pedalaman mungkin telefon bimbit pun tidak boleh pakai kerana tidak ada *line*, tidak ada liputan telekomunikasi.

Jadi, masalah ini haruslah ditangani kerana mengapa ini juga sangat penting dari segi digital ekonomi. Sekarang, banyak penduduk di kawasan pedalaman mereka *migrate*, berhijrah ke bandar kerana tidak ada kerja. Mereka mesti berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Kalau di kawasan pedalaman juga ada akses kepada internet, jalur lebar. Mungkin mereka di- penduduk di pedalaman mereka pun boleh menceburi digital ekonomi, buat satu laman web untuk menjual barang pedalaman. Ini boleh memupuk digital ekonomi di dalam kawasan pedalaman. Jadi, ini amatlah penting supaya digital ekonomi di Sarawak pun boleh dibangunkan.

Selain itu, Sarawak sekarang ada Sarawak *Corridor of Renewable Energy* (SCORE) seperti kawasan industri Samalaju, kawasan industri Tanjung Manis. Kebanyakan kawasan ini saya menerima aduan dari syarikat-syarikat di sana ialah kelajuan internet masih lagi tidak memuaskan mengakibatkan ekonomi di sana terjejas.

Jadi amatlah penting untuk kementerian untuk menumpukan perhatian kepada Sarawak bagaimana untuk membangunkan infrastruktur telekomunikasi di Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Sibu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah. Kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Puteh dan kemudian Yang Berhormat Lembah Pantai.

4.19 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana peluang yang diberikan kepada saya untuk membahaskan peringkat Jawatankuasa Bekalan dan Pembangunan 47 Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

■1620

Saya terus kepada beberapa butiran. Pertamanya berkenaan dengan Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar. Kalau tadi sahabat saya Yang Berhormat Sibu ada menyatakan bahawa di Sibu banyak tempat tidak ada *UniFi* dan sebagainya. Bukan sahaja di Sibu tetapi juga di kawasan saya Parlimen Rasah. Walaupun Parlimen Rasah dianggap, dikategorikan sebagai kawasan bandar tetapi banyak kawasan bandar termasuk- saya beri satu contoh iaitu di S2 Heights. Ini saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu.

Yang Berhormat Timbalan Menteri pun duduk di kawasan saya. Sebab itu saya suka kalau sahabat kita yang menjawab sebab dia lebih tahu keadaan tempat kita. S2 Heights sendiri, liputan *UniFi* itu cukup lemah. Antara yang menjadi mangsa itu termasuk Ahli Parlimen Rasah yang duduk di situ. Ahli Parlimen sendiri pun sangkut. Walaupun sudah *upgrade* dengan TM dan sebagainya tetapi hendak gunakan- sebab kapasiti yang ditawarkan itu, yang kemudahan yang ada itu tidak capai apa yang telah diuar-uarkan oleh Timbalan Menteri.

Jadi saya nampak di bawah Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar, peruntukan untuk tahun depan sebanyak RM57.5 juta iaitu lebih daripada RM50 juta untuk tahun sebelumnya. Saya hendak tanya, bagaimanakah wang ini akan digunakan, peruntukan ini akan digunakan untuk menaik taraf projek jalur lebar di seluruh negara?

Khususnya untuk Parlimen Rasah dan Negeri Sembilan, apakah ada penambahbaikan untuk apa-apa yang sedia ada? Bukan sahaja di S2 Heights tetapi juga di kawasan Rahang, di kawasan Taman Seremban Garden. Ini kawasan bandar ini. Kawasan Seremban Garden, untuk makluman, hanya bawah satu kilometer daripada kompleks baharu Majlis Perbandaran Seremban, juga hadapi masalah yang sama. Jadi saya mohon satu jawapan, penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Kedua, di bawah Butiran 050100 – Projek Pendigitalan Penyiaran Nasional. Kalau tahun lepas, tidak ada peruntukan. Untuk Belanjawan 2019, terdapat RM90 juta belanjawan. Jadi saya mohon perincian daripada pihak kementerian, di manakah ataupun apakah projek-projek yang akan dilaksanakan di bawah RM90 juta, satu peruntukan yang agak besar ini? Saya percaya pendigitalan ini penting selaras dengan kepentingan ataupun untuk menyiapkan kita dalam menghadapi saingan dalam bidang digital dan penyiaran yang semakin hari semakin canggih dengan pelbagai teknologi terkini.

Butiran seterusnya ialah berkenaan Butiran 030500 – Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Ya, kita tahu data perlindungan peribadi ini sangat penting. Sering kali data peribadi dikatakan dicuri ataupun disalahgunakan, digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan sebagainya. Jadi, apakah perlindungan yang dapat diberikan kepada rakyat kita, pengguna kita, khasnya dengan peruntukan yang diberikan?

Tajuk terakhir, perkara terakhir yang saya hendak sebutkan adalah di bawah Butiran 040700 – *CyberSecurity* Malaysia di mana sebanyak RM8.1 juta diperuntukkan. Mohon izin untuk saya merujuk kepada dua insiden. Satu yang berlaku pada 9 Mei 2018 iaitu hari pembuangan undi untuk PRU Ke-14. Saya percaya dan saya yakin ramai di kalangan kita, calon-calon, wakil calon dan sebagainya yang menghadapi gangguan pada hari itu. Saya sendiri menerima beratus, tidak terkira, panggilan. Kalau kita jawab itu, dia tidak cakap apa-apa. Sahaja hendak kenakan kita. Dengan nombor yang memang bukan nombor *local*. Ia nombor daripada luar.

Saya sendiri kali kedua diserang dengan beratus panggilan sebegini pada 6 Oktober 2018 daripada jam 1 petang sehingga jam 4 petang lebih, jam 5. Dalam empat jam itu beratus panggilan saya terima. Kalau kita jawab, dia tidakkan bercakap apa-apa, dia akan bunyi sahaja. Jadi ia untuk ganggu kita. Saya sudah buat laporan polis pada 7 Oktober, sudah dua bulan. Polis kata rujuk kepada SKMM dan sehingga hari ini, genap dua bulan, tidak ada apa-apa tindakan, tidak ada apa-apa panggilan pun daripada SKMM untuk ambil keterangan lanjut dan sebagainya hendak dapatkan maklumat tambahan daripada saya. Jadi saya mohon satu penjelasan berkenaan dengan perkara ini.

Saya ketengahkan ini bukan untuk kepentingan diri. Ini disebabkan saya rasa perkara ini berlaku kepada ramai rakyat kita. Sebagai Ahli Parlimen, saya rasa saya bertanggungjawab untuk mengetengahkannya supaya janganlah orang lain turut menjadi mangsa kepada kejadian sebegini.

Sekian sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Pasir Puteh.

4.24 ptg.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020300 – Komunikasi Strategik di mana saya mendapat maklumat berkenaan Syarikat Telekom Malaysia, kerajaan telah membuat penstrukturan baharu di mana saya ingin bertanya, adakah TM ini ke arah untuk diswastakan atau sebaliknya?

Kemudian berkenaan Butiran 020500 – Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN). Kita tahu bahawa penerangan di kawasan-kawasan luar bandar ini terputus. Kita ingin membela masyarakat di luar bandar. Saya ingin bertanya pihak kementerian, apakah langkah-langkah yang diambil supaya agenda-agenda yang baik yang positif yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk di luar bandar, di sudut teknikal, macam mana maklumat-maklumat ini disampaikan kepada mereka?

Seterusnya Butiran 020600 – Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM). Seperti juga yang disebut oleh satu dua rakan yang lain berkenaan dengan kebebasan bersuara yang perlu diwujudkan di bawah RTM. Saya tidak bermaksud supaya semua pihak dapat bercakap tanpa ada sebarang kawalan. Maksud di sini ialah ada perkara-perkara yang perlu dibincangkan secara profesional, secara ilmiah. Jadi, kebebasan ini perlu diwujudkan di dalam negara kita yang mana kebebasan bersuara yang boleh membangunkan negara, yang boleh membuka minda rakyat di dalam negara kita ini perlu diwujudkan dengan segera.

Kemudian saya ingin menyebut berkenaan RTM iaitu ada siaran-siaran yang dibuat terutamanya yang menyentuh keagamaan, ada kadang-kadang RTM dia jemput umpamanya ahli-ahli agama- saya sentuh agama Islam- yang bukan kepakaran dia. Ada yang dia sebut hadis-hadis Rasulullah dalam TV dikatakan hadis sahih walhal hadis itu mauduk, hadis itu bukan hadis. Ada yang bertukar sana, bertukar sini dan kadang-kadang ustaz-ustaz yang masuk dalam TV ini pun baca Quran pun baris salah. Baca hadis itu jangan kiralah.

Jadi saya minta kepada pihak RTM supaya berwaspada dengan perkara ini sebab bila dia bercakap dalam media massa begini, dia akan dipegang oleh sesetengah daripada masyarakat yang tidak berpendidikan agama dan masyarakat yang tidak berpendidikan agama ini sudah tentulah sangat-sangat ramai.

Seterusnya berkenaan Butiran 31000 – Projek Jalur Lebar di mana kenyataan daripada Timbalan Menteri pada hari ini dalam *BERNAMA* yang menyebut tidak akan menambah pusat internet di luar bandar. Jadi, saya kira ini adalah sangat bercanggah dengan janji yang kelima dalam Buku Manifesto Pakatan Harapan yang meletakkan jalur lebar ini akan dikurangkan harganya separuh dan kelajuannya dua kali ganda. Jadi benda ini saya tidak nampak berlaku sekarang ini.

Terakhir yang saya nak sentuh ialah berkenaan Butiran 020800 – Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) di mana satu forum yang dianjurkan oleh Universiti Sultan Azlan Shah Kangar di Hotel Casuarina, Meru pada 18 Julai 2018 yang membahaskan berkenaan dengan agenda komunikasi dan multimedia dalam negara kita yang dikaitkan dengan perfileman yang ditayangkan di dalam televisyen yang memberi kesan yang- ada yang positif tetapi banyak juga filem-filem yang terlepas yang agak sangat negatif.

Filem yang negatif ini sepatutnya ditapis terlebih dahulu. Kadang-kadang filem-filem ini menyentuh akidah pun, menyentuh pegangan satu-satu kaum dan ada filem-filem ini yang kadang-kadang semacam mengapi-apikan perkauman, kadang-kadang filem ini berbentuk keganasan dan banyak benda lah. Jadi, saya kira kementerian boleh lihat semula semua perkara yang tersebut tadi. Sekian, terima kasih.

■1630

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Saya jemput Yang Berhormat Lembah Pantai, kalau ikut senarai ini yang terakhir ke hendak tambah lagi satu? Baik saya, selepas Yang Berhormat Lembah Pantai.

4.30 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Bekalan 020400 – PUSPAL. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya faham, kita semua faham ini ialah satu dengan izin, *one-stop centre*. Akan tetapi, bagi ramai yang memerlukan perkhidmatan daripada PUSPAL memang *one-stop centre*, pergi ke situ *one time you stop* terus. Jadi, *there's a problem there*. Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolong lihat apakah yang boleh ditambah baik memandangkan Malaysia ini kita mempunyai satu peluang yang baik, menarik dan pelbagai artis daripada banyak negara.

Akan tetapi, pada masa yang sama, saya sebenarnya beranggapan bahawa PUSPAL sama juga dengan Butiran 020800 – FINAS. Kedua-dua agensi ini sepatutnya wajib bukan berada bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia, tetapi bawah Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan. Memandangkan ini adalah usaha untuk kita menarik pelancong dan juga menambah kreativiti dalam negara hasil-hasil seni.

Saya ingin juga menyentuh maksud pembangunan 47, 53000 – Dasar Industri Kreatif Negara. Saya percaya ini juga dibaca bersekali dengan 47000 – FINAS. Kedua-dua ini sepatutnya bukan bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia, tetapi saya percaya sepatutnya berada di bawah Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan. Ini adalah saya rasa perkara yang perlu diberikan sedikit penelitian memandangkan komunikasi adalah komunikasi tetapi kesenian dan kebudayaan itu saya percaya perlu kita selaraskan di bawah kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh 030500 – Jabatan Perlindungan Data dan Peribadi. Saya ingin mendapatkan maklumat daripada pihak kementerian, berapa banyak kes yang telah kita ketahui pada waktu ini tentang kecurian data maklumat peribadi. Kita pernah dengar setakat 2014 kalau tidak silap saya, 40 juta set data peribadi yang telah dicuri dan apakah perkembangan kes berkaitan Nuemara, syarikat yang telah ditugaskan yang telah diberikan amanat pada waktu itu untuk mengendalikan simpanan data peribadi terutama dari kalangan syarikat telekomunikasi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan 020600 – RTM. Bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan status terkini proses penambahan baikkan mutu perkhidmatan RTM? Pernah disebut sebelum ini, adakah pihak BERNAMA akan disatukan dengan RTM? Apakah statusnya sekarang? Saya juga berharap sama juga seperti rakan-rakan yang telah sebut tadi agar kualiti yang boleh dihasilkan oleh RTM ini. Inilah mungkin sebabnya, sepatutnya *content* itu, hasil isi kandungan itu bukan bawah kawalan Kementerian Komunikasi dan Multimedia, tetapi bawah Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan. Orang yang fasih dalam komunikasi tidak semestinya fasih berseni. Jadi, saya harap boleh diberikan sedikit respons kepada perkara ini.

Ini adalah cadangan saya, kalau hari itu dengan Menteri Pengangkutan dia mengambil soalan saya menjadi cadangan berkenaan dengan AES dan penambahan kamera. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil soalan saya ini sebagai satu cadangan untuk diletakkan ataupun ada kesinambungan ataupun hubungan dengan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan.

Saya ingin menyentuh maksud Pembangunan 47, 02015 – Pembangunan Semula Kompleks Angkasapuri Sebagai Bandar Media. Ini adalah terletak dalam kawasan Lembah Pantai. Jadi, saya harap saya lihat banyak daripada perkara yang berlaku di *media city* ini perlu sedikit penelitian. Saya bersedia untuk membantu pihak kementerian untuk meneliti termasuklah ada beberapa kuil, kuil Hindu yang berada di pinggir tapak pemajuan tersebut.

Juga saya risau tentang isu aspek keselamatan, aspek keluar masuk kenderaan, memandangkan kalau pada waktu ini jalan yang menghubungkan *media city* dengan Jalan Bangsar ini selalu sesak. Apakah perancangan bagi pihak kementerian tentang masalah yang mungkin dihadapi oleh mereka yang akan keluar masuk daripada *media city* ini? Jadi setakat itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Saya jemput Yang Berhormat seterusnya Yang Berhormat Kuala Nerus.

4.35 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahi Rahmani Rahim*, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk pada Butiran 010800 – Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak. Ini satu institut yang lama ditubuhkan dari tahun 1971 lagi. Cuma saya mahu tahu tentang peranan terkini dan sumbangan institut ini dalam memperkasakan fungsi dan juga imej RTM terutamanya selepas enam bulan pemerintahan kerajaan baharu kerana ada janji dari Menteri untuk memperkasakan RTM. Tentulah institut ini berfungsi untuk membantu Menteri mencapai matlamat yang diinginkan, itu yang pertama.

Kedua, sejauh mana penekanan diberikan kepada para pengamal media ini dari sudut profesional, etika profesional dalam memberitakan sesuatu berita. Sebagai contohnya kita lihat, ada yang pemberitaan yang separa masak, tajuknya lain, isinya lain semata-mata untuk menarik minat masyarakat membaca. Hingga kadang-kadang masyarakat yang hanya lihat tajuk sahaja segera menghukum berdasarkan tajuk tanpa membaca maksud sebenar inti pati. Bagi saya ini satu etika yang merosakkan dunia laporan berita.

Jadi, sejauh mana pengamal media ini diambil tanggungjawab oleh kementerian untuk mereka ini lebih berdedikasi, lebih beretika dan kalau ia melibatkan etika undang-undang, maka perlu ada undang-undang yang berkaitan. Saya hendak minta pandangan Menteri dalam perkara ini.

Ketiga, ada cadangan untuk menubuhkan Majlis Media Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan imej dan kualiti profesional. Sejauh mana cadangan itu sedang bergerak sekarang? Saya hendak pergi pada 020000 – Komunikasi Strategi Dalam Industri Kreatif. Saya hendak mohon Menteri untuk menyatakan jumlah penonton televisyen dan pendengar radio mengikut kategori kandungan kreatif, satu.

Kedua, peratusan kandungan yang berbentuk ilmiah, keilmuan yang berbentuk maklumat pendidikan berbanding dengan yang berbentuk hiburan. Tentulah masyarakat dia mahukan hiburan. Akan tetapi, *content* isi kalau hiburan melebihi daripada pendidikan, merosakkan masyarakat. Jadi saya mahu tahu tentang peratusan yang ada dalam kandungan televisyen-televisyen dan radio yang ada sekarang.

Kemudian apakah rancangan kementerian untuk menghasilkan filem yang bersifat biografi bagi tokoh-tokoh negara dalam pelbagai bidang, pelbagai sektor kerana ia memberikan satu input yang baik untuk bangsa, untuk masyarakat jangka masa panjang. Kemudian saya pergi pada 020400 – PUSPAL.

Saya minta Menteri menjelaskan sejauh mana faktor gaya hidup artis yang dipaparkan menerusi pemakaian mereka, penampilan mereka yang mereka tentulah diberi peluang keluar ke televisyen dan mana-mana orang, mana-mana pihak, mana-mana ikon yang diberi ruang ke televisyen, kaca televisyen dan juga media seperti radio dia memberi kesan besar kepada masyarakat. Kata-kata mereka, bicara mereka, penampilan, pakaian semua benda akan menjadi ikutan rakyat.

Jadi, sejauh mana faktor gaya hidup ini memberi kesan kepada masyarakat dan adakah garis panduan PUSPAL berhubung kelulusan itu dibuat bukan hanya melihat-melihat kepada tujuan persembahan tetapi juga melihat kepada kesan pada masyarakat. Ini kerana kita dihadang dengan beberapa artis luar negara yang tidak selaras dengan nilai semasa kita, nilai rakyat masyarakat Malaysia, masyarakat timur yang asas negaranya ialah Islam dan juga orang yang ada agama. Agama lain diamalkan dengan bebas dan aman di negara kita.

Kemudian yang terakhir saya hendak pergi pada 020700 – BERNAMA. Bila dan siapa yang akan dimuktamadkan sebagai CEO BERNAMA? Ini kerana banyak sangat bicara di luar ini, ada pelbagai *info* yang disebarkan tentang CEO baru ini. Adakah status dan cadangan untuk menggabungkan BERNAMA dan RTM akan dilaksanakan dan bila dan setakat mana perjalanan usaha ini. Apa dia positif dan negatif gabungan antara BERNAMA dan juga RTM.

■1640

Kemudian juga sebagai sebuah syarikat media milik negara, BERNAMA. Adakah BERNAMA akan beri peluang yang saksama kepada parti-parti politik untuk juga menjadi sebahagian daripada rakan strategik BERNAMA. Yang paling akhir, Butiran 030100 – Infrastruktur dan Aplikasi. Saya nak minta Yang Berhormat Menteri jelaskan status liputan atau *coverage* sebab ini kita dah bangkit dahulu sebelum ini dalam sidang yang lalu. Kalau di tempat saya, di kawasan pekan yang dianggap bandarlah, Batu Enam dekat dengan rumah saya. Kadang-kadang *coverage* itu ada dan tak ada, itu di peringkat bandar.

Saya tertarik bila kita ke luar negara, sebagai contoh kita ke Thailand. Thailand, dia boleh bagi dengan harga 300 baht, lebih kurang RM36 kitalah. Boleh dapat internet *unlimited* untuk kegunaan lapan hari, sangat murah. Kenapa kita di Malaysia, harganya tidak semurah seperti mana di Thailand dan juga di Indonesia. Apa masalah kita? Adakah kementerian mempunyai satu cadangan untuk kita akhirnya boleh memberikan satu servis yang baik, liputan yang baik dengan harga yang rendah. Itu sahaja daripada saya, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 20 Ahli-ahli Yang Berhormat telah berbahas peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawabnya. Dipersilakan, 30 minit.

4.41 ptg.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Dengan izin Tuan Pengerusi, pertama sekali saya merujuk kepada isu yang dibahaskan atau dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau sebentar tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau tak ada.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Tak ada? Jadi saya akan berikan jawapan secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, baik.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Selanjutnya saya merujuk kepada isu-isu dan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar sebentar tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kapar ada.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Ada. Berkenaan isu untuk mohon supaya RTM tidak menamatkan perkhidmatan kakitangan kontrak demi menjaga kebajikan. Untuk maklumat Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Kapar serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, RTM bercadang untuk melanjutkan khidmat kakitangan *piecemeal* bagi tahun 2019 secara *part-time* berdasarkan kepada keperluan jabatan. Bagi pelanjutan perkhidmatan pegawai *contract of service*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, jabatan telah memperakukan permohonan pelanjutan kontrak pegawai tersebut ke JPA dan permohonan masih di dalam pertimbangan pihak JPA- Jabatan Perkhidmatan Awam.

Berkenaan sama ada kerajaan akan mengurangkan bilangan pekerja di RTM, SPA juga sedang mengadakan urusan pengisian jawatan kosong bagi pengambilan pegawai RTM pelbagai skim dan gred. Terdapat dua skim perkhidmatan utama untuk kakitangan tetap di RTM iaitu Skim Penerbitan Rancangan dan Skim Kejuruteraan. Skim Penerbitan Rancangan meliputi pegawai yang menyumbang di dalam tugas kandungan siaran manakala Skim Kejuruteraan terdiri daripada jurutera penyiaran dan penolong jurutera yang menjalankan tugas berkaitan pengurusan fasiliti teknikal. Di samping itu juga, RTM mempunyai kakitangan yang berkhidmat secara kontrak seperti yang saya sebutkan sebentar tadi.

Berkenaan kadar bayaran kakitangan tetap RTM dibuat berdasarkan gred dan tangga gaji yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam manakala bagi kakitangan pekerjaan sementara- *piecemeal* ditetapkan berdasarkan kadar bayaran upah mengikut jadual kadar bayaran yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan kadar upah ini ditetapkan mengikut kategori berdasarkan kelayakan akademik, bakat dan pengalaman. Kadar ini ditentukan mengikut keperluan RTM yang dikategorikan mengikut kadar harian, jam, jenis tugas dan juga rancangan.

Sebagai contoh, kadar bayaran *piecemeal* Juruhebah Kategori 'A' ialah RM50 ke RM75 sejam. Kategori 'B' ialah RM40 ke RM50 sejam, Kategori 'C' ialah RM30 ke RM40 sejam dan ini ditentukan oleh panel penilai di peringkat jabatan berdasarkan kepada kelayakan dan kriteria yang disebutkan.

Berkenaan harta intelek. Harta intelek penerbitan sesebuah karya oleh penerbit atau pengeluar, produser sesebuah produksi adalah tertakluk kepada kontrak perjanjian penerbitan tersebut. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian melalui FINAS telah mengambil inisiatif untuk menyerahkan hak intelek kepada penerbit yang telah mendapat pembiayaan penerbitan melalui dana animasi dan dana kenegaraan. Antara filem tersebut adalah *Kanang Anak Langkau* dan filem *Oh! La La*, antara contoh yang ada.

Berkenaan isu pekerja kontrak...

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Timbalan Menteri, pencelahan.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Silakan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila mencelah, Yang Berhormat Kapar.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya meneliti jawapan Yang Berhormat Menteri. Namun kekusaran saya melihat daripada sejarah yang silam, sudah puluhan tahun telah tercatat sejarah begitu ketara termasuk meletakkan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang telah mengilhamkan begitu banyak hak inteleknya namun royalti yang sepatutnya diterima oleh generasi keluarganya itu tidak dapat dikecapi kerana hak itu telah diberi milik kepada Shaw Brothers.

Begitu juga dengan penerbit-penerbit yang lain. Apa yang saya nak sarankan ialah mengenal pasti akta mana yang boleh mengangkat kedudukan mereka ini supaya mereka dapat hak untuk mereka, dipulangkan balik *contribution* dia, dengan izin, yang telah mereka berikan kepada rakyat.

Kita terhibur dengan lakonan mereka, kita hilang stres kita disebabkan oleh penceritaan mereka, kita mengambil contoh penceritaan mereka tetapi yang jelas ialah penghargaan mereka itu tidak pernah dinilai. Maka, saya ingin menyarankan kepada Kementerian Komunikasi, letakkan lah sedikit harapan kepada penerbit-penerbit ini kerana mereka juga adalah insan yang telah menaburkan jasa seni mereka yang terlalu besar nilainya yang tidak ada batasnya. Maka saya minta kementerian untuk mengkaji akta yang membolehkan mereka menuntut hak mereka sebagai hak intelek. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Itu satu pandangan yang sangat baik, saya bersetuju dan ini satu kajian secara terperinci perlu dibuat kerana kita menghargai sumbangan insan-insan seni ke arah memartabatkan industri filem di tanah air. Walau bagaimanapun, tidak akan ada satu peruntukan ataupun akta yang boleh menyelesaikan masalah, contohnya kontrak di antara Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dan Shaw Brothers yang mana kontrak itu adalah kontrak yang mengikat.

Mengikat termasuk waris-waris yang mewarisi hak, yang termaktub di dalam kontrak itu. Tidak akan ada cuma untuk sebagai pengajaran kepada insan seni yang mendatang, perlu diperhalusi apakah cara yang terbaik untuk kita memastikan supaya orang-orang seni ini akan lebih terbela nasibnya dan akan dapat hak yang sepatutnya diterima di atas sumbangan dan pengorbanan untuk memartabatkan industri filem tanah air itu. Cadangan itu saya percaya adalah satu cadangan yang baik untuk dibawa ke pihak kementerian untuk difikirkan dan diperhalusi supaya ianya dapat dijadikan sebagai garis panduan dan kemudiannya sebagai undang-undang yang membela nasib semua pejuang-pejuang seni di tanah air kita, *in syaa Allah*.

■1650

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri, *sorry*, saya atas subjek ini sahaja cuma ingin memberi pandangan, bukan sahaja seperti yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Kapar. Saya juga ingin mencadangkan kalau boleh pihak RTM menerbitkan rencana-rencana di atas tokoh-tokoh kita seperti Yang Amat Berhormat Langkawi, Yang Berhormat Port Dickson, Yang Berhormat daripada Iskandar Puteri yang telah pun meninggal dunia seperti mantan Yang Berhormat Bukit Gelugor kerana rencana-rencana ini akan memberi maklumat kepada generasi muda bahawa kita perlukan satu negara yang membina.

Di samping itu, di sini kita ingin juga memupuk perpaduan di mana asas Pakatan Harapan ini adalah untuk menunjukkan bahawa daripada pemimpin-pemimpin inilah yang kita dapat membina satu pakatan yang membina khususnya kepada ciri-ciri penting seperti personaliti pemimpin-pemimpin seperti yang telah saya rujuk tadi. Oleh kerana rencana-rencana ini kita lihat— saya juga ingin merujuk kepada seperti mantan Yang Berhormat daripada sebelah PAS, Tok Guru Nik Aziz.

Dalam *Facebook* saya, saya masih lagi menggunakan *Facebook* satu gambar di mana mantan Yang Berhormat Tok Guru Nik Aziz dan juga Yang Berhormat Bukit Gelugor berjabat tangan ketika mereka bersama-sama meraikan hari jadi Yang Berhormat Bukit Gelugor di Pulau Pinang. Ini kerana kita menyanjung kepada pemimpin-pemimpin ini yang melawan habis-habisan menentang kezaliman, menentang rasuah dan menentang perkara-perkara yang tidak betul.

So, ini adalah perkara-perkara yang patut kita beri perhatian. Saya meminta sekali lagi kepada Unit Penerangan atau jabatan tertentu di RTM untuk menerbitkan rencana-rencana ini kerana ini adalah perkara yang begitu penting. Saya sendiri kadangkala memberi kuliah kepada anak-anak murid saya, kepada anak-anak saya bila mereka tanya siapa ini Tok Guru Nik Aziz? Apakah perkara-perkara yang begitu menarik tentang beliau?

Saya berkesempatan untuk bertemu dengan beliau bersama-sama Yang Berhormat Bukit Gelugor ketika beliau uzur di Hospital di Kota Bharu. Saya tertarik dengan pendapat beliau dan juga persepsi, input ataupun pendirian beliau ke atas perkara-perkara seperti melawan rasuah dan sebagainya.

So, ini adalah perkara yang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beri perhatian. Kalau boleh rencana-rencana yang boleh diterbitkan, terima kasih.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Saya hendak tambah sedikit. Saya menghormati pandangan Yang Berhormat Jelutong. Walaupun demikian saya juga berpandangan sekiranya pihak kerajaan ingin menerbitkan dokumentari ataupun penerbitan-penerbitan, saya rasa adalah wajar diperbanyakkan lagi sejarah-sejarah tentang pembentukan Malaysia, tentang *agreement* MA63 antara Semenanjung, Sabah dan juga Sarawak.

Ini kerana sejarah ini agak kurang diketahui. Perjanjian-perjanjian dan juga janji-janji yang telah terhakis masih banyak kurang diketahui oleh pemimpin-pemimpin yang ada di dalam Dewan ini dan juga rakyat-rakyat awam. Saya merasakan selain daripada kita *glorify* pemimpin-pemimpin yang sedia ada dan juga pemimpin yang lepas lebih baik kita memperkasakan sejarah berkenaan tentang MA63 ini agar tidak dijadikan lagi isu yang besar. Saya berharap agar pihak kerajaan dapat mempertimbangkan cadangan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya harap- ini sesi Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya ingin memberi satu lagi perkara input. Kita lihat juga kepada perkara-perkara melibatkan sejarah seperti Hang Tuah dan sebagainya. Kita lihat bahawa cerita mengenai Hang Tuah hanya kita lihat hanya dalam gambar P. Ramlee sahaja dan kita hanya baca di buku. Akan tetapi sejarah ini kalau boleh dirungkai dan juga satu rencana yang khusus dicadangkan, difikirkan untuk kita memberi input kepada masyarakat di Malaysia sekarang.

Tentang Hang Tuah dan Hang Jebat, perjuangan mereka dan sebagainya kerana perkara-perkara ini adalah perkara-perkara yang penting yang boleh memberi secara tidak langsung membina kepada Malaysia yang baru. Ingin saya cadangkan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, tambah sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Padang Serai...

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai tambah sedikit, Padang Serai. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan gambar-gambar yang ditayangkan dalam televisyen mahupun televisyen Astro dan sebagainya haruslah ditapis memandangkan kita bersama dengan keluarga kadang-kadang menonton. Tengok-tengok satu-satu perkara yang tidak izin seksi dan sebagainya. Banyak contoh kita tengok.

Kadang-kadang tengok kita berada dengan anak-anak kita yang dua orang berpeluk, bercium tidak elok bersama keluarga. So, benda-benda ini patut ditapis. Jangan tunjuk ataupun beri *guideline*. Kalau macam di luar negara, dia akan bagi *18 years above* ataupun *25 years above*, boleh lihat itu. Kita tidak mahu benda-benda itu ditayangkan terbuka dan sebagainya.

Di samping itu juga, saya ingin cadangkan keganasan macam bawa parang itu semua tengok, itu bukan sesuai dengan negara kita. Di India okey tetapi di sini tidak mahu. India okey, dia potong, dia hidup, dia ramai sana, di sini berapa kerat sahaja di sini. So, kita berharap benda-benda macam ini tidaklah ditayangkan di sini. Di samping itu juga saya cadangkan satu gambaran perlu diwujudkan seperti Tok Guru kita Nik Aziz seorang manusia yang kita sayangi. Generasi yang akan datang mesti tahu siapa itu Tok Guru Nik Aziz itu...
[Tepuk]

Seorang Ahli: Yang Berhormat Marang, Yang Berhormat Marang.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Marang tidak mahu lagi. Okey, itu adalah kita mahu orang-orang macam inilah kita mahu tunjuk pada rakyat supaya tahu walaupun mereka seorang Islam, macam mana dia *respect* lain-lain kaum dan agama lain, itulah yang perlu dicontohkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, *the last one* saya tidak ambil masa yang lama. Saya cadangkan supaya kita tidak menggalakkan pengambilan filem-filem di Malaysia yang memberi mesej yang negatif. Saya merujuk kepada gambar Kabali. Gambar Kabali ini adalah gambar yang mesejnya semuanya salah. Ia melibatkan maksiat, pengambilan dadah. Di sini saya ingin merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Pekan. Beliau telah pergi ke India di Tamil Nadu dan mencadangkan Kabali *sequel* dua diambil di Malaysia.

Gambar itu menunjukkan keganasan, bergaduh, pengambilan dadah, maksiat, pergaduhan di antara orang India, Melayu dan Cina, *gangsterism* dengan izin. Apakah mesej positif yang cuba kita sarankan? So, jangan hanya lihat kepada pendapatan sahaja atau wang yang boleh kita buat tetapi kita kena gunakan pentas yang ada untuk menggalakkan pengambilan filem-filem menggunakan artis-artis di Malaysia sendiri yang boleh memberi mesej yang betul kepada masyarakat di Malaysia.

Perpaduan kaum, perpaduan di antara rakyat Malaysia. Membina perkara-perkara seperti *Ola Bola*. Itu adalah perkara yang patut kita memberi sokongan yang patut diulangi. So, ini adalah perkara yang saya rasa patut diberi perhatian oleh Kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, dijemput sila menjawab. Ada 13 minit lagi.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Baik, terima kasih kepada daripada...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak boleh bagi secara lisan boleh bagi secara bertulis. Jelutong rela untuk terima. Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Saya ringkaskan saya memuji di atas pandangan-pandangan yang diberikan yang lebih kepada penekanan nilai-nilai yang baik dan ini adalah perkara-perkara yang kita perlu bawa dan kita perlu tekankan supaya kita dapat mewarisi satu budaya negarawan yang baik dan sihat untuk diwarisi oleh generasi yang akan datang. Ini perkara-perkara yang saya percaya perlu diperhalusi untuk diambil kira, saya akan pertimbangkan. Terima kasih atas pandangan.

Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar, berkenaan pekerja-pekerja kontrak BERNAMA TV. Untuk makluman Yang Berhormat, nasib pekerja-pekerja kontrak BERNAMA TV ini masih terbela kerana gaji mereka dibayar oleh kerajaan. Masih dibayar oleh kerajaan dan anggaran seramai lebih kurang 125 pekerja kontrak BERNAMA yang ada dalam rekod yang diberikan, Yang Berhormat. Baik.

■1700

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Boleh bagi saya *copy* nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri? Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Ya, saya akan bagikan detil. Saya akan berikan maklumat yang lengkap berkenaan ini. Baik, berkenaan isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Segamat, Pakatan Harapan sebentar tadi, bajet RM90 juta merupakan fi setahun bagi RTM untuk menyiarkan sehingga 30 saluran di platform TV digital. Status projek pendigitalan setakat suku tahun keempat 2014, liputan TV digital telah mencapai seluas 92.8 peratus liputan di kawasan berpenduduk di seluruh negara dan pelaksanaan infrastruktur akan diteruskan bagi mencapai pada tahap peringkat 98 peratus liputan dengan sokongan perkhidmatan satelit bagi meluaskan liputan sehingga ke kawasan luar bandar sebelum penutupan analog sepenuhnya dengan izin, ASO.

Analog switch off (ASO) menjelang suku pertama tahun 2019, ini adalah sasaran yang dibuat. Inisiatif ini adalah selaras dengan perkembangan dunia penyiaran di seluruh dunia yang mana Malaysia dan negara-negara anggota ASEAN yang lain telah bersetuju untuk melaksanakan ASO selewat-lewatnya menjelang tahun 2020. Berkenaan isu pengurangan peruntukan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Ia pengurangan peruntukan JPDP ini berbanding tahun 2018 adalah sebanyak RM1,021,400, ataupun 21 peratus pengurangan ini melibatkan pembayaran emolumen sebanyak RM672,300 dan perbekalan sebanyak RM349,100.

Pengurangan emolumen adalah melibatkan perjawatan-perjawatan yang memang tidak diisi manakala pengurangan perbekalan melibatkan aktiviti-aktiviti berkaitan promosi. Walau bagaimanapun pengurangan ini tidak menjejaskan perjalanan fungsi teras JPDP iaitu untuk terus melaksanakan penguatkuasaan Akta Perlindungan Data Peribadi tahun 2010 dan juga aktiviti peningkatan kesedaran rakyat berkenaan kewujudan akta ini. JPDP akan terus menganjurkan Persidangan Perlindungan Data Peribadi di seluruh negara untuk mengajar dan mendidik dan di samping untuk mendapatkan komitmen pengguna data dan bagi meningkatkan kesedaran rakyat.

Dalam masa yang sama JPDP akan menjalankan pemeriksaan terhadap sistem perlindungan data peribadi di bawah seksyen 101 Akta PDP 2010 dengan memfokuskan kepada aspek pematuhan dan komitmen pengguna data dalam melaksanakan Akta PDP tahun 2010. Bagi status jalur lebar di kawasan Segamat termasuk FELDA. Sehingga kini ya Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan lapan menara komunikasi baharu di Parlimen Segamat di mana dua menara adalah terletak di kawasan FELDA Tenang dan FELDA Plantation Palong Timur 5. Selain itu sebanyak 8,000 sambungan telah tersedia di Parlimen Segamat yang melibatkan penaiktarafan empat ibu sawat dengan penyediaan perkhidmatan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan yang disasarkan sehingga 20Mbps.

Baik, selebihnya akan dipertimbangkan di bawah Pelan NFCP yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun yang akan datang.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Ya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Mohon mencelah. Ia mengenai jalur lebar di Bandar Gemas Baru di kawasan bandar ya. Maka, kalau di dalam FELDA didirikan tetapi harusnya di bandar itu juga diutamakan. Maka, rakyat yang duduk di bandar itu kita mendapati bahawa malah dari segi *WhatsApp* pun kita tidak boleh terima dan apatah lagi sambungan-sambungan lain.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Yang Berhormat, saya akan- pihak kementerian dan saya sendiri akan mengambil kira apa Yang Berhormat maklumkan ini. Saya percaya kadang-kadang berkenaan kelajuan ini juga terlibat disebabkan oleh pakej-pakej yang ditawarkan dan yang digunakan oleh pelanggan-pelanggan yang berkenaan. Ini adalah salah satu daripada sebabnya.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri banyak pakej yang TM dan sebagainya tawarkan tetapi apabila kita mohon dia kata tidak terdapat. Contohnya *even UniFi* pun saya hendak mohon untuk pejabat pun tidak ada. Ini Pejabat Pusat Khidmat Rakyat.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Ya. Untuk makluman Yang Berhormat, *UniFi* ini akan diperluaskan ke seluruh negara bersesuaian dan selari dengan matlamat sasaran yang diletakkan untuk menggunakan lebih banyak lagi *fiber* berbanding dengan penggunaan kalau kita tengok macam *Streamyx* menggunakan *copper*. Akan tetapi ini dilakukan secara berperingkat dan sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum MCMC memperuntukkan sejumlah lebih kurang RM1 bilion untuk tujuan tersebut pada tahun hadapan.

Saya percaya ini adalah sebahagian daripada inisiatif untuk menyelesaikan masalah-masalah yang diadukan, yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga untuk memenuhi sasaran bagi memberi yang pertama akses liputan, yang kedua adalah kelajuan. Ini disasarkan secara serentak, kelajuan dan akses ini.

Saya yakin keadaan itu akan lebih baik pada tahun hadapan ini, *in syaa Allah*. Yang Berhormat berkenaan projek PPP, projek Menara Cyber Axis terletak di Cyberjaya dan syarikat konsesi ataupun Gagasan Piramid Sdn. Berhad dengan kos RM330 juta dan skop bayaran oleh KKMM, *maintenance, fee charges* dan juga *asset replacement charges*. Ini berkenaan projek PPP Yang Berhormat.

Baik. Selanjutnya untuk menjawab perkara-perkara yang dibahaskan dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian. Berkenaan yang pertama sekali iaitu status pasaran modal TM. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar kerajaan adalah untuk mengurangkan harga akses kepada rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi TM contohnya. Lebih banyak penyedia perkhidmatan dapat mengaksesnya- terdapat lebih banyak, lebih terbuka sesuatu persaingan. Hanya jalur lebar yang berstatus ini akan pula menyebabkan lebih ramai pelanggan berminat untuk menggunakan perkhidmatan yang ditawarkan termasuk daripada TM ataupun mana-mana syarikat telekomunikasi yang ada ini.

Maknanya kita menggalakkan persaingan yang sihat di antara penawar-penawar perkhidmatan. Ini bukan bermaksud untuk menjadikan TM itu sebagai sasaran dan sebagainya. Manakala status Akta Antiberita Tidak Benar mohon perkara berkaitan status akta ini disemak dan dirujuk kepada Jabatan Perdana Menteri kerana ia tidak lagi berada di bawah bidang kuasa KKMM. Namun begitu undang-undang sedia ada masih boleh digunakan seperti Kanun Keseksaan untuk menangani perkara-perkara yang berkaitan berita palsu seperti perkara-perkara yang sentimen-sentimen yang bersifat provokatif dan sensitif.

■1710

Berkenaan kejayaan MSC *companies* sehingga 30 September 2018, terdapat sebanyak 3,072 syarikat MSC yang sangat aktif dan sejak pelaksanaan MSC, nilai pelaburan terkumpul adalah berjumlah lebih kurang RM333 bilion. Ini adalah satu contoh kejayaan dan antaranya berkaitan ini adalah Les' Copaque Production Sdn Berhad. yang telah mengeluarkan cerita berkenaan *Upin dan Ipin* yang telah berjaya mendapat beberapa kejayaan seperti *Best Animation Awards* dan *Best Status Company*. MDeC akan meneruskan usaha lebih giat lagi untuk menggalakkan syarikat MSC ini untuk terus berkembang dan melonjak ke pasaran antarabangsa.

Berkenaan peranan MDeC selain menyambung projek-projek yang sedia ada, MDeC juga akan membangunkan sistem bersepadu Zon Perdagangan Bebas Digital dan mewujudkan ekosistem yang dapat memacu inovasi sektor eDagang. Bagi persoalan berkenaan eRezeki dan eUsahawan bagi tempoh Januari 2016 hingga Oktober 2018 sejumlah 220,832 individu telah dilatih di pusat wakil eRezeki di seluruh negara.

Tuan Pengerusi, memandangkan masa tidak mengizinkan saya mencadangkan untuk menjawab mana-mana isu dan persoalan yang dibangkitkan itu secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Secara bertulis.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Yes, secara bertulis.

Seorang Ahli: Saya bersetuju.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Baik. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,072,811,900 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,072,811,900 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM415,020,600 untuk Maksud P.47 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM415,020,600 untuk Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

**Maksud B.48 [Jadual] -
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2019] -**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat kita beralih ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedia.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala Bekalan B.48 dan Kepala Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terbuka untuk dibahaskan sekarang.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah, Rasah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya akan ambil nama-nama siapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berbahas.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya yang pertama bangun.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, saya yang pertama bangun.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Hulu Selangor, Tuan Pengerusi. Wanita dulu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ambil nama yang pertama Yang Berhormat Hulu Selangor.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya bangun yang pertama, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Hulu Selangor.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Batu Kawan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ambil yang kedua. Yang Berhormat Pengerang telah lebih awal. Ketiga...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya yang pertama bangun.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Pasir Gudang ketiga.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: *Fuh yoo*, Yang Berhormat Pasir Gudang!

Seorang Ahli: Yang Berhormat Rantau Panjang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Keempat..

- Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Nombor empat pun tidak apa.
- Seorang Ahli:** Yang Berhormat Rantau Panjang.
- Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Rantau Panjang.
- Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Aduh!
- Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Aduh!
- Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Batu Kawan.
- Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Jauh ke bawah ini.
- Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Lanang.
- Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kelima...
- Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Rasah.
- Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ...Saya jemput Yang Berhormat Pontian berdiri yang awal.
- Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih. Terima kasih. Terima kasih.
- Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Keenam...
- Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kuala Nerus.
- Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Merbok.
- Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Lanang. Lanang.
- Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Petaling Jaya.
- Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Uish, Yang Berhormat Petaling Jaya.
- Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Batu Kawan.
- Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ketujuh...
- Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Ketujuh Kuala Nerus. Kuala Nerus.
- Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Betul-betul depan Tuan Pengerusi. Sini. Sini. Tengah-tengah.
- Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bagi pembangkang pula. Kuala Nerus.
- Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Batu Kawan.
- Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]:** Yang Berhormat Lanang.
- Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Kelapan...
- Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Kuala Nerus.
- Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Sebelah sini. Sebelah sini, Rasah. Rasah dulu.
- Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi. Paya Besar.
- Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya bagi Yang Berhormat Kuala Nerus.
- Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Paya Besar.
- Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Kota Tinggi tidak mahu kah?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar [Ketawa]

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Dan yang kesembilan saya bagi Yang Berhormat Padang Serai dulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar yang kesepuluh.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai, bukan Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar. Tuan Pengerusi! Tuan Pengerusi, Paya Besar.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Lanang. Yang Berhormat Lanang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya ambil sepuluh dulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar. Paya Besar.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Rasah dulu. Rasah dulu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Lembah Pantai.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya bagi Yang Berhormat Lanang. Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain nanti akan ikut urutan selepas daripada itu.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Alah...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Aiyo, rugi lah.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya hendak tengok bola malam ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jadi saya jemput yang pertama Yang Berhormat Hulu Selangor. Dipersilakan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Paya Besar.

5.16 ptg.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Pemerksaan wanita harus kita galakkan terutamanya di dalam bidang keusahawanan.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Masa 30 minit?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Masa 30 minit eh?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Lima minit. Lima minit. Baik, mula dari sekarang.

Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pemerksaan wanita harus kita galakkan terutamanya di dalam bidang keusahawanan. Golongan ibu tunggal yang berminat untuk menceburkan diri dalam keusahawanan perlu kita tuntut dengan memberikan galakan kepada mereka kita dapat membantu golongan ibu tunggal untuk mereka mencipta sumber pendapatan yang tetap mahupun persaingan.

Pertama sekali sebanyak RM21 juta diperuntukkan dari Belanjawan 2019 di bawah Butiran 020200 untuk Pembangunan Wanita. Apakah perancangan pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk tahun 2019 bagi membantu usahawan ibu tunggal terutamanya di kawasan luar bandar seperti Hulu Selangor khususnya?

Apakah pihak kementerian dapat membantu ibu tunggal untuk mempertingkatkan kemahiran mereka? Apakah kursus pendedahan teknologi dan strategi promosi dapat dijalankan untuk membantu ibu tunggal?

Tuan Pengerusi, ini disebabkan kebanyakan perniagaan kini dijalankan secara atas talian atau, dengan izinnnya, *online business*. Maka amat wajar kursus seperti ini dapat diadakan secara berperingkat untuk membantu golongan ibu tunggal dan wanita yang ingin menceburkan diri dalam keusahawanan. Selain itu, apakah kementerian dapat membantu golongan wanita melibatkan perniagaan di dalam Industri Kecil dan Sederhana?

Menerusi Butiran projek 00300 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sebanyak RM5 juta secara langsung diperuntukkan. Apakah program pembangunan keluarga yang akan diteruskan oleh pihak Kementerian untuk masyarakat luar bandar? Bagaimanakah pihak kementerian dapat menyediakan perkhidmatan berkaitan kesihatan reproduktif kepada masyarakat luar bandar? Apakah tanda aras pihak kementerian untuk mengukur keberkesanan program-program yang akan dijalankan melalui peruntukan ini?

Melalui Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin sebanyak RM223 juta. Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya sebanyak RM673 juta dan Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas sebanyak RM568 juta. Apakah inisiatif yang akan dilaksanakan oleh pihak kementerian melalui dana ini? Bagaimanakah kawasan luar bandar seperti Hulu Selangor dapat memanfaatkan dana ini untuk membantu sosial ekonomi keluarga miskin orang kurang upaya dan warga emas?

Keempat, sebanyak RM9 juta akan dimanfaatkan di bawah Butiran 030300 – Pembangunan dan Perkembangan Kanak-kanak. Manakala Butiran 031300 – Komuniti diperuntukkan sebanyak RM22 juta. Apakah perancangan yang akan dilakukan oleh kementerian untuk menggunakan peruntukan ini? Adakah kawasan luar bandar khususnya Hulu Selangor dapat memanfaatkan program-program yang akan dilaksanakan kelak menerusi dana ini?

Terakhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat diperuntukkan sebanyak RM396 juta.

■1720

Apakah dapat diwujudkan satu dana untuk membantu masyarakat yang kurang berkemampuan untuk menjalankan urusan pemeriksaan kesihatan di hospital? Sebagai contoh, pesakit terlantar yang dibawa pulang ke rumah perlu menjalani rawatan berkala. Keluarga mereka memerlukan perkhidmatan ambulan bagi tujuan pengangkutan untuk menjalani rawatan susulan tersebut. Purata kadar yang perlu ditanggung pihak keluarga adalah sekitar lebih kurang RM100 hingga RM500 bagi kos perjalanan ambulan pergi ataupun balik daripada hospital. Bagi golongan yang kurang berkemampuan, ini amat membebankan dan memberi tekanan hidup buat mereka.

Hulu Selangor mencadangkan agar pihak kementerian dapat membantu masyarakat untuk kes-kes ini bagi memastikan kebajikan masyarakat kekal terbela terutamanya ketika mereka sakit. Dengan itu, sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor.

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengerang.

5.21 ptg.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang. Saya hendak merujuk kepada Butiran 030300.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh beberapa perkara terutama sekali dalam pembangunan dan perkembangan kanak-kanak ini, saya melihat tidak adanya butiran untuk suruhanjaya kanak-kanak. Saya telah banyak kali bercakap bahawa suruhanjaya ini perlu dilihat sebagai satu suruhanjaya yang amat perlu bagi kanak-kanak dalam negara kita. Walaupun saya difahamkan kemungkinan kerajaan berminat untuk melantik seorang pesuruhjayanya di bawah SUHAKAM ya, tetapi saya melihat bahawa isu kanak-kanak ini perlu wujud pengkhususan. Ini adalah kerana kalau kita melihat kementerian, terdapatnya Bahagian Kanak-kanak dan bukannya sebuah jabatan.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju bahawa adanya pengkhususan dengan wujudnya satu suruhanjaya yang khas bagi kanak-kanak dalam negara kita? Disebabkan oleh isu kanak-kanak ini bukan sahaja isu kebajikan tetapi pelbagai isu yang berhadapan dengan cabaran menjadi seorang kanak-kanak dalam negara kita.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyebut tentang terdapat setakat ini- saya membuat kajian- bahawa 4,302 taska yang berdaftar di bawah kementerian. Kalau kita lihat di sini bahawa laporan menyatakan sebanyak 80.19 peratus daripada sejumlah 16,873 pengasuh yang direkodkan tidak mempunyai kelayakan yang minimum. Mungkin ini dilihat sebagai satu cabaran kemungkinan dari segi pengkhususan dan juga dari segi kewangan.

Oleh sebab itu, saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri sama ada bolehkah kita tahu bahawa wujudnya sistem subsidi untuk kewujudan taska? Akan tetapi, kemungkinan ada cabaran dari segi kualiti. Tidak semua taska itu sama. Akan tetapi mungkin mewujudkan satu sistem kupon supaya mana-mana ibu bapa yang meletakkan anak-anak di taska yang berdaftar mendapat beberapa sistem kupon untuk membantu dalam pembelian bagi kegunaan kanak-kanak seperti *pampers* dan susu, sebagai contoh.

Saya juga ingin merujuk kepada negara Kanada di sebuah daerah iaitu Quebec ya, di mana mereka mewujudkan bahawa terdapat tiga bentuk *day care centre*, dengan izin, untuk kanak-kanak di negara tersebut iaitu *the day care centre*, sebagai contoh, *home day care* dan juga dilihat sebagai *day care centre* yang mendapat subsidi daripada kerajaan.

Kemudiannya saya pergi kepada Butiran 020200 – Pembangunan Wanita. Saya melihat di sini bahawa— cadangan saya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kerajaan berminat untuk mewujudkan undang-undang khas yang membenarkan wanita melakukan pekerjaan *flexi hour* dalam kawasan pekerjaan mereka. Seperti kita tahu, wanita sebagai ibu selalunya berhadapan dengan cabaran sebagai ibu kepada keluarga dan seterusnya. Kalau boleh dari segi undang-undang dan bukannya hanya melalui dasar kementerian sahaja.

Akhir sekali, Butiran 031400 – Membanteras Pemerdagangan Orang. Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini— soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, berapa banyak rumah perlindungan yang telah dikhaskan bagi mangsa pemerdagangan orang dan berapakah jumlah terkini penghuni rumah tersebut? Kalau kita melihat mereka-mereka menjadi mangsa dalam perdagangan manusia ini, mereka mengalami trauma yang dapat memberikan cabaran kepada kehidupan harian mereka. Oleh itu, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah bentuk perlindungan serta pemulihan yang diberikan oleh kementerian bagi menghilangkan rasa ketakutan dan trauma yang dialami oleh mangsa tersebut?

Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang dan diikuti oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pontian.

Silakan Yang Berhormat Pasir Gudang.

5.25 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh satu butiran sahaja iaitu B.48 Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat pada muka surat 411.

Pertama, saya ingin mengucap tahniah dan syabas kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana anggaran belanjawan tahun 2019 telah menaik daripada RM382 juta kepada lebih RM396 juta. Ini perkara yang baik.

Akan tetapi, saya melihat daripada anggaran tersebut, sebahagian besarnya untuk emolumen. Manakala perkhidmatan dan pembekalan hanya sekadar RM111 juta lebih, pemberian dan kenaikan bayaran tetap sebanyak RM5 juta lebih.

Saya melihat kerajaan sekarang sepatutnya menjadi kerajaan yang bersifat membantu rakyat. Malaysia ini kalau boleh menjadi negara yang mesra kepada golongan yang daif, yang miskin. Jaringan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini sudah ada. Misalnya di Pasir Gudang, penduduk-penduduk boleh pergi ke Pusat Bandar Pasir Gudang, ia ada dipanggil UTC. Pejabat UTC di Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang itu ada kaunter Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Hanya saya hendak menekankan di sini, boleh atau tidak sekiranya pegawai di Jabatan Kebajikan Masyarakat ini bersifat proaktif? Maknanya jangan hendak tunggu sahaja orang yang sakit, ibu tua, golongan asnaf yang tidak ada pendapatan yang melarat ini datang mohon secara *online*, isi borang dan sebagainya. Adakah mungkin dibuat satu kaedah iaitu pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat turun padang cari rakyat yang susah ini? Maknanya pendekatan bekerja itu diubahlah.

Sebab daripada pengalaman saya di Pasir Gudang sebagai Ahli Parlimen di sana, kita pegawai-pegawai daripada Pejabat Ahli Parlimen terpaksa turun, kita cari orang yang susah ini dan kita bawa mereka ke Jabatan Kebajikan Masyarakat tolong isi borang secara pendaftaran *online* dan sebagainya. Ada di kalangan mereka ini kaki sudah potong, kencing manis dan sebagainya. Jadi saya berharaplah maknanya ada perubahan dalam cara bekerja ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Rantau Panjang.

5.28 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya membahaskan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Maksud B.48.

Pertama sekali, saya menyentuh Butiran 010300 – Pengurusan Sumber Manusia. Kita melihat bagaimana Kementerian Wanita ini sangat penting sebab peranannya cukup besar yang mana melibatkan 10 sasaran utama di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Wanita selain daripada bertanggungjawab terhadap pembangunan wanita, kanak-kanak, OKU, keluarga, mangsa bencana, isu berkaitan dengan keganasan rumah tangga, berkaitan dengan pesalah muda, masalah kumpulan rentan, begitu juga masalah pemerdagangan orang dan juga berkaitan dengan isu remaja yang hamil luar nikah. Jadi sudah tentulah dengan bidang tugas yang sebegini besar, sepatutnya kementerian ini mempunyai bilangan kakitangan yang cukup.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Saya bagi contoh menyentuh isu berkaitan di bawah JKM. Bagaimana *ratio* yang ada sekarang ini, nisbah satu pegawai menjaga lebih daripada 500 orang penerima bantuan. Sudah tentulah akan menghadapi pelbagai kekangan. Kita membaca dalam Laporan Audit sebelum ini banyak dibentangkan dalam Dewan kita kes bagaimana penerima bantuan yang terlalu lambat. Ada yang tiga bulan. Ada yang sampai mati tidak terima lagi bantuan.

■1730

Ada yang meninggal tetapi akaunnya masih lagi masuk wang bantuan. Banyak isu-isu keciciran sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi. Ada kita sendiri kadang-kadang terpaksa bantu. Ini berpunca kerana kekurangan pegawai, yang tidak cukup kakitangan. Saya dapat maklum, seorang pegawai sampai kena kontrol dua tiga skim. Ada yang menjaga bahagian warga emas, dialah juga orang yang sama menjaga bahagian OKU, orang yang sama juga menjaga masalah bencana terutama di musim banjir dan sebagainya.

Jadi saya ingin mencadangkan untuk keberkesanan dengan peranan yang begini besar sepatutnya kakitangan JKM harus ditambah mengikut *ratio* keperluan yang sebenar. Sekurang-kurangnya satu untuk 200 penerima bantuan. Sekarang ini satu untuk lebih daripada 500 penerima bantuan di sudut nisbah. Begitu juga ada di Kelantan dan kawasan saya sendiri pun macam itu juga.

Kalau kita tengok pegawai untuk menyemak kes-kes laporan, satu pegawai untuk satu DUN. Bayangkan berapa ribu penduduk dalam satu Dewan Undangan Negeri (DUN). Jadi saya ingin tahu perkara ini, sejauh mana perhatian yang telah dibuat oleh pihak kementerian berkaitan dengan keperluan kecukupan pegawai ini?

Seterusnya iaitu berkaitan dengan kebajikan pegawai JKM terutama pembantu pegawai, pembantu bahagian pembangunan masyarakat. Mereka ini berhadapan dengan pelbagai isu terutama dalam menyasat kes-kes laporan. Macam mana mereka hendak boleh berkhidmat yang terbaik? Saya dimaklumkan sampai hari ini elaun kritikal untuk membantu – Ataupun kakitangan pegawai JKM ini belum lagi diberi. Walaupun sebelum ini pernah dicadangkan di bawah kerajaan sebelum ini. Jadi, saya ingin tahu, bila elaun ini akan dilaksanakan?

Kalau kita tengok pegawai-pegawai JKM ataupun pembantu yang bekerja di pedalaman, nun termasuk di Sabah dan Sarawak, mereka terpaksa meredah hutan belantara melalui sungai-sungai, melalui pelbagai risiko. Ada yang termasuk hutan, ladang kelapa sawit untuk berjumpa dengan pelanggannya. Jadi sedangkan mereka tidak ada sebarang elaun kritikal.

Jadi saya harap dan mencadangkan supaya kerajaan memberi elaun kritikal kepada pegawai-pegawai, pembantu pegawai dan kakitangan JKM yang terlibat, yang bekerja begitu gigih sekali untuk membantu rakyat di bawah. Jadi kalaulah jabatan lain kita ada elaun kritikal, kenapa mereka yang siang malam berkorban untuk membantu rakyat tidak diberi elaun? Apa lagi dalam keadaan terutama menghadapi bencana seperti banjir dan sebagainya.

Satu lagi saya ingin tekankan tentang keperluan logistik. Kita lihat kebanyakan JKM mempunyai kenderaan yang tidak mencukupi dengan keperluan tugas. Saya bagi contoh dalam jabatan kebajikan di Pasir Mas yang melibatkan dua Parlimen, Parlimen Rantau Panjang dan Parlimen Pasir Mas. Kenderaan 4x4 ini hanya ada dua buah. Sedangkan di sini adalah kawasan risiko banjir. Bayangkan dalam keadaan berhadapan dengan banjir besar.

Jadi saya mengharapkan bahawa supaya pihak kementerian menyediakan kelengkapan kenderaan logistik yang mencukupi termasuk lori-lori yang mengangkut bahan makanan. Setahu saya di negeri Kelantan hanya ada satu lori, itu pun yang dibeli oleh kerajaan negeri. Jadi saya cadangkan supaya pihak Kerajaan Persekutuan menyediakan logistik yang secukupnya terutama dalam berhadapan dengan suasana kritikal berhadapan dengan banjir.

Sebut dengan banjir, saya ingin tahu apa perancangan kementerian. Saya minta masa sikit ya. Iaitu berkaitan dengan memastikan kualiti makanan yang diberi kepada mangsa-mangsa banjir. Oleh sebab terutama kawasan banjir yang memang kritikal.

Kadang-kadang mereka terpaksa berada di pusat pemindahan banjir melebihi daripada satu minggu. Jadi ada saya dapat maklum bagaimana ada kes yang mana ayam, makan ayam sebagai lauk kepada mangsa-mangsa banjir ada- ini berlaku tahun lepas. Ada arahan tidak berapa digalakkan diberi kepada mangsa banjir katanya mudah jangkitan kuman. Sedangkan kalau hendak dapatkan ikan bukan mudah terutama pada musim banjir. Jadi begitu juga dengan bahan-bahan makanan lain.

Begitu juga saya ingin tanya tentang keperluan air bersih. Jadi sejauh mana kerajaan merancang untuk memastikan bekalan makanan dan minuman yang sihat dan berkualiti, yang secukupnya kita bekalkan terutama kepada mangsa-mangsa banjir yang berpindah. Saya ingin tahu juga tentang bantuan kepada mangsa banjir yang terkepung. Jadi, apakah dasar kerajaan hari ini, bantuan makanan juga kita bekalkan kepada mangsa-mangsa banjir yang mereka terkepung air memang tidak dapat berpindah? Mereka terpaksa menumpang di rumah-rumah jiran yang mempunyai rumah yang tinggi kerana keadaan yang kritikal mereka tidak dapat keluar.

Saya ingin tahu juga iaitu berkaitan dengan program iaitu di bawah Butiran 031900 - *Home Help*. Di mana kita dapat tahu program ini sangat baik terutama melibatkan sukarelawan, membantu golongan warga emas dan OKU. Setakat ini saya ingin tahu, berapakah ramai sukarelawan yang aktif dalam menjayakan program ini?

Begitu juga saya ingin tanya, iaitu berkaitan dengan Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Saya ingin tahu, kenapa berlaku pengurangan peruntukan yang sebelum ini mendapat RM244 juta, sekarang ini peruntukan bajet tahun 2019 hanya mendapat RM223,576,000. Sedangkan kita tengok keperluan dengan keadaan kos hidup, harga barang yang semakin mahal, harga getah yang semakin murah, sudah tentulah tekanan yang dihadapi oleh keluarga miskin semakin bertambah. Jadi peruntukan yang disediakan di bawah JKM ini kita melihat semakin berkurangan. Jadi, kenapa berlaku demikian?

Akhirnya, saya ingin tahu tentang berkaitan dengan taska di tempat kerja, yang menjadi keutamaan terutama membantu wanita yang bekerja. Jadi, sejauh mana program ini dilaksanakan dan apa pencapaian setakat ini? Apakah kekangan dan masalah yang sedang dihadapi oleh kementerian hari ini? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang giliran Yang Berhormat Pontian, silakan.

5.36 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Perkara pertama Butiran 031300 – Komuniti sejumlah RM22.5 juta.

Saya ingin bertanya, apakah falsafah pembangunan komuniti di negara ini? Begitu juga dengan pembangunan keluarga. Bolehkah ia disimbolkan dalam moto tertentu? Contohnya yang popular 'Rumahku Syurgaku' misalnya. Atau boleh direka yang baharu seperti 'Keluargaku Permata Hatiku' atau 'Keluargaku Kehidupanku' atau apa sahaja yang menjadi kata orang itu moto dan landasan untuk pembangunan keluarga dan juga komuniti.

Kita harapkan supaya negara kita ini ada usaha untuk menjadikan masyarakat yang terbaik di dunia Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat Malaysia ini tidak masuk dalam radar *10 Best Places to Live in the World*. Nombor satu Vienna, Austria. Nombor dua, Melbourne. Nombor tiga, Osaka. Nombor empat Calgary, Kanada. Nombor lima, Sydney. Enam, Vancouver, Kanada. Tujuh Toronto, Kanada lagi. Lapan Tokyo, Jepun lagi. Sembilan Copenhagen. Sepuluh Adelaide, Australia lagi. Ini contoh-contoh.

Kita mesti ada dalam perancangan kita untuk menjadikan tempat-tempat yang tertentu di negara kita ini komuniti yang terbaik dalam dunia. Sebelum ini saya menyebut *The Best Capital Cities In The World*. Nombor satu Islamabad. Dua, London. Tiga, Paris. Empat, Tokyo. Lima, Berlin. Enam, Athens. Tujuh, Ottawa. Lapan, Washington DC. Sembilan, Copenhagen. Sepuluh, Moscow. Kita tidak termasuk juga dalam senarai itu.

Seterusnya perkara yang kedua ialah saya ingin mencadangkan supaya dalam Butiran 010700 – Kewangan, RM17 juta itu sebahagian daripadanya kita jadikan anugerah keluarga terbaik. Dalam negara kita ini ada contoh-contoh keluarga yang terbaik. Saya ingin mengimbau pada Mei 2017, orang yang bernama Lim Tang Too dia adalah penoreh getah dan dia ada 11 orang anak. Daripada 11 orang anak itu, lapan doktor.

Saya juga ingin mengimbau satu kisah tahun 2005 Sulaiman Saipin dan Esah Din daripada Baling, Kedah. Mereka ini penoreh getah Tuan Pengerusi, ada 17 orang anak. Seorang isteri 17 orang anak. Daripada 17 orang anak itu, 13 orang berjaya masuk universiti. Ini contoh-contoh keluarga yang kalau kita adakan Anugerah Keluarga Terbaik Kebangsaan misalnya, ia akan menjadi satu idola dan motivasi kepada keluarga-keluarga yang lain. Kita boleh cari keluarga India, keluarga Sabah, keluarga Sarawak dan kaum-kaum yang lain juga.

Perkara ketiga ialah Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik. Saya membaca bahawa KPI mengarusperdanakan wanita pada tahun 2017, peratus wanita di peringkat pembuat keputusan sektor awam sudah berjaya kepada 35.8 peratus tahun 2017. Peratus wanita di peringkat pembuat keputusan sektor swasta mencapai 29.9 peratus, *target* 30 peratus. Akan tetapi peratus penglibatan wanita dalam keusahawanan baru 10 peratus Tuan Pengerusi, ia terlalu rendah dalam keusahawanan ini. Jadi, saya ingin bertanya pada Kementerian, apakah program-program konkrit. Kita perlu program lonjakan berganda, istilahnya *quantum leap*.

■1740

Kalau tidak macam mana kita hendak meningkatkan daripada 10 peratus itu ke peratusan yang lebih tinggi. Kursus usahawan wanita perlu dibanyakkan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bengkel ilmu niaga ataupun ringkasannya BINA. Ini idea dalam Dewan Rakyat ini. Mungkin boleh ditambahkan. Satu keluarga satu usahawan wanita misalnya. Mungkin boleh dijadikan slogan.

Perkara keempat, Butiran 020200 – Pembangunan Wanita iaitu RM21.5 juta. Banyak saya cerita tentang wanita Tuan Pengerusi. Sebab saya pencinta wanita- ah, gitu. Jadi, saya ingin mengesyorkan supaya Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) supaya ada kolaborasi dengan Kementerian ini. AIM ini ada sistem sahabat. Pada Bajet 2018 terdapat RM200 juta. Bajet tahun ini saya tidak nampak. Bajet tahun 2019. Keseluruhan RM2.7 bilion keseluruhan untuk bantu AIM ini. RM400,000 peminjam 99 wanita Tuan Pengerusi dan NPL cuma satu peratus. Jadi, mikro kredit dan mikro *enterprise* untuk pembangunan wanita ini perlu kita buat.

Perkara kelima, Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat iaitu RM396 juta ini kepada yang berupaya kita perlu keluarkan mereka ini pada *vicious cycle*. Putaran ganas kemiskinan. Dia kena keluar daripada putaran ganas kemiskinan itu. Oleh itu, inisiatif usaha niaga perlu diberikan. Bantuan pendidikan pada anak-anak perlu dibagi, khidmat nasihat untuk membaiki rumah mereka perlu dibuat dan perlu juga meneruskan program- sikit lagi. 1AZAM. AZAM itu maksudnya Akhiri Zaman Miskin. Ini program baik kepada kerajaan dahulu. Perkara yang baik kita perlu teruskan.

Akhir, yang saya ingin sentuh ialah Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin iaitu RM223 juta, Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya iaitu RM673 juta dan Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas iaitu RM568 juta. Sekali lagi saya ingin menyarankan supaya kita tumpu pada pendidikan dan kemahiran anak-anak mereka. Jika anak-anak mereka berjaya dalam pendidikan maka ia akan membawa keluarga itu keluarga miskin, kurang upaya itu berjaya juga.

Jadi, saya ingin buat cadangan di Dewan ini supaya keluarga angkat sekampung kita buat atau keluarga angkat satu taman. Katalah dalam 100 rumah dalam satu-stu kampung itu ada lima rumah yang dapat bantuan-bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini, 10 keluarga paling kaya dalam taman dan kampung itu mengambil angkat keluarga yang miskin itu. Dua keluarga kaya ambil satu keluarga.

Jadi, lima rumah yang dapat bantuan JKM akan diambil oleh 10 buah rumah yang paling kaya dalam taman dan juga dalam kampung itu maka kita beri sijil khas kepada yang mengambil keluarga angkat dan kita adalah program-program yang tertentu. Contoh, kita kursuskan mereka di kem-kem BTN dan PLKN yang terbiar sekarang ini sebab ditutup. Kerajaan sekarang ini menutup BTN dan PLKN lepas itu hendak buat apa kem-kem itu? Jadi, kita adakan kursus revolusi mental, Tuan Pengerusi. Ini buku Senu Abdul Rahman. Saya rasa Tuan Pengerusi baca. Dilancar oleh Tun Razak tahun 1970.

Dalam kem-kem yang ditinggalkan itu, kem PLKN dan kem BTN yang miskin-miskin ini anak-anak mereka kita kursuskan perubahan sikap, pemikiran positif berhenti menyerah kemiskinan kepada takdir. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Dipersilakan Yang Berhormat Petaling Jaya.

5.43 ptg.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga aspek. Butiran 010700 – Kewangan. Sebelum kita mempromosikan konsep kesaksamaan gender. Kesemua pihak-pihak berkepentingan perlu memahami makna sebenar gender kesaksamaan dan, dengan izin, *non-discrimination* supaya kesefahaman semua pihak dicapai dan mengelakkan interpretasi yang salah. Kita juga perlu menyelaraskan *expectation* kita dan memberi tumpuan kepada usaha-usaha yang diperlukan untuk merealisasikan kesaksamaan gender.

Pada tahun 2005, kerajaan terdahulu telah menghasilkan penerbitan yang cantik dan ini telah diambil kira dalam membangunkan *gender sensitive budgeting*, dengan izin. *Gender responsive budget*, dengan izin, berpotensi untuk mengetengahkan jurang gender dalam peruntukan belanjawan khususnya dalam bidang-bidang penting seperti pendapatan, kesihatan, pendidikan dan pembangunan dan memastikan sumber kerajaan di peruntukan bagi bidang yang paling memerlukan.

Setakat ini, perkara ini hanya sekadar dalam tulisan. Soalan saya, adakah peruntukan akan diberikan untuk mengambil tindakan susulan dalam usaha untuk *gender mainstreaming* melalui latihan kesedaran dan *capacity building* serta untuk memulakan semula usaha untuk *gender sensitive budgeting* dalam tahun 2019.

Kedua ialah Butiran 010300 – Pengurusan Sumber Manusia. Kalau tidak salah Yang Berhormat Timbalan Menteri pernah menyatakan di Dewan ini pada 1 Ogos 2018 bahawa ketua-ketua jabatan perlu menghadiri *gender sensitization course* supaya mereka lebih bersedia untuk mengendalikan isu berkenaan kenaikan pangkat, tingkah laku di tempat kerja dan masalah gangguan seksual sekiranya berlaku.

Saya minta penjelasan, adakah peruntukan untuk inisiatif ini dan bilakah akan dilaksanakan pada tahun 2019 dan adakah pegawai-pegawai di badan ejen atau agensi yang menguruskan hal ehwal agama seperti Jabatan Kehakiman Syariah, majlis agama dan sebagainya perlu mengambil kursus ini.

Ketiga, ialah Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik. Ini berkenaan dengan rang undang-undang terhadap untuk wanita seperti gangguan seksual dan undang-undang berkenaan dengan *stalking*. Adakah jangka masa untuk undang-undang yang tersebut diperkenalkan. Kedua ialah adakah peruntukan untuk mengadakan tribunal bebas untuk menerima aduan dan menyediakan *interim protection order*, dengan izin. Bagi mangsa gangguan seksual atau *stalking*. Soalan yang ketiga ialah adakah kementerian akan menjalankan program untuk mendidik orang awam tentang gangguan seksual dan mekanisme pelaporan dan dasar jika terdapat gangguan seksual. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batu Kawan. Silakan.

5.48 ptg.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas kesempatan untuk saya membahar peringkat jawatankuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya mulakan dengan Butiran 020400 – *NAM Institute for the Empowerment of Women* (NIEW). Saya lihat penurunan RM2.9 juta tahun ini kepada RM1.9 juta untuk tahun depan. Saya ingin tahu apakah fungsi *Institute For The Empowerment of Women* ini serta apakah pencapaian yang telah mereka capai dalam tahun yang lepas dan apakah KPI bagi institut ini.

Kedua, di bawah Butiran 031500 – Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan saya ingin tahu dengan peningkatan sehingga RM2.9 juta, berapakah pusat aktiviti warga emas wujud di negeri Pulau Pinang terutama sekali di kawasan Parlimen Batu Kawan termasuk DUN Perai, DUN Bukit Tengah dan DUN Bukit Tambun dan apakah rancangan kementerian untuk membina lagi pusat aktiviti warga emas ini di kawasan Parlimen Batu Kawan.

Butiran seterusnya 02000 – Rumah Perlindungan Khas iaitu RM2.8 juta di peruntukan. Saya ingin tahu apakah jenis mangsa yang diberikan perlindungan dalam Rumah Perlindungan Khas ini dan berapakah wanita, lelaki ataupun kanak-kanak yang ada di rumah perlindungan ini serta kewarganegaraan mereka. Maksud saya adakah mereka ini mangsa keganasan rumah tangga, mangsa pemerdagangan manusia dan sebagainya.

Butiran seterusnya 031900 – *Home Help* iaitu RM4 juta di peruntukan. Saya ingin tahu apakah *Home Help* ini dan bagaimanakah apakah fungsinya bagaimanakah kita dapat memohon untuk *Home Help* ini dan apakah bidang kuasa *Home Help* ini.

■1750

Butiran seterusnya 030300 – Pembangunan dan Perkembangan Kanak-kanak, RM9 juta diperuntukkan. Saya ingin tahu apakah program, *syllabus* atau sukatan yang disediakan untuk pembangunan dan perkembangan kanak-kanak ini.

Butiran seterusnya 01800 – Pusat Khidmat Setempat OKU. RM500,000 sahaja diperuntukkan. Maka saya ingin tahu apakah justifikasi peruntukan ini dan pengagihan peruntukan bagi pusat khidmat setempat OKU. Berapakah pusat setempat OKU ini berada di kawasan Parlimen Batu Kawan dan seluruh negeri Pulau Pinang.

Seterusnya Butiran 031800 – Taska OKU. RM1.2 juta diperuntukkan. Saya ingin tahu berapakah taska OKU yang ada setakat ini di Pulau Pinang dan juga di kawasan Parlimen Batu Kawan. Apakah rancangan kerajaan untuk membina lebih lagi taska OKU.

Seterusnya Butiran 031400 – Membanteras Pemerdagangan Orang. RM4.6 juta diperuntukkan. Saya ingin tahu apakah usaha kerajaan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat umum untuk melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya mana-mana sindiket pemerdagangan orang giat menjalankan aktiviti sumbang mereka di kawasan perumahan atau tempat mereka itu. Oleh sebab RM4.6 juta ini satu peruntukan yang besar, maka saya ingin tahu juga pertindihan bidang kuasa di antara KDN dan juga agensi ini atau peruntukan ini, apakah justifikasi RM4.6 juta ini.

Seterusnya Butiran 031300 – Komuniti. Di mana RM22.5 juta diperuntukkan. Saya ingin tahu apakah kegunaan sebab ianya *just* komuniti sahaja. Bagaimanakah peruntukan ini akan dibelanjakan? Sejumlah RM22.5 juta bukan angka yang kecil. Jadi saya ingin tahu bagaimana peruntukan ini dapat dibelanjakan. Siapakah yang akan menerima peruntukan ini *at the end of the line*.

Akhir sekali adalah Butiran 031200 – Bantuan Sosioekonomi Lain sejumlah RM20 juta. Tuan Pengerusi, saya ingin tahu selain daripada semua bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun agensi-agensi lain di bawah kementerian, saya ingin tahu apakah bantuan sosioekonomi lain yang termaktub di bawah butiran ini? Bagaimanakah pemohon dapat memohon? Apakah garis panduan di mana kita dapat lebih maklumat mengenai bantuan sosioekonomi ini. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Seterusnya Yang Berhormat Kuala Nerus.

5.52 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Mengucapkan sepotong doa] Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 010200 – Dasar dan Perancangan Strategik. Kita dimaklumkan satu draf Akta Kesamarataan Jantina sedang digubal.

Saya mohon untuk kementerian menjelaskan pihak-pihak yang terlibat dalam menggubal akta ini kerana akta ini tentulah melibatkan banyak perkara antaranya berkaitan dengan Islam itu sendiri. Ini kerana istilah kesamarataan pun menimbulkan satu konflik kerana Islam meletakkan keadilan jantina bukan kesamarataan. Macam mana disamakan dua jantina yang berbeza lelaki dan perempuan, ia memang tidak sama.

Jadi ini ada kaitan dengan isu-isu keadilan. Jadi saya bimbang akta ini dirujuk ataupun digubal dengan tidak merujuk kepada pihak yang ada kepentingannya terutama melibatkan hukum hakam dalam Islam supaya jangan sampai apabila dibawa ke Parlimen dan dibahaskan menimbulkan kontroversi. Baik diselesaikan terlebih awal kerana kita semua tahu siapakah yang pihak yang terlibat terutama dari sudut agamanya siapakah yang dirujuk dan terlibat sebagai jawatankuasanya.

Ini kerana saya bimbang juga ia satu versi untuk melaksanakan konvensyen berkaitan penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita. Ya, memang ada perkara-perkara yang tidak bertepatan dengan Islam dalam konvensyen tersebut yang perlu kita bahas panjang. Ia juga seperti anak pencerai kepada ICERD. Oleh sebab itulah saya mengharap perkara ini diambil tanggungjawab yang jelas oleh kementerian. Saya mahu tahu tentang siapa yang terlibat tadi.

Kedua, tentang isu khatan bayi perempuan. Saya rasa pelik, apakah masalah kementerian membangkitkan isu ini? Ini kerana persoalan khatan bayi perempuan ini perkara hukum dalam Islam. Dalam hadis Nabi SAW menyebut... [Bercakap dalam bahasa Arab] Apabila mana khatan laki-laki bertemu khatan perempuan maka wajib mandi. Ia hukum agama. Mazhab Syafie menyatakan wajib khatan bagi perempuan dan mazhab lain sunat khatan bagi perempuan. Di situ akan berlaku pertembungan idea, pandangan dari sudut agama dengan pandangan masyarakat luar dan kita Malaysia, negara yang meletakkan Islam sebagai Agama Persekutuan. Saya mahu penjelasan daripada kementerian tentang isu ini. Apakah sikap kementerian terhadap isu berkaitan khatan wanita ini?

Butiran 020200 – Pembangunan Wanita. Penyertaan wanita sebagai tenaga buruh. Ini adalah suatu perkara yang sebagai hak yang kita berikan kepada wanita yang mahu bekerja. Akan tetapi ada tugas asas yang tidak dapat wanita lari iaitu tugas sebagai seorang isteri. Kalau suami tugasannya menyediakan nafkah, dia wajib bekerja. Perempuan dia tidak wajib bekerja, dia mahu bekerja itu hak dia yang diberikan oleh suami.

Akan tetapi bagaimanakah kementerian memperkasakan peranan asas wanita sebagai seorang isteri atau sebagai seorang ibu di samping dia berkerjaya menjadi buruh dalam pelbagai peringkat sehingga hak dia sebagai isteri, hak dia sebagai ibu tidak terabai dan kita berikan apa yang patut dia dapat dan nikmati sebagai isteri dan juga ibu. Saya pernah mencadangkan dulu kepada kementerian dalam sesi yang lalu supaya diberikan masa kerja yang lebih pendek tetapi dengan gaji yang sama. Adakah kementerian berhasrat untuk membawa idea itu ke tengah dalam perundangan kita sebagai satu hadiah kepada isteri dan ibu yang berkerjaya ini.

Kemudian juga isu berkaitan dengan isteri yang membantu suami untuk bekerja ini tentang aspek-aspek hak dia dari sudut masa rehat dia. Saya rasa ini perlu diberikan perhatian oleh kementerian, saya mahu tahu apakah polisi kementerian dalam isu ini.

Butiran 020500 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Saya mahu statistik penceraian di negara kita dalam tempoh setahun ini, tahun 2018 berdasarkan agama dan juga kaum. Apakah faktor-faktor berlakunya penceraian?

Akhir, tentang aspek kekeluargaan melibatkan ibu dan juga bapa. Hari ini ibu dan bapa yang tua ada yang tidak bersedia tinggal dengan anak ataupun menantu mereka. Mereka memerlukan suatu perhatian. Saya mencadangkan kementerian untuk menyediakan bajet untuk pihak-pihak yang berminat membentuk satu skuad cakna orang-orang tua. Orang tua tinggal di rumah masing-masing tetapi ada skuad cakna yang membantu mereka sebagai keperluan. Mereka tidak mahu tinggal di rumah orang tua. Jadi saya mahu tahu daripada kementerian apakah polisi dan juga bantuan kementerian dalam perkara ini.

Saya rasa itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang giliran Yang Berhormat Padang Serai. Silakan Yang Berhormat Padang Serai ya, sila.

5.58 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Butiran saya 010500 – Kolaborasi Statistik di muka surat 411. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan anak-anak yatim yang tinggal di rumah anak-anak yatim terutama sekali bagi zaman sekarang. Pada pandangan saya banyak tempat-tempat didirikan rumah anak-anak yatim. Kalau kita biarkan benda ini berlanjutan, satu hari kita boleh tengok setiap taman ada satu tempat untuk anak-anak yatim.

Saya mencadangkan kalau boleh jangan biarkan anak-anak itu ditinggalkan di rumah anak-anak yatim. Saya berpandangan anak-anak tersebut memang mendapat makanan, pakaian dan semuanya dapat tetapi satu kekurangan adalah kesayangan. Pandang muka anak-anak itu sebab saya selalu pergi ke rumah anak-anak yatim dan bergaul dengan mereka tetapi mereka ketagih dengan kesayangan. Itulah perlunya diberikan kasih sayang tetapi macam mana kita beri makan dan apa pun kesayangan itu tidak ada, kasih sayang tidak ada maka kehidupan anak itu tidak begitu enak sekali. Dalam hati dia masih lagi tertanya-tanya bagaimana mahu berjumpa dengan bapa dan sebagainya.

Oleh itu saya mencadangkan anak-anak itu dikekalkan di rumah bersama dengan ibu ataupun ayahnya tetapi kita beri bantuan untuk mereka jaga bersama di mana di kawasan saya ada sebuah rumah anak-anak yatim iaitu dipanggil Kamakshi Children Home.

■1800

Dulu kita letakkan anak-anak yatim di sini lepas itu kita tukar trend dia, kita bawa anak-anak itu bersama dengan mak dia, jaga. Akan tetapi kita bantu, kita beri dia rumah, kita beri dia cari kerja, kita beri dan anak-anak bawa ke sekolah kita gunakan van dan sebagainya. So, dengan ini dia boleh dapat kasih sayang dan juga ibu bapa.

Satu lagi saya tengok kebanyakan- saya tidak *condemn* mana-mana wanita dan sebagainya. Apabila mereka datang tinggalkan anak dia, selepas itu dia bebas bersama dengan laki-laki lain... [*Dewan riuh*] *You see*. Ini yang tidak berapa enak dilihat di kawasan saya. Saya bukan tuduh tetapi ini benda yang saya tengok. Anak dia tinggal di rumah anak yatim, tengok sebab yang satu yang kita jadi satu masalah apabila lelaki ini bawa wanita ini jalan-jalan, apabila dia- *you* tahulah. Api dengan kipas letak dekat, mesti terbakar. So, jadi salah satu, kita tinggal, anak dia pula surat beranak tiada. So, satu masalah. So, kalau boleh kita letakkan anak itu bersama dengan ibu. Kita cari rumah, kita carikan dia kerja, kita beri dia, kita *support* dia, jaga anak *you*. Itu kita mahu. Kita tidak mahu pergi letak di rumah anak-anak yatim.

Satu lagi saya ingin cadangkan di pejabat kebajikan. Tentukan, uruskan kaki palsu. Selalunya orang tanya kaki palsu, dia kata cari kontrak, cari kontrak ini. Dia pun kaki tidak ada, macam mana mahu cari kontraktor. So, kita haruslah uruskan... [*Disampuk*]

So, kalau boleh kementerian ambil perhatian. Arahkan mereka ukur kaki dia dan sebagainya, tolong beri dia kaki palsu dan sebagainya.

Selain daripada itu juga, wanita-wanita ini- *single mothers* mestilah ambil berat. Saya pandangkan kalau tinggal anak lima orang dan sebagainya, peruntukan kebajikan diberi RM200 sebulan. Lima orang anak macam mana hendak jaga? Sewa rumah kena bayar, satu van RM50, anak pergi tuisyen RM50 sehingga RM100. Dia gaji RM1,000 sebulan. Macam mana dia hendak hidup?

So, haruslah kementerian ambil perhatian serius terutama sekali ibu-ibu tunggal. Saya pun sedih bila tengok kadang-kadang makan pun kita kasihan. Bila saya pun kadang-kadang makan di sana makan ayam itu pun saya rasa bagaimanalah orang-orang miskin di sana, di tempat saya. Saya selalu ingat. Oleh sebab itu, kalau saya keluar pun makan RM2 atau RM3 sahaja, cukuplah... *[Disampuk]* Duit lebih beri pada mereka.

So, kita hendak macam itulah sebab kalau tidak ada, bilalah kita mahu menyelamatkan. Kalau tidak kemiskinan ini akan berlarutan, generasi-generasi akan datang. Kita mesti di-*kill*-kan ini kemiskinan ini pada zaman yang kita ada sekarang ini. Akan datang biarlah dia hidup mewah dan sebagainya. Itulah pendapat saya.

Akhir sekali, dengan pantun, Tuan Pengerusi memang hendak pantun.

*Apa guna si parang panjang;
Kalau tidak dengan tujuan;
Apa guna berumur panjang;
Kalau tidak dengan amalan.*

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Hebat, hebat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Lanang. Silakan.

6.03 ptg.

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat yang telah ditingkatkan daripada RM382 juta kepada RM396 juta.

Saya minta satu jawapan bertulis daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk bantuan kebajikan mengikut kategori yang diberikan kepada negeri Sarawak dan khususnya Sibu dan Lanang. Saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Padang serai tentang bantuan kebajikan yang diberikan kepada ibu tunggal. Ini kerana sekarang kita beri RM100 untuk seorang anak tetapi apa yang dapat kita beli dengan RM100 sebulan dan maksimum ialah RM400. Jadi saya rasa, kita perlu tingkatkan bantuan kebajikan tersebut.

Saya juga ingin tahu Kerajaan Negeri Sarawak juga mempunyai peruntukan untuk kebajikan masyarakat. Jadi saya juga difahamkan bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Sarawak. Jadi setakat ini, saya ingin tahu, setakat manakah penglibatan kerajaan Persekutuan di dalam urusan Jabatan Kebajikan di Sarawak.

Seterusnya Butiran 00503 – Rumah Seri Kenangan yang diperuntukkan RM14 juta. Rumah Seri Kenangan Sibu di Jalan Ulu Oya telah dibina semula dengan kos dianggarkan lebih RM20 juta yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Saya ingin tahu sama ada Kerajaan Persekutuan akan membiayai kos pengurusan bagi Rumah Seri Kenangan Sibu selepas ia siap dibina. Adakah kerajaan sebelum ini telah mengagihkan peruntukan bagi Rumah Seri Kenangan Sibu?

Seterusnya Butiran 00800 – Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri/Daerah. Peruntukan sebanyak RM500,000 diberikan dan saya ingin tahu bagaimanakah peruntukan ini akan diagihkan dan apakah tujuannya sama ada untuk menaik taraf Pejabat Kebajikan Masyarakat? Adakah semua pejabat JKM akan menerima peruntukan tersebut dan apakah justifikasi pengagihan peruntukan tersebut?

Seterusnya Butiran 01800 – Pusat Khidmat Setempat OKU yang juga diberi RM500 ribu. Bagaimanakah peruntukan ini akan diagihkan dan berapakah pusat khidmat setempat OKU di Sarawak? Apakah fungsi utama Pusat Khidmat Setempat OKU ini dan apakah keberkesanannya?

Butiran seterusnya ialah Butiran 01300 – Kompleks Penyayang yang telah dinaikkan daripada RM47,000 kepada RM18 juta. Apakah justifikasi peningkatan peruntukan bagi butiran ini? Saya ingin tahu bilangan Kompleks Penyayang yang ada di Sarawak serta peruntukan yang akan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak di bawah butiran ini?

Seterusnya Butiran 031800 – Taska OKU dengan peruntukan RM1.2 juta. Saya ingin tahu sama ada Taska Autisme dikategorikan di bawah Taska OKU dan adakah Kerajaan Persekutuan masih memberi peruntukan kepada Taska Autisme di Sibul? Apakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada Taska Autisme Sibul setakat ini? Itu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jeli. Silakan.

6.07 ptg.

Dato' Sri Mustapa bin Mohamed [Jeli]: Terima kasih Tuan Pengerusi. kira-kira 400 ribu rakyat Malaysia mengharapkan ataupun bergantung harap kepada JKM setiap bulan untuk mendapat bantuan bagi menyara hidup.

Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Sebelum itu kita bersyukur kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri mengepalai kementerian ini yang cukup prihatin dan dibantu oleh Timbalan Menteri yang juga prihatin. Terima kasih diucapkan. Berkaitan dengan Butiran 020100 ini, pertama ialah berkaitan senarai penerima bantuan bulanan ini. Adakah kementerian mempunyai kriteria yang mantap berkaitan dengan *graduation*, dengan izin, iaitu mereka yang dikeluarkan daripada senarai ini? Ini menimbulkan masalah di kampung-kampung seluruh negara.

Keduanya, berkaitan dengan adakah jabatan mempunyai kumpulan yang *vulnerable* iaitu mereka yang mungkin akan tergolong dalam kumpulan yang memerlukan bantuan apabila keadaan bertambah sukar termasuklah keadaan sekarang dalam keadaan harga getah dan juga beberapa cabaran yang dihadapi oleh rakyat.

Seterusnya adakah kementerian mempunyai perancangan masa depan memandangkan proses penuaan, *ageing* ini semakin rancak dan semakin hampir? Adakah kementerian merancang tentang keperluan masa depan? Sudah pasti keperluan untuk membantu rakyat Malaysia bertambah apabila penduduk bertambah dan juga bilangan yang tua ini bertambah?

Kedua Tuan Pengerusi, Butiran 020300 – Institut Sosial Malaysia. Adakah institut ini memainkan peranan yang proaktif dalam membuat *projection* tentang keperluan masa depan termasuklah perkara yang saya sebut sebelum ini iaitu fenomena penuaan yang sudah pun berlaku dalam negara kita? Adakah institut ini memberikan nasihat yang bernas kepada kementerian berkaitan dengan keperluan masa depan negara untuk menyara hidup kumpulan yang memerlukan bantuan?

Ketiga, Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), tempat saya ada tiga. Satu setiap DUN Kuala Balah, Air Lanas dan juga DUN Bukit Bunga dan isu di sini.

Pertama, kita ucapkan tahniah kepada guru-guru dan pembantu yang cukup *dedicated* untuk membantu pelajar-pelajar yang mengikuti Program Pemulihan Dalam Komuniti ini. Isunya ialah seperti biasa peruntukan RM91.6 juta ini, adakah ia termasuk pembaikan kecil yang diperlukan untuk menambah baik kemudahan yang ada di pusat-pusat PDK ini?

■1810

Seterusnya, Tuan Pengerusi berkaitan dengan Rumah Seri Kenangan dan juga Rumah Kanak-kanak, Butiran 00503 dan Butiran 00504. Ini berkaitan dengan peruntukan lagi yang dibangkitkan banyak Ahli Yang Berhormat untuk makanan harian dan untuk menambah baik kemudahan infrastruktur. Adakah peruntukan mencukupi? Kita tahu bahawa bilangan kanak-kanak yang memerlukan bantuan ini semakin hari semakin bertambah oleh hal-hal masalah keluarga. Maka itu apakah perancangan untuk tahun seterusnya kalau 2019 ada kekangan, tahun 2020 dan seterusnya saya berpendapat bahawa inilah satu perkara yang harus diberi perhatian termasuklah keperluan makanan dan persekolahan dan lain-lain.

Akhir sekali ialah Butiran 00705 – Kuarters Institut Kebajikan. Ini berkaitan dengan kerja-kerja penambahbaikan dan kerja-kerja membaiki kerosakan. Kita mendapat kompelin daripada mereka yang bertugas di institusi ini bahawa keperluan untuk menjalankan *repair* amat mendesak di beberapa kawasan. Kita harap kementerian akan memberi perhatian sewajarnya terhadap keperluan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Jeli. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar jangan lupa.

6.11 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya bahagian dalam perbahasan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya nampak peruntukan untuk Belanjawan 2019 untuk kementerian ini meningkat 10 peratus berbanding dengan tahun sebelumnya. Tahniah kepada kerajaan yang menunjukkan komitmen penuh daripada pihak kerajaan khususnya kementerian ini diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang saya yakin pemerkasaan kepada sistem keluarga, kepada wanita dan kanak-kanak akan terus dilakukan di bawah kerajaan baharu.

Perkara pertama yang saya hendak sebut adalah di bawah Butiran 030800, Butiran 030900, dan Butiran 031000. Saya gabungkan tiga butiran ini sebab ketiga-tiganya berkaitan dengan sosioekonomi keluarga miskin, sosioekonomi kurang upaya, sosioekonomi warga emas. Kalau tahun sebelum itu jumlah yang nampak daripada ketiga-tiga butiran ini adalah sekitar RM1.3 bilion tetapi untuk Belanjawan 2019 jumlahnya meningkat kepada hampir RM1.5 bilion. Ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan untuk membantu mereka yang memerlukan bantuan bulanan secara sistematik, secara berkala daripada JKM untuk setiap bulan.

Cuma saya harap apakah ada ruang dan peluang untuk pihak kementerian khasnya dan juga pihak JKM untuk mempertimbangkan supaya menaikkan sedikit kadar bantuan bulanan kepada para penerima khasnya kepada pelajar dan sebagainya. Ini sebab kita tahu kos sara hidup, keperluan untuk kehidupan harian semakin tinggi. Jadi kenaikan sedikit tersebut adalah bagi saya sesuatu yang munasabah, sesuatu yang bersesuaian dengan keperluan mereka.

Perkara kedua yang saya ingin hendak bangkitkan adalah di bawah Butiran 030300 – Pembangunan dan Perkembangan Kanak-kanak. Bagi saya kenaikan jumlah peruntukan kepada RM9 juta adalah sesuatu yang sangat dialu-alukan. Saya juga menyambut baik dan juga memuji langkah kementerian yang baru-baru ini pada 23 November yang lepas telah mengadakan satu konsultasi penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak yang turut melibatkan SUHAKAM di kementerian pada 23 November yang lepas.

Bagi saya, kanak-kanak sentiasa menjadi entiti yang sangat penting dalam masyarakat kita. Kalau kita tidak jaga anak-anak kita, kanak-kanak, generasi baharu, generasi muda yang ada pada hari ini- tidak ada masa depan kita. Tidak guna kita berhujah, hebat kita bercakap dalam Dewan ini dengan pelbagai pembangunan dan sebagainya. Akan tetapi, kalau kita tidak memberikan tumpuan dan perhatian yang khusus kepada anak-anak dan juga generasi muda.

Jadi saya menyambut baik penubuhan Suruhanjaya Kanak-kanak tersebut yang saya harap ia boleh disegerakan. Kalau boleh- tahun ini tidak sempat, tahun depan kita boleh lakukannya supaya kanak-kanak sentiasa diberikan tempat dan perhatian yang secukupnya agar masa depan negara kita sentiasa kita memberikan keutamaan.

Butiran seterusnya adalah berkaitan dengan 020500 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Saya nampak sebanyak RM67 juta peruntukan diberikan. Cuma saya hendak tanya daripada RM67 juta ini, berapakah peruntukan untuk Negeri Sembilan?

Kita tahu institusi keluarga adalah institusi asas dalam pembentukan masyarakat. Tanpa institusi keluarga ini yang stabil dan sebagainya, masyarakat tidak akan stabil dan negara tidak akan membangun. Sebab tidak kira siapa termasuk sebagai wakil rakyat, sebagai pemimpin dan sebagainya. Kalau keluarga kita tidak aman, orang rumah kita tidak faham keadaan kita dan sebagainya, kita tidak akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab kita sebagai wakil rakyat dengan baik. Jadi institusi keluarga itulah yang akan menjadi asas kepada kejayaan masyarakat kita dan seterusnya pembangunan negara. Jadi saya mohon kalau boleh pembangunan yang lebih banyak diberikan di bawah tajuk ini.

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan adalah berkenaan dengan Program i-Suri iaitu saya dimaklumkan bahawa RM45 juta diperuntukkan untuk tahun 2019 untuk Program i-Suri yang melibatkan eKasih. Cuma sekali lagi saya merayu kepada Kementerian ini kalau boleh menambahkan peruntukan di bawah ini. Saya faham kekangan kewangan, keadaan kewangan kerajaan yang terpaksa membayar banyak hutang yang ditinggalkan oleh rejim yang lepas tetapi ya lah RM45 juta bagi saya kalau boleh kita tingkatkan supaya penerimanya dapat lebih. Ikutkan apa yang telah diumumkan oleh kerajaan RM5 daripada pencarum dan RM40 setiap bulan dari kerajaan. Kalau boleh RM40 itu kita naikkan kepada RM60 atau RM80. Biar mereka rasa lebih banyak sedikit.

Jadi memandangkan masa tidak mengizinkan, sekian sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar. Silakan Yang Berhormat.

6.16 ptg.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya turut serta dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Terus ke Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan adakah pemberian bantuan kebajikan kepada warga masih mengambil kira kewujudan seorang anak lelaki di dalam sesebuah keluarga. Syarat ini tidak melayakkan seseorang ibu menerima bantuan sekiranya ada seorang anak lelaki. Yang Berhormat Menteri tahu bahawa bukan semua anak lelaki itu bertanggungjawab dan mungkin juga anak lelaki itu hanya berjumpa ibunya setahun sekali dan mungkin juga anak lelaki itu mempunyai bebannya sendiri dan tidak mampu memikul tanggungjawab ini secara sendirian.

Terus kepada Butiran 031900 – *Home Help*. Ini adalah kaedah yang sangat efektif dan banyak membantu di kawasan Parlimen saya Yang Berhormat Menteri. Saya ingin memberi pujian kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Kuala Kangsar yang sentiasa responsif sekiranya saya mohon warga diberi bantuan dalam bentuk *home help*.

Hanya satu penambahbaikan Yang Berhormat Menteri iaitu setiap *home help* perlu melibatkan secara N-BOS, lebih ramai usaha-usaha NGO-NGO tempatan ataupun peringkat Persekutuan dan juga mewujudkan kerjasama dengan jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pendaftaran dan Jabatan Kesihatan dan juga badan korporat juga mampu membantu secara CSR ketika *home help* dan pegawai-pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat juga perlu dibantu lebih dari segi kewangan dan keselamatan juga.

Seterusnya saya ingin pergi ke Butiran 020500 – Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Ini berkaitan hakim-hakim di Mahkamah Syariah Yang Berhormat Menteri. Mahkamah Syariah jauh ketinggalan di mana wanita hanya diwakili kurang daripada 10 orang daripada jumlah keseluruhan hakim seramai 74 orang. Mohon Yang Berhormat Menteri lihat semula apakah kekangan-kekangan yang dihadapi oleh mereka. Lagi pun sekiranya ada lebih ramai hakim wanita Yang Berhormat Menteri, maka kaum wanita akan merasa mesra untuk menghadap keadilan di satu tempat yang dianggap medan pertempuran dan tekanan soal-soal hati.

Di bawah tajuk yang sama mengenai wanita hamil dalam lapangan pekerjaan. Perlindungan perundangan sedia ada tidak mencukupi Yang Berhormat Menteri dan masih tidak ada undang-undang khusus di Malaysia yang menangani diskriminasi berkaitan dengan kehamilan. Kajian diskriminasi di tempat kerja yang dikeluarkan oleh *Women's Aid Organization* mendapati bahawa 40 peratus responden wanita mempunyai pengalaman diskriminasi tempat kerja disebabkan kehamilan. Yang Berhormat Menteri, saya mohon satu sistem aduan yang sedia ada ini dipertingkatkan lagi supaya lebih mesra komuniti. Kenapa? Ada kalanya wanita-wanita yang melalui keadaan ini lebih selesa sekiranya pihak yang menyayanginya dan mengambil berat akan mengambil inisiatif untuk membuat aduan bagi pihaknya.

Saya terus pula pada Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas. Saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan keanggotaan dalam Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara.

■1820

Berapakah orang wakil anak muda di dalam lingkungan 20-an. Saya bertanya soalan ini Yang Berhormat Menteri adalah kerana golongan muda harus diberi kefahaman dan diberi input mengenai tanggungjawab mereka yang wajib kepada warga emas di dalam keluarga dan juga komuniti, supaya mereka boleh memberi pandangan yang boleh mengecilkkan lagi jurang pemikiran untuk bertindak untuk warga emas.

Butiran seterusnya, Butiran 031400 - Membanteras Pemerdagangan Orang. Saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, apakah bentuk bantuan-bantuan yang akan diberikan kepada mangsa pemerdagangan dan penyeludupan di semua peringkat selaras dengan standard antarabangsa yang ditetapkan oleh protokol Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk mencegah, menyekat dan menghukum pemerdagangan orang terutama sekali di kalangan wanita dan kanak-kanak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Kuala Kangsar. Sekarang Yang Berhormat Parit Sulong. Silakan Yang Berhormat.

6.21 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020200 - Pembangunan Wanita. Saya hendak menyentuh mengenai satu laporan yang dinamakan *The Global Gender Gap Index 2017* yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum*. Dalam laporan ini dinyatakan bahawa Malaysia sekarang berada di dalam kedudukan 104 daripada jumlah 144 negara dengan skor indeks kita hanya 0.67. Jadi, soalan saya berkaitan dengan ini adalah, apakah sebenarnya pengkhususan data ataupun sektor ataupun bidang yang disasarkan oleh kementerian dalam usaha untuk menambah bilangan penyertaan wanita dalam pasaran kerja buruh? Sebab saya bercakap mengenai pembangunan wanita di dalam ekonomi.

Keduanya apakah kementerian ada sebelum ini membuat apa-apa kajian berkaitan ini, dan sekiranya ada saya mohon juga agar kementerian menyatakan apakah dapatan kajian bidang pasaran tenaga kerja ini dan apakah hasil daripada itu, apakah sebenarnya difokuskan oleh pihak kementerian dalam usaha untuk menyasarkan peningkatan dari segi penyertaan wanita dalam bidang kerja? Seterusnya menerusi pengarusperdaan gender yang berkesan.

Sejauh manakah pula langkah yang dilakukan oleh kementerian dalam menyasarkan- sebab saya membaca dalam satu laporan menyatakan bahawa penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan itu sangat rendah. Jadi, apakah sasaran terbaharu dan adakah ia akan mencapai juga ke arah 30 peratus penyertaan.

Seterusnya pergi kepada Butiran 031500 - Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Dia ada menjalankan aktiviti harian dalam komuniti dan memandangkan Malaysia dalam proses untuk menjadi negara tua pada tahun 2030.

Jadinya, apa soalan yang saya hendak tanyakan kepada pihak kementerian adalah apakah jenis sokongan yang diberikan pihak kementerian kepada pusat-pusat PAWE ini dan berapakah jumlah pusat seumpama ini yang sangat aktif di Malaysia. Sebelum ini saya ada bangkitkan mengenai pertanyaan adakah kementerian mempunyai satu sasaran. Satu Parlimen mempunyai satu pusat PAWE.

Jadinya, saya harap Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan dari segi jumlahnya, dan sejauh manakah, bagaimanakah pihak kementerian merancang untuk memilih lokasi kerana pemilihan lokasi ini sangat penting dan kita perlu. Adakah cara lokasi menentukan lokasi ini adalah prioriti berdasarkan kepada jumlah mereka yang dikategorikan sebagai berusia emas? Saya dimaklumkan di kawasan saya di daerah Batu Pahat sebenarnya Tuan Pengerusi ada satu pusat PAWE.

Walau bagaimanapun dia terletak di kawasan Parlimen Parit Sulong. Saya dimaklumkan oleh mereka yang aktif dalam PAWE ini di daerah Batu Pahat mereka ada menyatakan bahawa telah ada siasatan dan cadangan untuk membuka satu lagi PAWE di kawasan Parlimen Parit Sulong. Ini dimaklumkan kepada saya oleh mereka yang aktif dalam PAWE dan juga daripada JKM jabatan itu sendiri. Jadi, soalan saya, kalau sekiranya benda ini betul, bilakah ia akan diwujudkan di dalam kawasan Parlimen Parit Sulong?

Saya tengok objektif penubuhan PAWE ini adalah untuk menggalakkan penglibatan dan kerjasama daripada pelbagai pihak. Jadinya soalnya pelbagai pihak yang bagaimana? Adakah mereka ini menjalankan aktiviti yang hanya empat sahaja dinyatakan di dalam objektif dan aktiviti PAWE ini ataupun ianya boleh dikembangkan lagi kepada aktiviti-aktiviti lain.

Seterusnya kepada Butiran yang saya kira penting juga iaitu Butiran 030400 - Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Dalam ini dia ada satu Program Pemulihan Dalam Komuniti ataupun *Community Based Rehabilitation* yang dilancarkan tahun 1984. Saya tengok program ini sangat bagus, permintaan juga meningkat. Jadi, adakah kementerian ada cadangan untuk menambah peruntukan untuk PDK-PDK di Malaysia ini dan sejauh manakah pihak kementerian juga menilai dana yang diperuntukkan untuk PDK ini cukup? Sedangkan saya rasa perlu sekarang ini untuk ditingkatkan lagi peruntukan terutamanya kepada mereka yang menjadi pelatih kepada PDK-PDK ini.

Untuk melatih mereka ini bukan sesuatu yang mudah kerana kita berhadapan dengan mereka yang mempunyai *special needs*. Oleh sebab itu saya kira peruntukan itu juga perlu ditambah. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Menteri mengenai perkara ini dan sejauh mana pula kajian impak mengenai keberkesanan PDK ini dalam membangunkan warga kurang upaya di negara dan satu sahaja lagi, apakah pelan penambahbaikan modul pelaksanaan PDK ini yang telah digariskan memandangkan PDK ini telah sekian lama dijalankan di Malaysia? Terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Paya Besar tidak masuk dalam senarai tadi? Ya silakan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Minta Segamat pun masukan dalam senarai.

Tuan Pengerusi: Dua minit sahaja.

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat Papar juga. Papar juga masuk.

Tuan Pengerusi: Dua minit ya, dua minit.

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Okey.

6.26 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan. Saya ingin terus menyentuh berkaitan Butiran 020100 - Kebajikan Masyarakat. Saya memuji pihak kementerian mempunyai pegawai-pegawai yang bagi saya ada standard sebagai Pegawai Kebajikan Masyarakat kerana hidup mereka, apabila saya bersama mereka-mereka hanya memikirkan bagaimana untuk membantu masyarakat. Ini harus saya puji.

Akan tetapi saya memahami Tuan Pengerusi apabila saya melihat peruntukan mempunyai penambahan hampir RM12 juta, dan saya kira ini amat kegembiraan kerana sektor ataupun butiran kebajikan masyarakat amat dekat dengan wakil-wakil rakyat semua. Cumanya yang menggusarkan saya Tuan Pengerusi adalah tempoh masa apabila yang dimaklumkan kepada Ahli Parlimen tempoh hari, ia memerlukan dua minggu untuk proses siasatan apabila borang diterima dan sebulan bantuan itu akan di sampai kepada pemohon sekiranya siasatan itu berjaya disahkan betul-betul memerlukan bantuan.

Akan tetapi ini tidak berlaku. Itu sebabnya saya minta supaya kebajikan masyarakat supaya memberikan tumpuan sepenuhnya kepada memberi maklum balas segera sama ada melalui *WhatsApp*, *SMS* kepada pemohon dan kalau boleh maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat agar kita juga dapat mengetahui. Saya juga meneliti ucapan-ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kami semua faham kebajikan masyarakat juga perlu menjaga kebajikan mereka, kenapa 55 saat? Dua minit kan?

Tuan Pengerusi: Ya, yang terakhir. Dua minit-dua minit.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang terakhir, saya lima minit lagi, bolehlah? Saya banyak ini.

Tuan Pengerusi: Banyak lagi? Saya bagi seminit lagi tambah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Berkaitan perjawatan, saya harap pada tahun 2019 ada peningkatan perjawatan tetapi apa yang dilaporkan di dalam buku hanya 7,149. Nampaknya hampir sama. Saya harap janganlah waktu banjir ini mereka terpaksa *stop* memikirkan pasal kebajikan masyarakat tumpukan kepada banjir jadi yang guna sama pegawai-pegawai ini.

Saya hendak puji pengarah JKM Pahang dan pegawai JKM Daerah Kuantan kerana sokongan yang amat baik.

TASKA, Tuan Pengerusi Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya harap TASKA harus diberi penekanan supaya tidak timbul lagi isu-isu di media massa, di media *online* berkaitan kualiti TASKA dan lesen yang kita keluarkan. Daripada lima tahun saya cadangkan supaya dikurangkan kepada tiga tahun tempoh kelulusan, *period of* kelulusan itu supaya dapat kita lihat penambahbaikan.

Saya harap kementerian wujudkan TASKA di Parlimen kerana dahulu ada, sekarang tidak ada, supaya memberi juga kebajikan kepada staf-staf Parlimen Malaysia ini. Perkara 020200, saya harap Bahagian Pembangunan Wanita harus ditumpukan kepada wanita muda Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya wanita muda terutamanya yang berada di universiti harus diberi kursus- *anger management*, supaya mereka dapat memahami bagaimana untuk menguruskan keluarga apabila mereka bekerja nanti supaya tidak berlaku banyak penceraian-penceraian.

Saya harap tumpuan itu juga diberi kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi di universiti. Perkara yang keempat 030400 - PDK. Saya setuju PDK tersebut. Saya harap tumpuan itu juga diberi kepada golongan mahasiswa dan mahasiswi di universiti.

■1830

Perkara yang keempat, Butiran 030400 – Kurang Upaya Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Saya setuju PDK tersebut dan saya harap dapat diberikan tumpuan.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: [*Bangun*]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sebab apa Timbalan Menteri dan Tuan Pengerusi, masalahnya adalah contohnya di kawasan Paya Besar berhampiran dengan daerah Kemaman, tetapi PDK yang ...

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Mohon mencelah. Boleh mencelah?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Merbok nak minta pencelahan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tambah ya?

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Tak apa.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Sebab tadi Yang Berhormat Paya Besar sebut pasal *anger management* bukan? Dia mungkin adik-beradik dengan *stress management*, kena buat *stress management* juga. Akan tetapi saya tak rasa wanita sahaja, lelaki lagi perlu *anger management*... [*Tepuk*]

Tuan Pengerusi: Saya dah agak dah apa yang hendak dibangkitkan. [*Ketawa*].

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Terima kasih Yang Berhormat. Tak, saya pentingnya adalah sebab kementerian ini adalah kementerian wanita, seharusnya wanita, mahasiswa dan mahasiswi juga diberikan tumpuan Yang Berhormat Merbok...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, ini bukan kementerian Wanita sahaja, kementerian semua... [*Dewan riuh*]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Jadi, saya kira pandangan saya berkaitan perkara butiran yang saya sebutkan tadi harus diberi tumpuan kerana bagi saya, wanita ini harus pergi kepada *anger management*.

Saya nak sentuh yang terakhir Tuan Pengerusi, berkaitan perkara jarak itu. Sepatutnya di kawasan saya contohnya spesifik Bukit Sagu, dia terpaksa pergi ke Kuantan, mengambil masa dan jarak lebih kurang 60 kilometer. Akan tetapi kalau dia pergi ke PDK daerah Kemaman yang di luar negeri, jarak hanya 20 kilometer. Jadi mungkin boleh dilihat walaupun dia berada di luar kawasan jagaan atau kawasan tempat mereka duduk, tetapi yang lebih dekat PDK kerana ia melibatkan jarak yang cukup panjang. Terakhir sekali Tuan Pengerusi, saya nak tahu berkaitan enam *institutes of the empowerment* ini. Apa kejayaan-kejayaan dia? Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Yang Berhormat Segamat, silakan. Dua minit juga.

6.32 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Ini saya ingin mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri, kalau boleh kita adakah satu sistem aplikasi komputer iaitu *web-based* agar Ahli-ahli Yang Berhormat ini pun dapat juga kemas kini status-status warga yang mendapatkan bantuan kebajikan masyarakat. Ini sebab kadang-kadang apabila kita pergi, kita tidak tahu sama ada mereka telah mendapat bantuan, apa jenis bantuan dan sebagainya. Kadang-kadang mereka juga mohon daripada kita dan juga sebagainya.

Saya difahamkan kadang-kadang ada pembatalan dilakukan terhadap mereka, tetapi mereka sendiri tidak diberitahu mengapa bantuan yang diberikan kepada mereka dibatalkan. Maka ada kekurangan komunikasi, kelemahan daripada segi komunikasi.

Mengenai Butiran 020300 – Institut Sosial Malaysia. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sumbangan yang telah dilakukan oleh Institut Sosial Malaysia sehingga hari ini secara kualitatif dan juga kuantitatif? Ini sebab jumlah yang diberikan hampir RM10 juta dan saya hendak tahu perincian sumbangan institut tersebut.

Mengenai Butiran 030800 - Sosioekonomi Keluarga Miskin, Butiran 030900 - Sosioekonomi Kurang Upaya, Butiran 031000 - Sosioekonomi Warga Emas, Butiran 031200 – Bantuan Sosioekonomi Lain.

Saya ingin tanya, untuk ibu-ibu tunggal khususnya kepada mereka di mana yang telah bercerai ataupun sebagainya walaupun kadang-kadang di Mahkamah Syariah diberikan juga wang nafkah tetapi mereka kadang-kadang tidak diberikan. Maka dalam kes-kes tersebut, mereka amat memerlukan bantuan dan juga sebagainya. Juga berlaku juga dalam kes-kes sivil dan juga sebagainya, kadang-kadang bantuan itu tidak diberikan.

Saya nak tanya daripada butiran-butiran ini, berapa banyak yang akan digunakan untuk membantu ibu-ibu tunggal ini khususnya di kawasan pedalaman? Kes-kes macam ini lebih banyak kerana mereka kurang boleh mendapat pekerjaan atau peluang pekerjaan menyebabkan kehidupan mereka amat susah khususnya apabila mereka ditinggalkan dengan anak-anak yang kecil dan masih bersekolah. Maka, saya mohon kepada kementerian untuk menyatakan dalam butiran manakah, berapa banyak? Kalau boleh di Segamat ini kalau boleh tunjukkan, bagi saya bertulis berapa banyak yang telah diberikan selama tiga tahun lepas dan akan diberikan pada tahun ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Papar, sila.

6.35 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 030800 – Sosioekonomi Keluarga Miskin. Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya, Butiran 031000 – Sosioekonomi Warga Emas.

Di daerah Papar terlalu ramai keluarga miskin dan warga tua yang memerlukan bantuan daripada kerajaan. Tidak kurang juga orang-orang OKU dan anak yatim. Walaupun setiap permohonan itu perlu memenuhi kelayakan masing-masing, tetapi kerajaan harus fleksibel. Misalnya, seorang tua memohon kebajikan tetapi pegawai akan bertanya soalan seperti berapa orang anak, adakah anak-anak ini bekerja dan lain-lain lagi.

Akan tetapi pegawai ini tidak melihat secara mendalam di antara anak-anak yang bekerja itu mempunyai tanggungjawab yang besar kepada keluarganya. Si anak ini juga ada mempunyai anak-anak yang masih bersekolah di mana gajinya tidak mencukupi untuk menyara dirinya, apatah lagi orang tua itu. Disebabkan oleh kekangan kewangan, anak-anak tadi tidak dapat memberi wang kepada orang tua ini seperti mana yang telah diberikan oleh kementerian kebajikan. Akan tetapi apa yang saya lihat, keluarga kepada pegawai-pegawai yang bekerja di Jabatan Kebajikan Masyarakat senang sahaja untuk mendapat kebajikan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat ini. Jadi, saya menyeru kepada kementerian supaya membuat kajian dan pengauditan secara meluas. Kerajaan kita adalah Kerajaan Pakatan Harapan, jadi semua warga yang memerlukan bantuan, semuanya mempunyai harapan untuk dibantu.

Demi untuk memperbaiki khidmat pegawai-pegawai kebajikan di setiap daerah, saya mencadangkan disediakan peti cadangan yang hanya dibuka oleh pegawai-pegawai atasan dari ibu pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat demi memantau pegawai-pegawai yang bekerja di setiap daerah. Dari itu, saya menyeru kepada semua pegawai kebajikan harus mesra rakyat dengan senyuman yang manis.

Tuan Pengerusi, kalau mereka ini tidak mahu membantu dengan keikhlasan, saya menyeru mereka supaya mengosongkan jawatan masing-masing kerana ada lagi orang yang boleh buat kerja yang terbaik dan sanggup mencurahkan bakti kepada yang memerlukan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Akhir sekali, Yang Berhormat Tebrau. Dua minit juga Yang Berhormat Tebrau.

6.38 ptg.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Perbahasan saya, okey dua minit sahaja okey. Saya hanya hendak sentuh Butiran 020100 – Kebajikan Masyarakat. Saya berharap Kerajaan PH ambil perhatian kerana sudah banyak kes saya terima, kalau seseorang memerlukan bantuan kebajikan daripada JKM, mereka perlu hadir untuk membuat permohonan. Selepas itu pada masa pembaharuan, mereka pun harus pergi.

Akan tetapi bantuan yang diberi kepada mereka bukan banyak, hanya ada RM150 sampai ada RM300. Akan tetapi jarak mereka pergi pusat JKM untuk memperbaharui atau buat permohonan melibatkan mereka kena bayar tambang teksi yang biasanya tidak kurang daripada RM50 dua hala. Jadi saya berharap dalam benda ini, permohonan atau apa-apa bantuan, pihak JKM ada pegawai untuk turun padang supaya mereka boleh daftarkan mereka di rumah mereka dan jangan susahkan mereka.

Jadi untuk Butiran 031800, saya nampak ada taska OKU tetapi saya minta pencerahan daripada kementerian untuk memberitahu di manakah ini akan dilakukan. Ini kerana di kawasan saya sangat memerlukan kerana terdapat ramai OKU di kawasan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Boleh minta peluang satu, Tuan Pengerusi? Tangga Batu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tangga Batu.

■1840

6.40 ptg.

Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu]: Saya ingin merujuk kepada Maksud B.48 Butiran 030300 – Pembangunan dan Perkembangan Kanak-kanak. Bajet telah ditingkatkan kepada RM9 juta. Ada ramai lagi kanak-kanak yang tidak bersekolah, saya pun terkejut. Ini bukan zaman 60-an atau 70-an, tetapi bila kita turun padang dan laporan daripada orang-orang kampung, masih ada yang tidak sekolah.

Baru-baru ini saya ada dapat dua budak iaitu berumur 10 tahun dan 11 tahun, mereka tolong menjaga seorang tua yang sudah tidak upaya tetapi kami telah berjaya memindahkan orang tua yang OKU yang sakit ini ke OKU Terengganu. Akan tetapi, kanak-kanak yang menjaga ini adalah kanak-kanak yang mempunyai masalah. Bila kami selidik lagi dengan NGO juga iaitu *NGO Global Peace* dan juga ABIM, kanak-kanak ini sebenarnya mak dia hisap dadah, sudah bercerai dengan bapa dia, *boyfriend* mak dia dadah, mak-mak saudara dan ibu bapa mereka pun terlibat dengan dadah. Jadi, kami amat terkejut.

Jadi kami selamatkan budak ini dan hantar ke satu macam asrama anak yatim dan apa semua dan pindahkan sekolahnya. Saya amat terharu dua bulan daripada itu, salah seorang daripada kanak-kanak ini sudah mendapat nombor tiga dalam kelas dan mendapat hadiah. Jadi kes seperti budak ini saya tengok kita kena turun lagi dan mencari perkara-perkara begini.

Begitu juga apabila tadi yang dinyatakan tentang *transport* yang diperlukan untuk melaporkan semula kes JKM untuk rayu semula, kadang-kadang ada yang tidak larat hendak bangun, tidak daya, memang terlantar. Macam mana kita hendak angkat dia? Jadi saya minta pegawai-pegawai boleh turun dalam kes-kes sebegini diberikan pengecualian.

Begitu juga kepada Butiran 030900 – Sosioekonomi Kurang Upaya. Baru-baru ini juga saya dihubungi oleh seorang OKU yang kata, “*Puan, minta duit sedikit. Saya hendak pergi SUKMA Perak*”. Jadi saya bagi dia duit, lepas itu dia beli kasut, dia tunjuk pada saya. “*Puan, saya sudah beli kasut RM80, kasut trek.*” Dan dia berjaya mendapat nombor tiga dalam 400 meter dan 200 meter. Jadi saya memang sedih dengan keadaan-keadaan begini.

Satu lagi yang saya hendak nyatakan ialah P.48 Butiran 00503. Apabila saya meraikan Deepavali di Rumah Seri Kenangan Cheng, saya lihat bahawa banyak lagi ruang-sebab ramai lagi hendak masuk ke rumah ini. Ruang ada tetapi katil tidak ada. Jadi mintakan supaya diberi- nampaknya peruntukan itu telah bertambah dan dilihat perkara-perkara begini. Jadi kita harap minta pegawai-pegawai turun lagi. Walaupun mereka telah turun tetapi perlu dipertingkatkan, ini adalah usaha yang baik untuk kita lawat sebab menyantuni rakyat itu akan membawa rahmat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan. Masa 30 minit, Yang Berhormat, boleh? Masa 30 minit.

6.43 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Boleh. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada setiap Ahli Yang Berhormat yang seramai 19 orang yang telah berbahas dan membangkitkan pelbagai perkara dan isu di bawah tanggungjawab kementerian kita.

Kementerian amat menghargai segala pandangan dan keprihatinan daripada Ahli Yang Berhormat terhadap perkara-perkara berkaitan yang telah dibangkitkan dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas semua input dan cadangan yang telah diberikan bagi memperbaiki lagi perkhidmatan yang disediakan khususnya oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Terlebih dahulu, saya ingin membetulkan kenyataan Yang Berhormat Paya Besar tadi mengenai *anger management* golongan wanita. Saya kira ada keperluan untuk kita menganjurkan *gender sensitization course* untuk semua Ahli Parlimen kerana mengikut statistik yang kita ada, punca-punca penceraian ataupun masalah dalam perkahwinan ini, dua-dua pihak ada *weaknesses* atau kelemahan masing-masing. Saya rasa lebih elok kalau perbahasan di dalam Dewan ini tidak mendiskriminasikan kaum wanita ataupun kaum lelaki.

Tuan Pengerusi, saya mungkin tidak sempat menjawab semua isu kerana 19 orang masing-masing *average* lebih kurang empat lima isu, jadi jumlah isu 76. Saya punya jawapan sangat tebal dan saya akan mulakan dan saya usahakan dengan terbaik untuk menjawab semualah.

Bagi tahun 2019, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah diperuntukkan sebanyak RM2,397 bilion. Daripada jumlah ini, RM2.201 bilion iaitu 91.84 peratus adalah di bawah Kepala B.48 iaitu peruntukan mengurus. Manakala RM195 juta atau lapan peratus adalah di bawah Kepala Pembangunan P.48. Peruntukan Bajet 2019 ini adalah untuk manfaat kesemua kumpulan sasar KPWKM iaitu wanita, keluarga, warga emas, pertubuhan bukan kerajaan, orang kurang upaya, orang papa, mangsa bencana alam dan kanak-kanak.

Peruntukan tahun 2019 yang telah diberikan kepada kementerian akan membantu melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi dan pembangunan kapasiti semua kumpulan sasar. Peruntukan mengurus yang besar ini termasuk bantuan kebajikan yang diturunkan kepada golongan yang memerlukannya setiap bulan.

Daripada jumlah peruntukan mengurus yang telah diluluskan, sebanyak RM1,491,000,000 adalah untuk bantuan-bantuan sosioekonomi. Terdapat peningkatan sebanyak 10.65 peratus berbanding peruntukan sosioekonomi yang diterima pada tahun lepas iaitu sebanyak RM1.3 bilion.

Perincian peruntukan bantuan sosioekonomi adalah seperti berikut. Saya tidak akan baca ini kerana sudah ada dalam buku ya.

Di samping itu, terdapat lima program utama kementerian telah diluluskan di bawah inisiatif bajet tahun depan iaitu pelaksanaan i-SURI sebanyak RM45 juta, Program Saringan Percuma Pengesanan Kanser Payudara (My Mamo) sebanyak RM11.4 juta, penubuhan 50 buah taska di bangunan kerajaan sebanyak RM10 juta, program vaksin wanita sebanyak RM5 juta dan program ujian saringan *pap smear* bagi pengesanan awal kanser serviks sebanyak RM3.6 juta.

Saya mulakan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya dan Yang Berhormat Kuala Nerus mengenai Akta Kesaksamaan Gender dan Akta Gangguan Seksual.

Berhubung cadangan penggubalan Rang Undang-undang Gangguan Seksual, satu kajian menyeluruh sedang dijalankan selama tiga bulan untuk mengkaji kelompangan di dalam perundangan ataupun peraturan sedia ada yang merangkumi sektor awam dan swasta di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dalam menangani isu ini. Kajian ini dijangka akan habis pada akhir bulan Januari dan kita akan bentangkan penemuan kita bersama semua Ahli Parlimen sebelum kita menggubal rang undang-undang.

Akan tetapi, kita sedar ini adalah satu keperluan yang *urgent* kerana kes-kes terbaru yang keluar dalam surat khabar melibatkan bukan sahaja sektor awam tetapi sektor swasta juga. Kita mula nampak kes-kes sudah mula keluar di dalam media dan berikutan kes Hospital Sungai Buloh di mana kerajaan telah mengambil tindakan untuk menamatkan perkhidmatan doktor tersebut, kita lihat ramai lagi mangsa sudah berani untuk ke depan untuk memberikan aduan. Kita lihat ini adalah satu perkembangan yang positif di mana kaum wanita, ataupun kaum lelaki juga boleh menjadi mangsa, telah sedar mengenai kes gangguan seksual ini.

Untuk kesaksamaan gender, bagi menjamin kesaksamaan gender di Malaysia, kementerian sememangnya berhasrat untuk menggubal Rang Undang-undang Kesaksamaan Gender seperti yang telah diumumkan oleh Menteri Wanita baru-baru ini. Untuk tujuan berkenaan, KPWKM telah menjalankan beberapa sesi libat urus bersama kementerian dan agensi kerajaan, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Libat urus perlu diluaskan lagi kepada semua agensi kerajaan-kerajaan negeri termasuk negeri Kelantan dan masyarakat umum sebelum rangka draf rang undang-undang berkenaan.

Kementerian akan meneliti semua isu yang telah dibangkitkan semasa sesi libat urus yang lepas dan akan datang bagi mendapatkan maklum balas lanjut kementerian dan agensi yang terlibat. Antara isu yang diketengahkan sehingga kini adalah isu keagamaan di mana perlu mewujudkan keseragaman antara perundangan sivil dan syariah seperti urusan perkahwinan dan hubungan keluarga, isu budaya dan nilai yang berbeza seperti perlindungan kepada golongan lesbian, biseksual dan *transgender* yang tidak diiktiraf di Malaysia dan reservasi di bawah CEDAW bagi artikel-artikel yang terlibat.

Saya bagi jaminan kita tidak akan membawa rang undang-undang ini tanpa berbincang dahulu dan mendapatkan pandangan daripada semua pihak termasuk Ahli-ahli Parlimen di sini.

Baiklah, saya teruskan kepada isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Batu Kawan, Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Hulu Selangor mengenai program *Home Help*. Apakah program *Home Help* ini?

Program khidmat bantu di rumah *Home Help* adalah satu perkhidmatan sokongan sosial di rumah kepada warga emas dan OKU yang tinggal bersendirian atau dengan keluarga melalui aktiviti lawatan mingguan oleh sukarelawan.

■1850

Sukarelawan yang dikenali sebagai petugas ini bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan sokongan sosial kepada *client*. Waktu dan kekerapan perkhidmatan bergantung kepada keperluan dan keselesaan warga emas atau golongan Orang Kurang Upaya. Tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya sejam sekali lawatan dengan kekerapan sekurang-kurangnya sekali rawatan dalam seminggu.

Nisbah petugas *Home Help* adalah seorang petugas *Home Help* bagi Program KPDR diwajibkan memberi perkhidmatan sekurang-kurangnya kepada dua orang dan tidak lebih daripada empat orang warga emas ataupun OKU. Jumlah statistik yang kita ada setakat ini, sukarelawan di seluruh Malaysia lebih kurang 2,532 orang dan *client*— mereka menjaga *client* 7,032 warga emas, 1,842 OKU, jumlah besar *client* adalah 8,874.

Program *Home Help* yang berteraskan kepada perkhidmatan kesihatan dan sosial yang dilaksanakan secara menyeluruh dengan kerjasama strategik JKM bersama sukarelawan dapat memenuhi hasrat dan inspirasi rakyat khususnya warga emas dan OKU. Program *Home Help* mampu menjimatkan peruntukan kewangan kerajaan yang perlu disalurkan bagi penjagaan warga emas dan OKU kerana warga emas dan OKU harus ditempatkan di dalam komuniti dan bukannya di institusi.

Jadi kita memang mencadangkan sesiapa sukarelawan yang boleh membantu boleh mendaftar dengan JKM untuk tengok bagaimana mereka boleh terlibat dalam memberikan bantuan *Home Help* ini kepada golongan *vulnerable* kita. Seterusnya, ..

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat...

Puan Hannah Yeoh: Ya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Berkaitan tadi, Parit Sulong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat nyatakan *Home Help* dan saya hendak memujilah sukarelawan yang membantu dari segi *Home Help* ini. Akan tetapi di daerah Batu Pahat dia ada satu lagi dan untuk negeri Johor iaitu Sukarelawan JKM. Jadi saya hendak tanya apakah perbezaan sukarelawan JKM dengan *Home Help* ini. Adakah mereka boleh menjadi sukarelawan kepada kedua-dua ataupun yang ini sahaja, yang ini yang lain. Minta penjelasan, terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Sukarelawan untuk *Home Help* ini adalah untuk golongan tertentu seperti warga emas dan OKU di mana perlukan sedikit bantuan ataupun taklimat dahulu dalam pengendalian keperluan warga emas dan OKU. Sukarelawan yang di Parit Sulong, di Johor itu saya akan dapatkan maklumat terperinci skop kerja mereka untuk memberikan kepada Yang Berhormat Parit Sulong nanti.

Okey, untuk Yang Berhormat Hulu Selangor, isu Yang Berhormat Hulu Selangor saya memang tidak sempat jawab kerana ada 7, 8 semuanya saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat Hulu Selangor.

Isu suruhanjaya kanak-kanak yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengerang dan Yang Berhormat Rasah. Jadi dalam bajet spesifik tahun ini memang tidak ada peruntukan untuk penubuhan suruhanjaya kanak-kanak tetapi seperti yang telah kita jelaskan dalam *round-table dialogue* yang baru diadakan baru-baru ini, kita akan bekerjasama dengan SUHAKAM dalam menubuhkan suruhanjaya kanak-kanak dan suruhanjaya ini akan melapor terus kepada Parlimen. Namun buat masa ini tertakluk kepada reformasi ataupun perubahan yang akan dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang untuk reformasi SUHAKAM supaya SUHAKAM diberikan lebih banyak lagi kuasa dan melaporkannya terus kepada Parlimen.

Jadi suruhanjaya kanak-kanak itu tertakluk kepada proses tersebut dan kita jangkakan pada tahun depan tetapi kita memang akan sediakan sedikit geran untuk membantu memulakan proses penubuhan suruhanjaya kanak-kanak ini dalam bentuk kajian yang mereka akan laksanakan untuk melihat skop kerja mereka.

Okey, Yang Berhormat Pengerang tidak ada di sini jadi saya akan berikan secara bertulis. Untuk Yang Berhormat Rantau Panjang yang telah membangkitkan isu taska di tempat kerja. Kita bersyukur kerana buat kali pertama ada bajet RM10 juta yang telah diberikan kali ini oleh Kementerian Kewangan untuk membina 50 buah taska yang baru di tempat kerja. Kita mulakan dahulu untuk agensi kerajaan seperti yang telah diumumkan oleh kementerian selepas kita kehilangan bayi Adam.

Jadi untuk 50 taska di tempat kerja ini kita sudah membuat audit dan telah mengenal pasti kementerian ataupun jabatan yang memerlukan penubuhan taska di tempat kerja. Saya tidak ingat tadi Ahli Parlimen mana yang bangkitkan mengenai taska di Parlimen. Taska di Parlimen kita telah pun berbincang dengan Speaker dan Speaker telah menyambut baik..

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Paya Besar.

Puan Hannah Yeoh: Ya, Yang Berhormat Tebrau. Speaker telah menyambut baik cadangan penubuhan ini dan kita memang lihat ada satu keperluan untuk mewujudkan taska di Parlimen. Mulakan untuk anak-anak Ahli Parlimen termasuk lelaki di sini yang mahu membawa anak ke tempat kerja dan untuk wartawan-wartawan yang juga terus kena bekerja malam dan mungkin mereka memerlukan sokongan ini.

Jadi sesi taklimat akan diberikan kepada agensi yang telah dikenal pasti. Kita telah mengenal pasti 139 agensi yang memerlukan ini tetapi bajet hanya mencukupi untuk 50. Akan tetapi ini bukan bermaksud kementerian tidak boleh mewujudkan taska di tempat kerja menggunakan duit kementerian masing-masing. Jadi ini adalah suntikan dana sahaja untuk membantu tetapi kita telah cadangkan dan saya telah pun bermesyuarat bersama Exco-Exco negeri juga untuk memberikan cadangan kepada kerajaan negeri masing-masing untuk memperuntukkan wang untuk menyediakan taska di tempat kerja.

Rancangan kita adalah supaya kita boleh mengawal selia aspek penyediaan taska di tempat kerja untuk sektor awam dahulu dan jika kita berjaya dan kita belajar daripada kekurangan sistem ini, kita boleh mula mewujudkan undang-undang untuk *private sector*, untuk sektor swasta supaya pada suatu hari ini kita boleh lihat keperluan untuk mewujudkan taska di tempat kerja secara mandatori dalam bentuk penggubalan undang-undang dan untuk perlindungan dan keselamatan kanak-kanak. Jadi mekanisme ini kita akan *finalize* bersama agensi-agensi yang pohon dan kita akan maklumkan kepada Dewan ini mengenai 50 taska ini dan peruntukan RM10 juta ini hanya untuk penubuhan taska yang baru bukan digunakan untuk renovasi taska sedia ada.

Yang Berhormat Rantau Panjang juga ada membangkitkan isu bilangan kakitangan bagi kerja skop JKM yang luas. JKM pernah diluluskan perjawatan sebanyak 2,800 pelbagai gred perjawatan. Kelulusan ini telah diberikan kepada tiga fasa pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, pada tahun 2016 kelulusan ini telah ditarik semula selepas fasa pertama 850 perjawatan diisi.

Dalam tempoh 2016 hingga 2018, JKM dan KPWKM telah beberapa kali mengemukakan rayuan agar pembekuan fasa dua dan fasa tiga ini boleh ditarik semula oleh JPA. Baki perjawatan 1,950 diperlukan bagi mengisi kekurangan perjawatan di institusi baru di PKMD dan JKM Negeri. Kementerian juga amat berharap agar JPA dapat mempertimbangkan semula pembekuan perjawatan ini. Kita telah mulakan perbincangan dengan JPA untuk meminta JPA menyegerakan kerana ini adalah satu keperluan. Saya setuju sangat dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang dan ini memerlukan perhatian JPA dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Rantau Panjang juga telah membangkitkan isu mengenai elaun kritikal dan saya apabila saya melawat Kelantan ini juga isu yang telah dibangkitkan oleh pegawai-pegawai di sana terutamanya yang menjaga di Rumah Seri Kenangan di mana mereka kena mengangkat warga-warga emas sentiasa untuk mendapatkan rawatan ataupun untuk *transport*. Jadi JKM telah membentangkan cadangan pemberian elaun kritikal kepada JPA. Walau bagaimanapun, berdasarkan Pekeliling JPA, elaun kritikal tidak sesuai dengan keperluan pegawai JKM.

Sehubungan dengan itu, kementerian mencadangkan elaun khas diwujudkan kepada pegawai JKM dan kertas cadangan sedang disediakan dan akan dibentangkan kepada JPA dengan segera. Kita ambil maklum ini, kita tahu ini adalah satu keperluan.

Bekalan makanan untuk mangsa keluarga yang terkepung. JKM melalui peraturan tetap Operasi Pengurusan Bencana Banjir telah menetapkan penyaluran bantuan kepada mangsa yang tidak berpindah. JKM Daerah, jajahan, bahagian melalui arahan Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah bertanggungjawab menyalurkan bantuan makanan kering bagi tempoh sekurang-kurangnya tiga hari kepada mangsa yang tidak berpindah termasuk mangsa terkepung.

Akan tetapi saya lihat untuk masalah logistik seperti ini kita perlukan lebih banyak perbincangan di peringkat *grassroot* untuk meneliti keperluan seperti ini.

■1900

Okey, untuk Yang Berhormat Lanang. Yang Berhormat Lanang bertanya spesifik mengenai di negeri Sarawak. Peningkatan peruntukan daripada RM47,000 kepada RM18 juta adalah untuk projek Kompleks Penyayang Johor dan projek Menaik Taraf Pusat Komuniti Bersepadu. Kedua-dua projek adalah di bawah JKM dan saya minta maaf ada tulisan pegawai, saya tidak boleh baca. Saya akan berikan secara bertulis. Rumah Seri Kenangan Sibul dibina oleh kerajaan negeri, tiada peruntukan daripada Persekutuan bagi penambahan dana untuk pengurusan Rumah Seri Kenangan Sibul yang dibina oleh kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan meneliti perkara ini apabila terdapat keperluan yang dibangkitkan oleh mereka. Untuk taska OKU, Taska Autisme Sibul merupakan salah satu taska OKU. Oleh itu peruntukan tahunan akan terus disalurkan seperti tahun-tahun sebelum ini berdasarkan kepada bilangan kanak-kanak yang berada di taska berkenaan.

Okey, saya hendak jawab Yang Berhormat Pontian kerana Yang Berhormat Pontian rajin, sentiasa dalam Dewan... [*Dewan Ketawa*]

Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pontian membangkitkan isu falsafah pembangunan komuniti. Ada definisi komuniti ini saya tidak perlu jawab tetapi yang menariknya cadangan Yang Berhormat Pontian mengenai keluarga angkat di mana keluarga kaya membantu keluarga miskin. Saya bersikap terbuka menerima cadangan ini dan saya rasa kita boleh pertimbangan dan kita boleh berbincang lebih lanjut dengan Yang Berhormat Pontian. Mungkin kita boleh mulakan di kawasan Pontian dulu dan kalau berjaya kita boleh teruskan kepada kawasan-kawasan Parlimen yang lain.

Yang Berhormat Pontian juga ada membangkitkan Program Pembangunan Usahawan Wanita. Kementerian kita telah melaksanakan pelbagai program pembangunan keusahawanan untuk golongan wanita dan Jabatan Pembangunan Wanita telah melaksanakan program DeWI sebelum ini dengan peruntukan sebanyak RM850,000 pada tahun 2017 yang melibatkan 1,235 orang melalui bidang jahitan, *mobile spa*, bakeri dan lain-lain. LPPKN melalui Program *MamaCare* iaitu program penjagaan lepas bersalin telah pun diperkenalkan dan seramai 1,131 orang wanita telah pun dilatih dalam jangka masa tahun 2012 hingga 2018.

Kerajaan melalui pelbagai agensi seperti MARA, AIM dan FAMA juga turut menyediakan peluang kepada wanita untuk program keusahawanan. Kami telah memberikan arahan kepada Jabatan Pembangunan Wanita untuk lebih kreatif lagi meneliti keperluan semasa di mana sekarang kita setuju ada ramai golongan wanita yang hendak buat *business online* kerana *online business* ini dilihat lebih mesra wanita. Mereka boleh kerja di rumah sementara menjaga anak-anak mereka. Jadi kita akan membawa program-program baharu dan kita akan memaklumkan kepada Parlimen. Buat masa ini kita memang menggunakan program dahulu dan kita fokus program *MamaCare* buat masa ini.

Untuk Yang Berhormat Batu Kawan. Nama Rumah Perlindungan Khas. Penghuni yang berada di dalam Rumah Perlindungan Khas Wanita ialah penghuni wanita yang telah diberi Perintah Perlindungan Interim (IPO) dan Perintah Perlindungan (PO).

Jenis mangsa yang ada di rumah perlindungan ialah mangsa yang dieksploitasi seksual, buruh paksa, dipaksa mengemis, penjualan organ manusia. Di bawah Majlis Antipermerdagangan Orang di bawah seliaan Kementerian Dalam Negeri terdapat Jawatankuasa Media dan Publisiti yang bertanggungjawab terhadap program-program kesedaran.

Program-program kesedaran dibuat melalui radio dan TV di institusi pengajian tinggi dan juga di sekolah. Kementerian melalui JPW dan JKM telah menjalankan program kemahiran membantu menjana pendapatan selain program wanita anti jenayah dan legal klinik agar wanita tidak diperdaya dan tahu hak-hak mereka.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Itu rumah perlindungan. Untuk isu butiran Pusat Khidmat Setempat OKU. Kelulusan RM500,000 ini adalah untuk pembinaan Pusat Pemulihan Komuniti.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit. Tadi mengenai Rumah Perlindungan Khas.

Puan Hannah Yeoh: Ya.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Saya juga minta butiran pecahan warganegara dan bukan warganegara.

Puan Hannah Yeoh: Ya, yang itu saya tidak ada sekarang, kita akan berikan secara bertulis.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Okey. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Untuk kelulusan RM500,000 yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Kawan, ini adalah untuk pembinaan Pusat Pemulihan Komuniti Long Laput di Baram, Sarawak dan projek akan dilaksanakan pada tahun depan.

Untuk subsidi yuran pengasuhan kepada taska komuniti RM2,527,200. Subsidi yuran pengasuhan taska RM3 juta, pengoperasian lapan buah Rumah Tunas Harapan yang menempatkan kanak-kanak miskin RM1 juta lebih. Program Pasukan Perlindungan Kanak-kanak dan Pusat Aktiviti Kanak-kanak untuk 147 buah RM1.5 juta dan Program Pasukan Kebajikan Kanak-kanak 130 buah. Itu adalah *breakdown* Yang Berhormat Batu Kawan mahu.

Untuk bantuan-bantuan di bawah sosioekonomi lain. Bantuan-bantuan ini boleh diperoleh di JKM. Bantuan bulanan, bantuan latihan perintis dengan kadar RM200 sebulan, bantuan anak pelihara dengan kadar RM250 minimum dan maksimum RM500 sebulan. Bantuan sekali gus iaitu bantuan geran pelancaran dengan kadar RM2,700 sekali gus. Bantuan alat tiruan, alat sokongan ikut harga sebenar peralatan. Tabung bantuan segera maklumat, maksimum RM300 tunai ataupun barangan, bantuan bencana alam dan semua ini adalah bantuan-bantuan yang telah diberikan melalui taklimat JKM kepada semua Ahli Parlimen pada permulaan sesi Parlimen kali ini.

Mengenai peruntukan RM22 juta. Peruntukan sebanyak RM22 juta adalah kepada pertubuhan sukarela kebajikan di bawah bantuan kewangan kepada NGO ini yang memberikan perkhidmatan jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada kumpulan sasar seperti warga emas, kanak-kanak, OKU dan lain.

Agihan RM22 juta kepada 224 buah pusat pertubuhan sukarela kebajikan di seluruh negara. Okey, taska OKU di Pulau Pinang terdapat satu taska OKU untuk kanak-kanak OKU penglihatan yang diusahakan oleh St. Nicholas Home mulai Januari 2014. Di Batu Kawan tiada taska OKU buat masa ini dan taska OKU diwujudkan sebagai projek perintis mulai tahun 2013.

Sekiranya permintaan terhadap taska OKU semakin tinggi pertimbangan akan diberikan untuk menambah bilangan taska OKU. Walau bagaimanapun kementerian lebih menggalakkan semua taska terima kanak-kanak OKU. Kita tidak hendak khusus, kita hendak integrasi bagi kanak-kanak ini.

Okey, Yang Berhormat Kuala Nerus. Penyertaan wanita, populasi wanita adalah berjumlah 15.7 juta orang iaitu 48.5 peratus daripada keseluruhan penduduk. Jumlah wanita yang menghampiri separuh daripada populasi negara, ia merupakan suatu potensi yang mesti digerakkan ke arah pembangunan negara.

Dalam usaha kita meningkatkan kadar penyertaan wanita dalam pasaran kerja pelbagai inisiatif telah disediakan seperti waktu bekerja- *flexi hours*, kemudahan tempat penjagaan taska yang telah saya umumkan tadi dan juga pelepasan cukai. Meningkatkan tempoh cuti bersalin mandatori untuk sektor swasta dari 60 hari kepada 90 hari. Pengecualian cukai pendapatan ke atas pendapatan yang diperoleh dalam tempoh 12 bulan berturut-turut selepas tempoh sekurang-kurangnya dua tahun berhenti dari pekerjaan.

Jadi kita lihat untuk membantu wanita pulang ke tempat kerja, memang sokongan infrastruktur seperti ini kita kena memperluaskan. Buat masa ini untuk *flexi hours* hanya Kementerian Wanita sahaja yang mempunyai dasar ini dan dasar untuk *work from home*, Pejabat Peguam Negara sekarang mempunyai dasar ini tetapi kita telah mencadangkan kepada semua kementerian untuk *adopt* polisi-polisi seperti ini untuk menggalakkan wanita terus bekerja.

Akan tetapi yang paling penting adalah taska di tempat kerja yang kita lihat ini adalah paling mesra keluarga dan menjamin keselamatan kanak-kanak. Ya, Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan tahniah di atas pelbagai usaha kerajaan untuk memperkasakan dan membantu kaum wanita. Cuma saya ingin cadangkan kepada pihak kementerian supaya menimbangkan cuti edah, makna cuti dalam keadaan pekerja wanita yang mengalami kematian suami. Musibah kematian suami. Saya pernah berdepan dengan isu ini. Mereka hanya diberi cuti dalam seminggu, ada yang kes tiga hari, mereka dalam keadaan masih trauma, dalam keadaan yang masih ada anak kecil baru kehilangan suami jadi perkara ini perlu dipertimbangkan.

■1910

Kelantan pernah melaksanakan cuti ini dengan sebulan bergaji penuh sebagai pengiktirafan dan isu ini tidak banyak sebenarnya berlaku. Jadi, mungkin sekali seumur hidup bagi seorang pekerja wanita. Jadi harus untuk kebajikan perkara ini dipertimbangkan.

Puan Hannah Yeoh: Ya, saya ingat Yang Berhormat Rantau Panjang memang ada membangkitkan perkara ini dan saya akan *follow-up* dengan JPA untuk memastikan golongan wanita mendapat sokongan ini.

Yang Berhormat Kuala Nerus juga ada membangkitkan statistik penceraian. Sebenarnya saya telah jawab panjang lebar dalam sesi jawapan dan soalan. Mungkin Yang Berhormat boleh check *Hansard* tersebut ya. Untuk...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri kalau ada, bagi bertulis yang itu.

Puan Hannah Yeoh: Boleh, boleh. Yang Berhormat Rasah.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, saya bangkit isu waktu kerja yang agak *flexible* untuk wanita balik lebih awal sebagai menghormati hak mereka sebagai isteri.

Puan Hannah Yeoh: Saya telah jawab tadi adalah buat masa ini Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sahaja kita telah laksanakan *flexi hours* ini di mana mereka mesti berada di pejabat waktu teras ya, pukul 10 pagi hingga tiga petang. Mereka boleh datang pukul tujuh pagi dan balik pukul tiga petang ataupun datang pukul 10 pagi dan balik pukul enam petang. Jadi kita telah melancarkan ini dan kita lihat memang berkesan untuk membantu dan kita sarankan kepada semua pihak untuk cuba melaksanakan ini. Bukan sahaja untuk golongan wanita tetapi golongan lelaki juga kerana kita mahu menggalakkan kaum lelaki, bapa juga untuk menjaga anak. Bukan sahaja tanggungjawab wanita. Okey.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Satu minit lagi Yang Berhormat.

Puan Hannah Yeoh: Okeylah, saya tutup kerana memang tidak sempat.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, banyak isu saya bangkit. Bertulis ya.

Puan Hannah Yeoh: Saya tahu. Saya hanya ada setengah jam dan ini adalah jawapan-jawapan yang saya tidak sempat baca, tebal dan saya akan berikan secara bertulis kepada semua Yang Berhormat.

Jumlah peruntukan yang diterima oleh kementerian ini sesungguhnya tidak boleh dinilai dalam bentuk peratusan peruntukan untuk projek tetapi penilaian adalah lebih kepada impak sosial daripada perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian ini. Contohnya seperti perlindungan, kaunseling, bantuan khidmat nasihat dan sebagainya.

Keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh kementerian ini sememangnya tidak dapat dinilai secara Ringgit dan sen semata-mata dan perlu dilihat secara *qualitative*. Diharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan terus menyokong usaha-usaha murni yang dilaksanakan dan memberi idea-idea yang inovatif untuk mempertingkatkan lagi kuantiti dan kualiti penyampaian perkhidmatan kementerian ini. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua dan saya akan pastikan jawapan bertulis diberikan kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam masa tujuh hari. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di atas jawapan-jawapan tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,201,600,000 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,201,600,000 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM195,738,400 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM195,738,400 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, ini ramai yang tidak ada pergi tengok bola kah pergi Thailand?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Belum habis lagi. Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 6 Disember 2018. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.14 malam]